

NILAI-NILAI MORAL DALAM TEKS SEUNTAIAN NARATIF  
*LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU  
KELANTAN*

NADWATUN NAJIHAH BINTI NAJMUDDIN

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
KELANTAN  
2023



**NILAI-NILAI MORAL DALAM TEKS SEUNTAIAN NARATIF  
LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU  
KELANTAN**

**NADWATUN NAJIHAH BINTI NAJMUDDIN**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA  
PENGAJIAN WARISAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

- |                                     |         |   |
|-------------------------------------|---------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)  |
| <input type="checkbox"/>            | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah<br><br>Dari tarikh _____ sehingga _____ |
| <input type="checkbox"/>            | SULIT   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)  |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)   |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

---

TANDATANGAN

990512-10-7334  
NO. KAD PENGENALAN  
Tarikh:

---

TANDATANGAN PENYELIA

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob  
NAMA PENYELIA  
Tarikh:

## Penghargaan

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang.

Segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad S.A.W.

Pertama sekali, saya ingin menitipkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa penyeliaan tesis yang saya sayangi iaitu Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob atas bimbingan, tunjuk ajar, saranan dan panduan yang ditunjukkan sepanjang kajian ini dijalankan. Semoga segala jasa baik dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah S.W.T.

Seterusnya, jutaan terima kasih diucapkan buat ibu dan ayah tercinta Aniza binti Mohd Sani dan Najmuddin bin Sarman serta keluarga tersayang kerana telah menjadi tulang belakang dan penguat semangat sepanjang tesis ini disiapkan. Ribuan terima kasih juga buat rakan seperjuangan dalam menyiapkan tesis ini kerana tidak putus memberikan bantuan dan pertolongan ketika diperlukan.

Penghargaan ini dedikasikan juga kepada pihak perpustakaan dari Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Awam Kelantan dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur yang telah memberikan kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan kajian dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Akhir kata, semoga dunia sastera akan terus maju. Segala yang buruk datang daripada saya dan segala yang baik datangnya daripada Allah S.W.T.

Sekian, Terima Kasih.

Nadwatun Najihah binti Najmuddin  
C19A0361  
Kampung Bukit Kerayong 1  
42200, Kapar,  
Selangor.  
01129107661  
[nadwatun.c19a0361@siswa.umk.edu.my](mailto:nadwatun.c19a0361@siswa.umk.edu.my)

## Jadual Kandungan

Bil.	Perkara	Halaman
	PENGESAHAN TESIS	I
	PENGHARGAAN	II
	JADUAL KANDUNGAN	III
	SENARAI RAJAH	VI
	SENARAI JADUAL	VII
	SENARAI CARTA	VIII
	ABSTRAK	IX
	ABSTRACT	X
	BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	3
1.3	Persoalan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Batasan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Definisi Operasional	
1.7.1	Cerita Rakyat	11
1.7.2	Nilai Moral	12
1.7.3	Pemerintah	12
1.7.4	Masyarakat	13
1.8	Organisasi Kajian	14
1.9	Penutup	16
	BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1	Pengenalan	20
2.2	Pengkajian Naratif Lisan di Malaysia	20
2.3	Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya Sastera	43
2.4	Penutup	62
	BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	63
3.2	Rekabentuk Kajian	63
3.3	Kaedah Kajian	64
3.3.1	Kajian Kepustakaan	64
3.3.2	Rujukan Teks atau Dokumen	65
3.4	Teori Pengkaedahan Melayu	65
3.4.1	Pengkaedahan Alamiah	66
3.4.1.1	Pendekatan Gunaan	67
3.4.1.2	Pendekatan Moral	68
3.4.1.3	Pendekatan Firasat	69
3.4.2	Pengkaedahan Keagamaan	71
3.4.2.1	Penekatan Dakwah	73
3.4.2.2	Pendekatan Kemasyarakatan	73
3.4.2.3	Pendekatan Seni	74
3.5	Kerangka Konseptual	75
3.6	Penutup	76

## BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	
4.2	Nilai Baik Hati	77
4.2.1	Nilai Baik Hati Melalui Sikap Belas Kasihan	77
4.2.2	Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemurah	82
4.2.3	Nilai Baik Hati Melalui Sikap Bertimbang Rasa	87
4.2.4	Nilai Baik Hati Melalui Sikap Memahami	95
4.3	Nilai Berdikari	98
4.3.1	Nilai Berdikari Melalui Sikap Bertanggungjawab	99
4.4	Nilai Berhemah Tinggi	104
4.4.1	Nilai Berhemah Tinggi Melalui Sikap Ramah Mesra	105
4.4.2	Nilai Berhemah Tinggi Melalui Sikap Mengakui Kesalahan	109
4.4.3	Nilai Berhemah Tinggi Melalui Sikap Kesopanan	112
4.5	Nilai Hormat-Menghormati	116
4.5.1	Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Orang Tua	117
4.5.2	Nilai Hormat Menghormati Melalui Sikap Menghormati Raja dan Negara	120
4.6	Nilai Kasih Sayang	124
4.6.1	Nilai Kasih Sayang Melalui Sikap Manusia Sayangkan Nyawa	124
4.6.2	Nilai Kasih Sayang Melalui Sikap Manusia Cintakan Negara	128
4.6.3	Nilai Keberanian Melalui Sikap Mempertahankan Pendirian	130
4.7	Nilai Keadilan	132
4.7.1	Nilai Keadilan Melalui Sikap Adil dan Saksama	132
4.8	Nilai Keberanian	134
4.8.1	Nilai Keberanian Melalui Sikap Mempertahankan Diri	135
4.8.2	Nilai Keberanian Melalui Sikap Tidak Membuta Tuli	139
4.8.3	Nilai Keberanian Melalui Sikap Bertanggungjawab	143
4.9	Nilai Kebersihan	146
4.9.1	Nilai Kebersihan Fizikal dan Mental Melalui Sikap Menjaga Kebersihan Diri	147
4.9.2	Nilai Kebersihan Fizikal dan Mental Melalui Sikap Pemikiran Sihat dan Membina	151
4.10	Nilai Semangat Bermasyarakat	153
4.10.1	Nilai Semangat Bermasyarakat Melalui Sikap Tolong-Menolong	154
4.11	Nilai Kerajinan	158
4.11.1	Nilai Kerajinan Melalui Sikap Kegigihan Atau Ketekunan	159
4.12	Nilai Kejujuran	162
4.12.1	Nilai Kejujuran Melalui Sikap Amanah	163
4.12.2	Nilai Kejujuran Melalui Sikap Ikhlas	165
4.12.3	Nilai Kejujuran Melalui Sikap Bercakap Benar	167
4.13	Nilai Kesederhanaan	169
4.13.1	Nilai Kesederhanaan Melalui Sikap Pertuturan dengan Tingkah Laku	169
4.14	Nilai Kesyukuran	171
4.14.1	Nilai Kesyukuran Melalui Sikap Penghargaan	171
4.15	Nilai Rasional	173
4.15.1	Nilai Rasional Melalui Sikap Alasan dan Bukti Yang Kukuh	174
4.16	Penutup	177

BAB 5 RUMUSAN

5.1	Pengenalan	178
5.2	Rumusan	180
5.3	Cadangan	183
5.4	Penutup	187
RUJUKAN		189
BIODATA PENULIS		195

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

Senarai Rajah

Halaman

Rajah 1: Kerangka Konseptual

75



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.0 Kategori Pemilihan Cerita Rakyat Melayu	9



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## SENARAI CARTA

	Halaman
Carta 1: Kaedah Kajian	54
Carta 2: Teori Pangkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989)	66
Carta 3: Pengkaedahan Alamiah	67
Carta 4: Pengkaedahan Keagamaan	71

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

Nilai-Nilai Moral Dalam Teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan*

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada penelitian terhadap aspek nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan*. Kajian ini dijalankan kerana pengkaji telah mengenalpasti terdapat kelompongan dalam kajian lepas yang mana kajian berkenaan dengan nilai-nilai moral dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* belum dijalankan. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai moral yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan*. Seterusnya, pendekatan moral yang terkandung dalam teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) dijadikan sebagai panduan dalam menyempurnakan kajian ini. Selain itu, kajian ini juga membataskan kepada 20 buah cerita rakyat seperti *Haji Long Abdul Rahman, Asal Usul Datu, Tok Karim Guru Silat Masyhur, Pengaruh Baharu di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani, Kehebatan Laksamana Laut, Bidan Tok Haji Esah, Che Deraman, Asal Usul Datu, Nik Mat Keturunan Raja Banjar, Tentera Bergajah, Mok Su Nab Ular, Nurani Che Him dalam Masyarakat, Kezaliman Seorang Raja, Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta, Simbolik Rebana, Pengunduran Raja Patani, Kegemilangan Pengkalan Datu, Asal Usul Kampung Babong, Tengku Mahmud Muhiyuddin dan Tok Perindu*. Tambahan lagi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara kepustakaan dan analisis teks. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa cerita-cerita rakyat Melayu memang sarat dengan teladan yang boleh dijadikan contoh kepada masyarakat bahkan padat dengan nilai kebudayaan masyarakat Melayu sejak dari dahulu lagi.

Kata Kunci : Cerita Rakyat, Nilai Moral, Pemerintah, Masyarakat

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Moral Values In The Text Of Oral Narrative Sequence In The Sungai Pengkalan Datu  
Kelantan

ABSTRACT

This study focuses on the study of aspects of moral values contained in Malay folklore in the book *Oral Narrative Sequence in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*. This study was conducted because the researcher has identified a gap in previous studies where the study regarding moral values in the text of the *Oral Narrative Sequence in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan* has not been conducted. Therefore, the objective of this study is to identify and analyze the moral values contained in the text of the *Oral Narrative Sequence in the Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*. Next, the moral approach contained in the theory of Malay methodology by Hashim Awang (1989) is used as a guide in completing this study. Apart from that, this study is also limited to 20 folk tales such as *Haji Long Abdul Rahman, Asal Usul Datu, Tok Karim Guru Silat Masyhur, Pengaruh Baharu di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani, Kehebatan Laksamana Laut, Bidan Tok Haji Esah, Che Deraman, Asal Usul Datu, Nik Mat Keturunan Raja Banjar, Tentera Bergajah, Mok Su Nab Ular, Nurani Che Him dalam Masyarakat, Kezaliman Seorang Raja, Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta, Simbolik Rebana, Pengunduran Raja Patani, Kegemilangan Pengkalan Datu, Asal Usul Kampung Babong, Tengku Mahmud Muhiyuddin and Tok Perindu*. Furthermore, this study uses a qualitative approach to literature and text analysis. The results of the study show that the stories of the Malay people are indeed loaded with examples that can be used as an example to the community and even dense with the cultural values of the Malay community since time immemorial.

Keywords: Folklore, Moral Values, Government, Society

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### Pendahuluan

#### 1.1 Pengenalan

Sastera rakyat merupakan satu bentuk sastera yang mana disampaikan secara lisan iaitu daripada satu generasi kepada generasi yang seterusnya. Umum mengetahui, sastera Melayu klasik sudah berkurun lama berada di Tanah Melayu. Hal ini turut diulas oleh Mohd Taib Osman (2007) yang mana menurut beliau sastera rakyat merupakan satu bentuk Kesusasteraan Melayu Lama yang telah wujud dalam kalangan masyarakat Melayu yang mana pada ketika itu kesusasteraan lisan wujud terlebih dahulu berbanding kesusasteraan bertulis dan diamalkan oleh golongan luar istana. Menurut Utley (1965), sastera rakyat bercorak lisan yang dituturkan dan ia juga berkembang melalui tradisi lisan . Sastera rakyat juga berkembang ketika masyarakat tidak mengenal huruf. Oleh itu, pada ketika itu kebanyakan cerita disampaikan oleh penglipur, penutur atau pencerita. Dalam pada itu, Ismail Hamid (1987) turut menjelaskan bahawa sastera rakyat atau sastera lisan khususnya cerita rakyat merupakan sastera terawal yang wujud dalam kebudayaan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada ketika itu sistem tulisan masih tidak wujud lagi dan ini menjadikan tradisi lisan muncul dahulu disusuli dengan sistem tulisan. Oleh itu jelaslah bahawa, sastera lisan telah berkembang dengan meluas dalam kalangan masyarakat Melayu purba sebelum masyarakat Melayu mengenal huruf.

Menerusi karya yang terhasil daripada cerita rakyat dapat dilihat kebanyakan penulisan cerita rakyat ini mempunyai nilai moral tersendiri yang mampu dijadikan contoh yang baik serta teladan kepada pembaca. Naratif lisan ini memperlihatkan pelbagai nilai moral yang baik seperti nilai baik hati, nilai berdikari, nilai hormat-menghormati, nilai kebersihan dan sebagainya. Tambahan pula, nilai moral ini turut dibahaskan melalui pendekatan moral oleh Hashim Awang (1999) yang mana nilai

moral merupakan satu kejadian pengalaman hidup yang dialami individu dan ia didasari oleh pendekatan gunaan. Sebagai contoh, pengalaman hidup manusia seperti kejiwaan, kepercayaan (agama), kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan daya kreativiti. Kajian ini akan memperlihatkan nilai moral yang terdapat dalam kalangan masyarakat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Hal ini bagi mengenalpasti nilai moral yang terkandung dalam teks tersebut memandangkan sejak berkurun lamanya masyarakat Melayu memang terkenal dengan budaya dan adat serta sikap sopan santun. Oleh itu, dengan memiliki sifat sedemikian ia akan memberikan manfaat yang lebih banyak seperti dapat membentuk jati diri manusia.

Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Hashim Awang (2002) beliau telah membahagikan Teori Pengkaedahan Melayu kepada dua bahagian iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan yang fungsinya saling berkaitan antara satu sama lain. Daripada dua pengkaedahan itu pula dibahagikan kepada beberapa pendekatan iaitu pendekatan firasat, pendekatan moral, pendekatan gunaan, pendekatan kemasyarakatan, pendekatan seni dan pendekatan dakwah. Rentetan daripada itu, dalam kajian ini pengkaji akan mengaplikasikan teori pengkaedahan alamiah berdasarkan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, berdasarkan tajuk kajian yang dilakukan teori ini amat bersesuaian memandangkan kajian ini akan memfokuskan kepada nilai moral yang terkandung dalam teks pilihan.

Kesimpulannya, kajian ini akan membincangkan nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat khususnya dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

## 1.2 Penyataan Masalah

Umum mengetahui, kajian berkenaan dengan nilai-nilai murni telah banyak dilakukan dalam sastera rakyat Melayu seperti hikayat, syair, pantun, seloka, novel, cerpen, sajak serta cerita rakyat Melayu. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menambahkan input yang tidak terdapat daripada kajian lepas tentang nilai-nilai moral dalam cerita rakyat Melayu. Antara kajian lepas yang telah dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), dalam kajiannya terhadap cerita rakyat Melayu dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Menerusi kajian tersebut, pengkaji telah memfokuskan kepada 16 nilai murni seperti baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat yang dibawa oleh watak-watak dalam cerita rakyat Melayu. Namun begitu, kajian yang dijalankan ini akan memfokuskan kepada 20 cerita rakyat yang mana pengkaji akan menganalisis nilai moral yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Hal ini bertujuan, untuk mengenalpasti nilai moral dalam kalangan masyarakat Melayu yang dikatakan cukup terkenal dengan sifat bersopan-santun serta tinggi adab dan tatasusilanya.

Selain daripada itu, golongan remaja kian lupa dan seolah-olah meminggirkan dunia kesusasteraan serta kurang berminat tentang cerita rakyat. Hal ini menyebabkan, majoriti golongan muda pada masa kini kurang cakna tentang nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu yang penuh dengan pengajaran dan teladan yang boleh dicontohi. Oleh itu, kajian ini akan mengupas nilai moral yang terkandung dalam *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* untuk memberi kesedaran kepada golongan muda khususnya akan kepentingan cerita rakyat kepada sesebuah negara. Hal ini kerana, golongan muda adalah pemacu kemajuan negara dan cerita rakyat itu sendiri melambangkan identiti sebuah negara. Jika setiap

individu tidak mengambil inisiatif dan bersikap seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing maka, kemajuan negara tidak mungkin akan tercapai. Hal ini kerana, jika ingin melihat kemajuan sesebuah negara pada masa akan datang lihat pada golongan remaja pada ketika itu. Justeru, setiap pihak perlu memainkan peranan dan sama-sama bersatu bagai aur dengan te g untuk menarik golongan muda minat pada dunia kesusasteraan.

Seterusnya, kajian tentang nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat amat penting dalam membentuk jati diri individu bagi melahirkan sebuah masyarakat yang bermoral. Menurut Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman (2011), penerapan nilai moral yang baik dalam cerita rakyat merupakan satu cara untuk memberi pendedahan kepada masyarakat terutamanya kanak-kanak kerana mereka mudah terpengaruh.

Oleh hal yang demikian, kajian tentang nilai moral dalam cerita rakyat wajar dilakukan untuk memberi input baharu yang tidak ada dalam kajian lepas. Maka, kajian ini akan mengisi kelompongan dengan memfokuskan terhadap nilai-nilai moral yang terdapat dalam *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

### 1.3 Persoalan Kajian

Pengkaji telah memilih untuk mengkaji cerita rakyat yang terkandung di dalam buku bertajuk *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd. Firdaus Che Yaacob. Dalam kajian tersebut pengkaji mendapati bahawa tedapat beberapa persoalan kajian.

Antara persoalan kajian ialah :

- 1.3.1 Apakah nilai-nilai moral yang terdapat dalam buku cerita rakyat yang dikaji?
- 1.3.2 Bagaimanakah nilai-nilai moral yang dikaji dalam buku cerita rakyat *Seuntaian Naratif Lisan di Pengkalan Datu Kelantan*?

#### 1.4 Objektif Kajian

Pengkaji telah mengenal pasti terdapat beberapa objektif kajian iaitu :

- 1.4.1 Mengenalpasti nilai-nilai moral dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob.
- 1.4.2 Merumuskan nilai-nilai moral yang terkandung dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob.

### 1.5 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini telah dikhatusukan kepada genre cerita rakyat Melayu sebagai data kajian. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memilih teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob. Pengkaji memilih teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* kerana keunikan buku ini yang dihasilkan berdasarkan daripada naratif lisan yang diperolehi di beberapa buah kampung di Kelantan iaitu Kampung Pantai Senak, Kampung Kedai Lalat dan Kampung Babong. Di samping itu, penggunaan bahasa yang mudah difahami juga mampu menarik minat pembaca tidak mengira lapisan umur dan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, di dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob mempunyai pelbagai nilai moral yang boleh diperolehi untuk dijadikan teladan dalam kehidupan seharian.

Selain daripada itu, terdapat beberapa justifikasi yang menjadi faktor pemilihan buku ini sebagai panduan dalam menjalankan kajian ini. Antaranya kerana teknik penyampaian serta penulisan yang dihasilkan memudahkan pembaca untuk memahami setiap plot dan jalan cerita yang ingin disampaikan kepada pembaca. Setiap plot dan jalan cerita yang dihasilkan memudahkan pembaca untuk memahami apa yang ingin disampaikan. Menerusi buku ini pengkaji telah mengenalpasti penulis telah berjaya menggarap plot naratif lisan mengikut kronologi yang mana ia terdiri daripada empat peringkat garapan plot iaitu permulaan, perkembangan, konflik, klimaks dan pemerian. Selain daripada itu kepelbagaian teknik penulisan yang digunakan dalam menghasilkan karya naratif lisan ini juga menarik minat pengkaji kerana menerusi teknik yang ditunjukkan oleh penulis seperti pemerian, dialog, imbas kembali dan suspens membuatkan jalan cerita itu lebih menarik untuk dibaca. Kebijaksanaan penulis dalam mempelbagaikan teknik penulisan juga memainkan peranan dalam menjadikan buku ini menarik untuk dibaca.

Di samping itu, buku ini mempunyai banyak nilai moral yang menjadi faktor utama pengkaji menggunakan buku ini sebagai teks kajian. Cerita rakyat sememangnya sarat dengan nilai-nilai yang tersendiri. Namun begitu, pada kajian ini pengkaji memfokuskan kepada nilai-nilai moral kerana nilai-nilai ini merupakan satu nilai yang perlu diberi perhatian kerana nilai ini yang menjadi pedoman kepada pembaca khususnya. Melalui naratif lisan yang dihasilkan ini, pengkaji telah mengenalpasti buku ini sememangnya banyak nilai moral yang boleh diambil untuk pengkaji menjadikan satu panduan dalam menjalankan kajian ini.

Seterusnya, penggunaan laras bahasa yang mudah difahami oleh semua lapisan umur juga antara faktor yang mendorong pengkaji memilih buku ini untuk dijadikan rujukan teks utama. Laras bahasa yang mudah untuk difahami menjadikan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis menerusi penulisan ini dapat disampaikan dengan baik. Selain daripada itu, penggunaan perkataan yang sesuai juga menjadikan pembaca boleh mendapat gambaran dengan jelas dan tepat terhadap sesebuah situasi yang cuba diketengahkan oleh penulis kepada pembaca. Hal ini menyebabkan, mesej dan gambaran terhadap sesuatu perkara yang berlaku itu mudah untuk diterima oleh pembaca dari dalam kalangan lapisan umur.

Keempat, menerusi cerita rakyat yang terkandung di dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ini juga mengandungi pelbagai genre yang mampu untuk menarik setiap lapisan masyarakat yang membacanya. Kepelbagaiannya genre-genre ini yang terdiri daripada jenaka, asal usul, hubungan pemerintah dan rakyat, mistik dan sebagainya mampu untuk memberi pendedahan kepada masyarakat bahawasanya cerita rakyat itu tidak terbatas hanya kepada genre mitos dan lagenda sahaja akan tetapi ia juga merangkumi pelbagai jenis-jenis cerita rakyat yang boleh dijadikan bahan bacaan ketika waktu lapang. Dengan pembacaan menerusi cerita rakyat ini pada waktu lapang juga mampu untuk menanamkan sifat menghargai masa dengan melakukan aktiviti yang berfaedah dan membaca

merupakan antara satu cara untuk setiap individu memperoleh ilmu yang baharu. Kisah-kisah rakyat yang terkandung di dalam naratif lisan ini juga sememangnya sarat dengan pelbagai mesej yang boleh memberi ilmu baharu kepada pembaca.

Akhir sekali, justifikasi pemilihan buku ini sebagai bahan kajian adalah kerana penulis telah menghasilkan sebuah karya yang menyentuh setiap sudut kehidupan seperti nilai keagamaan, kemasyarakatan, moral dan sebagainya. Nilai-nilai yang terkandung di dalam cerita rakyat ini yang akan menjadi sandaran kepada pembaca untuk dijadikan sebagai sebuah pegangan hidup. Hal ini dikatakan demikian kerana, menerusi nilai-nilai yang terdapat di dalam naratif lisan ini mampu untuk mempengaruhi minda pembaca untuk berfikir sama ada perbuatan yang dilakukan oleh watak yang terdapat di dalam sesebuah kisah itu adalah baik atau buruk dan pembaca juga akan berfikir sama ada ia boleh dijadikan teladan dan pengajaran atau sebagai pedoman di dalam hidup.

Selain itu, buku ini telah diterbitkan untuk kali pertama pada tahun 2021 oleh Percetakan Mesbah Sdn Bhd. Selepas itu, buku ini juga dicetak buat kali yang kedua pada tahun yang sama iaitu 2021. Seterusnya, bilangan keseluruhan tajuk buku ini ialah sebanyak 40 buah tajuk cerita rakyat dan mengandungi 100 halaman muka surat. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah membataskan sebanyak 20 cerita rakyat Melayu di dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob dengan merujuk Jadual 1.0.

Kategori Nilai Moral	Tajuk Cerita Rakyat
Baik Hati	<i>Haji Long Abdul Rahman</i> <i>Kehebatan Laksamana Laut</i> <i>Che Deraman</i> <i>Tentera Bergajah</i> <i>Mok Su Nab Ular</i>
Berdikari	<i>Bidan Haji Tok Esah</i>
Berhemah Tinggi	<i>Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani</i> <i>Nurani Che Him Dalam Masyarakat</i>

	<i>Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta</i>
Hormat-Menghormati	<i>Tok Karim Guru Silat Masyhur Simbolik Rebana</i>
Kasih Sayang	<i>Kezaliman Seorang Raja Pengunduran Raja Patani</i>
Keadilan	<i>Kegemilangan Pengkalan Datu</i>
Keberanian	<i>Nik Mat Keturunan Raja Banjar Asal Usul Kampung Babong Tengku Mahmud Muhiyuddin</i>
Kebersihan	<i>Raja Sakti Pemerintah Berwibawa Asal Usul Datu</i>
Semangat Bermasyarakat	<i>Tok Perindu</i>

**Jadual 1.0 Kategori Pemilihan Cerita Rakyat Melayu**

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 1.6 Kepentingan Kajian

Umum mengataui terdapat banyak faedah dalam menjalankan sesuatu kajian yang boleh diperolehi oleh setiap pihak sama ada kepada negara, masyarakat dan penyelidik sendiri.

Antara kepentingan kajian ini ialah dapat menambahkan input baharu kepada negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap kajian yang dilakukan pasti akan menemukan satu perkara yang baharu dan berguna kepada negara. Perkara baharu ini akan dapat membantu dan memberi manfaat kepada pengkaji lain. Ia juga turut boleh menjadi pemangkin atau batu loncatan kepada penyelidik yang lain untuk menamai kajian yang sedia ada agar kelomongan atau kekurangan pada kajian yang terdahulu dapat diperbaiki. Selain daripada itu, maklumat baharu ini juga boleh dikongsikan bersama untuk menjadikan bidang ini terus maju. Rentetan daripada itu, kajian cerita rakyat amat penting untuk dikaji bagi menambahkan input baharu kepada negara dan memastikan khazanah budaya Melayu ini terus berkembang.

Selain itu, kajian ini juga memberi manfaat kepada masyarakat kerana dapat memberi pengetahuan dan pendedahan mengenai cerita rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita rakyat juga merupakan suatu perkara yang begitu dekat dengan masyarakat kerana setiap cerita itu banyak melibatkan tentang masyarakat itu sendiri. Masyarakat akan lebih cakna akan cerita rakyat kerana kebanyakan cerita rakyat itu mempunyai unsur nilai moral yang ingin disampaikan yang mana setiap daripadanya boleh dijadikan pengajaran dan pedoman dalam hidup. Masyarakat yang berpengetahuan akan membentuk sebuah negara yang maju kerana mereka mempunyai nilai moral yang tinggi yang diambil berdasarkan pembacaan cerita rakyat. Justeru, ia akan memberikan pengetahuan dan memberi teladan kepada masyarakat sekaligus dapat membentuk sebuah masyarakat yang bermoral dan berpengetahuan.

Akhir sekali, kepentingan kajian ini kepada pengkaji sendiri adalah dapat membentuk jati diri kerana melalui kajian ini pengkaji dapat menelusuri nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat untuk dijadikan teladan. Selain daripada itu, melalui kajian ini juga, pengkaji dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan berkaitan cerita rakyat sekaligus dapat menjadikan pengkaji seorang yang celik berkaitan cerita rakyat.



## 1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan satu penjelasan daripada perkataan atau frasa yang digunakan dalam kajian untuk memberikan gambaran yang lebih jelas dan tepat dalam penulisan kajian ini. Antara frasa yang diberi definisi iaitu cerita rakyat, nilai moral, pemerintah dan masyarakat.

### 1.7.1 Cerita Rakyat

Menurut Ismail Hamid (1986), beliau menyatakan bahawa cerita rakyat merupakan satu bentuk sastera yang disampaikan secara lisan dari individu kepada individu yang lain seperti seorang bapa menceritakan kisah rakyat kepada anaknya. Hal ini juga ditegaskan oleh Fatimah Md.Yassin (1991), yang mana beliau menyatakan bahawa cerita rakyat merupakan satu tradisi lisan yang disampaikan dari generasi ke generasi seterusnya untuk memberi nasihat kepada ahli-ahli masyarakat. Selain daripada itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) turut menyatakan bahawa, cerita rakyat boleh dijadikan teladan untuk masyarakat berpelakuan baik dalam kehidupan seharian memandangkan ia merupakan sebuah karya sastera yang kaya dengan nilai murni yang menarik dan unik.

Berdasarkan daripada pendefinisian tersebut dapat disimpulkan cerita rakyat boleh menjadi teladan kepada masyarakat kerana cerita rakyat sarat dengan pengajaran yang boleh dijadikan ikhtibar kepada masyarakat pada masa kini agar tidak mengulangi kesilapan yang terdahulu dan menjadikan perkara yang baik dalam cerita rakyat itu sebagai panduan untuk menjadi insan yang bermoral. Cerita rakyat disampaikan dengan menggunakan lisan kerana masyarakat zaman dahulu masih tidak mahir dalam menggunakan sistem penulisan dan ia bertujuan untuk menghiburkan dan memberi nasihat secara tidak formal kepada masyarakat. Oleh itu, jelaslah bahawa cerita rakyat merupakan satu warisan tradisi yang disampaikan secara lisan daripada generasi kepada generasi seterusnya. Ia juga adalah

sebahagian daripada sastera milik orang Melayu yang mana ia dijadikan sebagai hiburan oleh masyarakat pada satu ketika dahulu.

### 1.7.2 Nilai Moral

Menurut Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman (2011), penerapan nilai moral yang baik dalam cerita rakyat merupakan wadah penyampaian penting bagi mendedahkan kepada masyarakat bahawa tolong-menolong itu penting terutama bagi kanak-kanak kerana mereka mudah terpengaruh dengan budaya luar yang boleh mempengaruhi mereka. Hal ini bertepatan dengan pendekatan moral dan pendekatan masyarakat yang digagaskan oleh Hashim Awang (2002), di mana beliau memperlihatkan bahawa pembentukan moral yang baik mampu mempengaruhi pembentukan moral yang baik dalam diri kanak-kanak itu sendiri. Hal ini turut di sokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), apabila beliau menyatakan bahawa cerita rakyat Melayu sememangnya kaya dengan nilai estetika, padat dengan nilai sejarah dan kaya dengan nilai moral sesebuah masyarakat penting dalam membentuk moral yang baik dalam melahirkan modal insan yang unggul.

Maka dapat ditafsirkan bahawa nilai moral ini terdapat dalam cerita rakyat yang mana ia berfungsi untuk dijadikan teladan agar dapat membentuk jati diri yang baik seterusnya melahirkan masyarakat yang bermoral. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa nilai moral yang terdapat di dalam karya sastera mampu untuk membentuk keperibadian seseorang individu kerana menerusi cerita rakyat itu sendiri jelas menunjukkan terdapat nilai-nilai yang mampu untuk dijadikan contoh serta teladan tanpa mengira lapisan usia.

### 1.7.3 Pemerintah

Menurut Tichy dan Devanna (1986), kepimpinan merupakan satu proses untuk mencapai matlamat yang telah dicipta bersama-sama dengan masyarakat dan ia merupakan satu proses untuk mentransformasikan pengikut serta menentukan langkah-langkah untuk mencapai matlamat bersama. Selain daripada itu, Zainal Abidin

(2012) turut membahaskan bahawa idea dan pandangan dunia terhadap pemimpin merupakan kesinambungan pandangan dunia pra-Islam di Alam Melayu yang mana raja itu dewa sakti atau dewa raja. Hal ini turut disokong oleh Northouse (2013), yang mana beliau mendefinisikan kepimpinan itu sebagai satu proses yang mana seorang individu mempengaruhi sekumpulan individu bagi mencapai matlamat yang sama.

Oleh hal yang demikian, pemerintah atau raja merupakan seorang ketua kepada sesebuah negara yang akan mengendalikan tumpuk pentadbiran negara. Kejayaan atau kemajuan sesebuah negara bergantung kepada kebijaksanaan seorang pemimpin itu. Hal ini dalam erti kata lain membawa maksud, seorang pemimpin itu mempunyai kuasa atau kemampuan untuk mempengaruhi orang dibawahnya untuk mencapai kehendak yang sama. Oleh itu, dalam mentadbir sebuah negara pemerintah perlulah bijak dalam mengendalikan orang bawahan agar dapat membentuk sebuah kerajaan yang maju. Selain itu, pemerintah juga perlulah mempunyai teladan yang baik kerana raja atau pemimpin ini merupakan satu golongan yang dipandang tinggi oleh masyarakat. Jika, seorang raja atau pemimpin bersifat sebaliknya maka masyarakat atau pengikut tidak akan menghormati golongan ini.

#### 1.7.4 Masyarakat

Menurut Nor Rafidah, Sity dan Mohd Samsudin (2017), menyatakan bahawa, “seorang pemimpin perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, mendalam, dan peka terhadap isu-isu semasa dan mampu untuk mentadbir sesebuah organisasi dengan baik”. Hal ini turut dibicarakan oleh Hashim Awang (1984), di mana beliau menyatakan bahawa nilai kemasyarakatan dan kemanusiaan itu di dalam konteks kesusasteraan perlu di bahaskan tidak mengira genre kerana ia merupakan aspek isi falsafah sosial. Hal ini bertepatan dengan perkara yang dibahaskan oleh Hashim Awang (2002), yang mana beliau menyatakan bahawa pemikiran sesebuah masyarakat itu lahir daripada karya sastera dan alam yang mana saling melengkapi.

Berdasarkan daripada pendefinisan tersebut dapat disimpulkan bahawa sastera itu sendiri perlu untuk setiap karya itu membahaskan aspek kemasyarakatan kerana ia merupakan salah satu aspek isi falsafah sosial. Dalam erti kata lain, pemimpin perlu mempunyai kebijaksanaan dan boleh mengatur strategi pentadbiran dengan baik agar rakyat atau pengikut mampu untuk menjadikan pemimpin mereka sebagai satu contoh yang baik dan dapat diteladani. Dalam konteks pentadbiran di dalam sesebuah negara, masyarakat adalah anggota majoriti. Masyarakat memainkan peranan yang penting dalam membangunkan sebuah negara yang maju. Hubungan di antara masyarakat dan pemerintah saling berkait rapat dan saling memerlukan di antara satu sama lain. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa di antara karya sastera dan masyarakat mempunyai hubung kait yang mana membantu untuk membina sebuah keharmonian sesebuah negara.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.8 Organisasi Kajian

Pada bahagian ini iaitu oraganisasi kajian pengkaji akan menyatakan secara ringkas berkaitan dengan keseluruhan bab yang terkandung dalam kajian ini. Hal ini bagi memberi gambaran tentang apa yang akan dibincangkan dalam setiap bab yang terkandung dalam kajian ini. Oleh hal yang demikian, kajian ini dibahagikan kepada 5 bab.

Pada bab 1 adalah bahagian pengenalan yang mana ia terdiri daripada isu kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan batasan dalam kajian. Berdasarkan pada bab 1 ini juga, penyataan masalah turut akan dibincangkan. Selain daripada itu, definisi operasional turut diletakkan pada bahagian ini untuk mengetahui definisi serta frasa yang digunakan dengan kerap dalam kajian ini dengan lebih mendalam dan lebih jelas.

Seterusnya dalam bab 2, ia merangkumi tentang tinjauan lepas dan sorotan kajian lepas oleh penulis tempatan. Pengkaji telah memfokuskan sorotan kajian dalam negara. Semua kajian berkaitan dengan cerita rakyat dan teori pengkaedahan Melayu akan dijadikan sebagai sumber rujukan dan bahan kajian dalam penulisan ini.

Dalam bab 3 pula, pengkaji akan menyentuh tentang metodologi kajian iaitu reka bentuk kajian, kaedah kajian yang akan digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Hal ini bagi memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian ini dengan sistematik dengan adanya kaedah kajian dan reka bentuk kajian ini dijalankan. Kaedah pengumpulan data dan cara penganalisisan juga dibincangkan pada bahagian ini.

Bab 4 pula merupakan hasil kajian berdasarkan pemerhatian dan kajian yang dijalankan. Pada bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan hasil daripada dapatan kajian berdasarkan proses penganalisisan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

Akhir sekali, bab 5 yang mana ia merupakan bab yang terakhir iaitu akan memperihalkan tentang rumusan daripada keseluruhan penulisan kajian ini. Pada bahagian ini juga terdapat cadangan penambah baikan bagi kajian yang akan dilaksanakan pada masa akan datang.



### 1.9 Penutup

Kesimpulannya, cerita rakyat merupakan satu tradisi lisan yang disampaikan dari satu generasi kepada generasi seterusnya. Hal ini berlaku kerana pada zaman dahulu masyarakat tradisional masih tidak mengenal sistem tulisan dan cerita-cerita ini disampaikan hanya melalui lisan oleh pencerita pada ketika itu dengan tujuan untuk menghiburkan atau memberi teladan kepada masyarakat. Kebanyakan cerita rakyat juga berkaitan di antara pemerintah dan rakyat. Oleh hal yang demikian, melalui kajian ini dapat disimpulkan bahawa hubungan pemerintah dan rakyat memainkan peranan yang penting dan saling berkait rapat antara satu sama lain. Hubungan yang baik diantara pemerintah dan rakyat dapat membentuk satu tamadun atau kerajaan yang maju.

## BAB 2

### Sorotan Kajian Lepas

#### 2.1 Pengenalan

Sorotan kajian lepas merupakan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu yang mana pada bahagian ini pengkaji akan mengenal pasti kelompongan yang terdapat pada kajian lepas serta menghuraikan secara ringkas mengenai kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu. Sorotan kajian lepas ini juga membataskan kepada dua kajian lepas iaitu dari segi Pengkajian Naratif Lisan di Malaysia dan Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya Sastera dari tahun 2019 hingga 2022.

#### 2.2 Pengkajian Naratif Lisan di Malaysia

Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntaian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang mana pada kajian ini membincangkan tentang nilai-nilai murni yang dapat memberi impak dalam kalangan masyarakat Melayu dari sudut agama, bangsa dan kepercayaan. Objektif kajian yang pertama untuk menganalisis nilai-nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2013) dan objektif yang kedua ialah merumuskan nilai-nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2013). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat penemuan berdasarkan penelitian terhadap enam belas nilai murni yang menjadi panduan untuk memperlihatkan norma-norma kebudayaan Melayu. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa berdasarkan daripada kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdapat unsur nilai murni di dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang boleh dijadikan teladan kepada generasi akan datang.

Mohamed Nazreen Shahul Hamid dan Md Salleh Yaapar (2015), dalam kajian mereka yang bertajuk *Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa Kepada Filem Analisis Perbandingan Unsur Naratif* yang mana dalam kajian ini ia membahaskan tentang perbandingan filem *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan teks sumbernya dari aspek naratif seperti plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauh mana wujudnya persamaan dan perbezaan antara filem dengan karya tersebut serta menganalisis serta menilai bentuk dan kaedah adaptasi yang telah digunakan oleh pengarah filem dan penulis skrip. Kajian ini juga menggunakan teori adaptasi oleh Desmond dan Hawkes. Hasil dapatan kajian menunjukkan penulis skrip dan pengarah filem menggunakan “adaptasi longgar” iaitu dengan mengubah atau mengolah sebahagian besar unsur yang terdapat dalam teks asal. Oleh itu, cara penyampaian dan pengolahan dalam kalangan pengarah filem dan penulis memainkan peranan yang penting dalam menarik minat penonton untuk lebih mendalami cerita rakyat.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop (2015), dalam kajian mereka yang bertajuk *Cerita Rakyat Melayu Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji dilakukan untuk mengembalikan semula nilai jati diri yang selama ini menjadi tunjang kepada ketamadunan unggul dalam kalangan masyarakat Melayu. Objektif kajian yang pertama ialah mengenalpasti dan membincangkan nilai jati diri yang terdapat di dalam cerita rakyat Melayu. Kajian ini juga menggunakan pendekatan teori ekologi budaya atau adaptasi alam untuk memantapkan lagi analisis kajian. Hasil daripada kajian mendapati, setiap naratif lisan yang dihasilkan memberi pengajaran kepada masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian, berdasarkan daripada kajian ini dapat dilihat bahawa cerita-cerita rakyat yang dihasilkan perlulah dipelihara agar dapat terus memberi teladan kepada pembaca.

Shaiful Bahri Md. Radzi (2015) dalam kajiannya yang bertajuk *Si Tanggang Moden dan Perubahan Makna Dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka* membincangkan berkaitan dengan motif anak derhaka dan kaitannya dengan masyarakat kontemporari. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis perubahan makna dan masyarakat kontemporari. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil dapatan kajian mendapati, dunia kontemporari dan gejala *Si Tanggang Moden*. Oleh hal yang demikian, berdasarkan daripada kajian ini jelaslah melalui kisah *Si Tanggang* terdapat pelbagai nilai yang boleh dijadikan ikhtibar kepada setiap lapisan masyarakat.

Nur Yuhanis Mohd Nasir, Rahmah ti Bujang dan Eizan Mat Hussain (2016), dalam kajian mereka yang bertajuk *Animasi Cerita Bangsawan Puteri Saadong Adaptasi Teks dan Persembahan* membahaskan tentang pembangunan animasi dua dimensi (2D) ala persembahan Bangsawan. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti bagaimana animasi *Bangsawan Puteri Saadong* dibangunkan. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif deskriptif. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat beberapa faktor seperti minat, umur, jantina dan latar belakang pendidikan yang mempengaruhi persepsi individu terhadap hasil adaptasi. Hasil dapatan kajian mendapati animasi merupakan satu medium adaptasi yang sesuai dalam mempersembahkan kandungan lama atau bersejarah untuk dinikmati oleh generasi muda. Kesimpulannya, berdasarkan daripada kajian yang dijalankan jelaslah bahawa pengadaptasian naratif lisan kepada animasi membantu dalam menarik minat penonton untuk mendalami cerita rakyat dengan lebih berkesan terutamanya golongan muda.

Mohamad Luthfi Abdul Rahman, Shaiful Bahri Md Radzi dan Hanapi Dollah (2016), dalam kajian mereka yang bertajuk *Cerita Lisan Jakun Suatu Manifestasi Pengalaman dan Impian* membahaskan tentang cerita-cerita lisan yang dimiliki oleh masyarakat Orang Asli dari suku Jakun. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk memberi hiburan semata-mata, tetapi tersirat dengan pelbagai pengajaran dan tauladan dalam

konteks kehidupan mereka. Hasil daripada dapatan kajian mendapati, cerita-cerita lisan itu sebagai cerminan imej masyarakat pemiliknya. Kajian ini dijalankan untuk memperlihatkan pengalaman serta impian mereka dalam menjalini kehidupan sejak zaman-berzaman. Oleh itu, jelaslah melalui kajian yang dijalankan cerita-cerita lisan yang disampaikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli dari suku Jakun mempunyai nilai yang tersendiri.

Siti Zuhaidah Zakeria (2016), dalam kajiannya yang bertajuk *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar* membahaskan tentang gaya penyampaian cerita rakyat Melayu terpilih untuk kanak-kanak yang tersiar dalam majalah Dewan Pelajar terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis gaya penyampaian cerita rakyat kanak-kanak dalam Dewan Pelajar terbitan DBP. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis teks di samping penerapan Teori Psikologi Perkembangan Kanak-Kanak sebagai kaya ukur dalam kajian gaya penulisan ini. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat sesetengah penulis yang terdapat di Malaysia masih tidak menguasai teknik penulisan dengan baik. Kesimpulannya, judul cerita rakyat Melayu yang dihasilkan melalui majalah Dewan Pelajar terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka memainkan peranan yang penting.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016), dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu, khususnya kepada masyarakat Melayu. Hasil dapatan kajian mendapati, cerita rakyat Melayu mempunyai hampir sepenuhnya nilai baik hati yang mempunyai fungsi penting dalam kalangan masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu bagi memantapkan lagi kajian ini. Kesimpulannya, cerita rakyat merupakan salah satu khazanah sastera khazanah

Melayu yang cukup tenar hidup dalam masyarakat Melayu tradisional dan ia disampaikan secara lisan.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017), dalam kajian *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu* membahaskan tentang sebuah cerita yang berasal dari masyarakat dan berkembang dalam masyarakat pada masa lampau. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu dengan menggunakan pendekatan teori pengkaedahan Melayu. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa elemen nilai murni kejujuran ternyata jelas terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu terpilih dan penemuan nilai murni seperti ini telah membuktikan bahawa sememangnya masyarakat Melayu pada masa lampau mengamalkan nilai murni dalam kehidupan untuk memastikan sebuah kehidupan yang sejahtera. Kesimpulannya, berdasarkan daripada kajian yang dilakukan

Ruhaiza Abu Bakar, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris dan Mohamad Kazar Razali (2017) dalam kajian mereka *Mitos dan Lagenda Tasik Chini Sebagai Produk Pelancongan* membincangkan tentang penggunaan unsur mitos dan lagenda dalam konteks pelancongan semasa dan menganalisis perspektif komuniti mengenai peluang-peluang membangunkan mitos dan lagenda Tasik Chini sebagai produk pelancongan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan data primer dan sekunder. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa status penggunaan unsur mitos dan lagenda di Tasik Chini Sebagai Produk Pelancongan. Kesimpulannya, unsur mitos dan lagenda yang terdapat di dalam sesebuah cerita perlu dipelihara dengan sebaiknya untuk memastikan aktiviti pelancongan dapat terus dijalankan.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017), dalam kajian mereka yang bertajuk *Penggunaan Multimedia ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat*

*Melayu* membahaskan tentang seni budaya berfikir dan akal budi masyarakat Melayu dalam menyelesaikan suatu masalah merupakan medium yang paling berkesan yang diperoleh menerusi cerita rakyat yang dikarang menerusi bahan bacaan hingga kini. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis budaya berfikir masyarakat Melayu yang terkandung dalam contoh-contoh cerita-cerita rakyat Melayu. Objektif yang kedua ialah menganalisis akal budi masyarakat Melayu yang terkandung dalam contoh-contoh cerita rakyat Melayu dan objektif yang ketiga ialah membincangkan penggunaan perisian teknologi multimedia dalam memartabatkan cerita rakyat Melayu secara umum. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan cara pengumpulan data dan menganalisis data tersebut secara konkrit. Hasil dapatan kajian mendapati seni budaya berfikir dan akal budi masyarakat Melayu pada hari ini boleh dibentuk melalui perisian multimedia yang berkesan dalam setiap penghasilan cerita-cerita rakyat Melayu di Malaysia. Kesimpulannya, kepelbagaiannya inovasi terhadap teknologi yang berlaku pada masa kini perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya untuk memelihara cerita rakyat.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017), dalam kajian mereka yang bertajuk *Penerapan Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan dalam Masyarakat Melayu* membahaskan tentang cerita rakyat yang berperanan sebagai asset apresiasi dan ianya dapat menjadi satu cara kepada masyarakat Melayu untuk mengetahui perihal budaya, sejarah, pengalaman hidup, adat istiadat dan cita-cita yang terkandung di dalam buku tersebut. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti nilai kasih sayang yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu dan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu dalam setiap kajian analisis. Kajian ini menggunakan kaedah sorotan pembacaan berdasarkan dokumen. Selain daripada itu, kajian ini juga menggunakan pendekatan. Kajian ini juga menggunakan teori pengkaedahan Melayu. Hasil dapatan kajian mendapati cerita rakyat Melayu

sememangnya kaya dengan peratusan nilai-nilai murni yang dapat memberi pendidikan dan pengajaran kepada masyarakat pendukung.

Hazrul Mazran Rusli (2018), dalam kajiannya yang bertajuk *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu Dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari* yang mana kajian ini membahaskan tentang unsur-unsur didaktik atau bersifat pengajaran yang terkandung dalam teks-teks jenaka tersebut. Objektif kajian ini ialah untuk menghasilkan satu badan karya cetakan blok kayu berdasarkan adaptasi terhadap bahan kesusasteraan rakyat Melayu. Kajian ini menggunakan Pendekatan Teori Adaptasi dan kaedah eksplorasi visual diaplikasikan ke dalam kajian. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat bahan buku teks cerita jenaka kesusasteraan rakyat, mempunyai nilai dan potensi untuk diolah ke dalam bentuk karya seni visual. Kesimpulannya jelaslah bahawa cerita-cerita rakyat yang dihasilkan bukan sahaja memberi teladan dan pengajaran kepada pembaca malahan turut menjadi bahan bacaan hiburan.

Atikah Mohd Noor, Sharil Nizam Sha'ri dan Rohaidah Kamaruddin (2018) dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai Murni Dalam Cerita Sang Kancil* membahaskan tentang nilai murni yang diterapkan dalam cerita Sang Kancil sebagai pembentuk nilai akhlak dalam kalangan kanak-kanak atau generasi muda. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti penerapan nilai murni dan pengajaran yang terdapat dalam cerita *Sang Kancil* dengan menggunakan Teori Kebaikan oleh Al-Ghazali. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa cerita *Sang Kancil* kaya dengan nilai murni dan pengajaran yang telah digarapkan. Kesimpulannya, berdasarkan daripada kajian ini jelaslah bahawa terdapat nilai murni di dalam cerita *Sang Kancil*.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2018), *Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam*

*Cerita Rakyat Melayu* yang membahaskan tentang cerita rakyat yang mampu untuk membentuk moral positif dalam kalangan masyarakat. Objektif kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan merumuskan nilai murni seperti nilai kerajinan dan rasional dengan menggunakan pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui konsep intelek. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui konsep intelek. Hasil dapatan kajian mendapati nilai kerajinan dan rasional terbukti menggambarkan wujudnya intelek yang mana masyarakat Melayu memiliki kekuatan akal budi serta berkemampuan melihat, menilai, membuat suatu keputusan dan tindakan yang tepat. Kesimpulannya, cerita rakyat Melayu perlu dimartabatkan dalam kalangan masyarakat Melayu agar intipati dan keaslian naratif lisan tersebut dapat terus dipelihara.

Farra Humairah Mohd (2018), dalam kajiannya yang bertajuk *Pemikiran dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Dari Tahun 2012 hingga 2015* membahaskan tentang pemikiran dalam cerpen kanak-kanak yang digagaskan oleh pengarang menerusi koleksi cerita berlatarkan dunia kanak-kanak. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pemikiran berdasarkan konsep ‘pemikiran’ tokoh sarjana yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji, menganalisis pemikiran berdasarkan model keperluan kanak-kanak (janaan teori Maslow dan teori Hashim Awang) dan merumuskan pemikiran yang dominan terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan dan kajian analisis teks. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan terdapat lima pemikiran yang dikaji dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 iaitu pemikiran keagamaan, pemikiran budaya, pemikiran pendidikan, pemikiran politik dan pemikiran ekonomi. Kesimpulannya, jelaslah berdasarkan daripada kajian di atas cerita rakyat wajar untuk dikekalkan

kerana ia mendatangkan manfaat kepada setiap lapisan masyarakat memandangkan membaca itu merupakan jambatan ilmu.

Sandy Ramdhani, Nur Adiyah Yuliastri, Siti Diana Sari dan Siti Hasriah (2019), dalam kajian mereka yang bertajuk *Penanaman Nilai-Nilai Karakter Melalui Kegiatan Storytelling dengan Menggunakan Cerita Rakyat Sasak pada Anak Usia Dini*. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis penerapan metode *storytelling* berbasis cerita rakyat sasak untuk menanamkan nilai-nilai karakter pada anak Taman Kanak-Kanak di TK Ummi Adniyah NW Sekarteja. Kajian ini juga menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif. Hasil dapatan kajian mendapati cerita rakyat mampu untuk menanamkan nilai-nilai karakter seperti karakter tanggung jawab, mandiri, jujur, religious, dan kerjasama. Kesimpulannya, jelaslah cerita rakyat menonjolkan karakter yang mempunyai nilai-nilai yang boleh diteladani.

Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak, Siti Ezaleila Mustafa (2019), dalam kajiannya yang bertajuk *Daripada Cetak Kepada Digital Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia* yang mana pada kajian ini pengkaji membahaskan tentang perubahan yang berlaku daripada segi penyampaian cerita rakyat dalam bentuk digital. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui tahap transformasi dalam penyampaian cerita rakyat berdasarkan dasar industri kreatif negara dengan perkembangan teknologi. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif, kepustakaan dan kajian lapangan. Hasil dapatan kajian mendapati perkembangan teknologi penyampaian cerita rakyat di Malaysia masih kurang memuaskan. Rentetan daripada itu, tindakan yang sewajarnya perlu diambil oleh pihak yang bertanggungjawab agar isu ini dapat diatasi dan cerita rakyat dapat terus diturunkan kepada generasi seterusnya.

Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar dan Arbai'e Sujud (2019), dalam kajiannya yang bertajuk *Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-Kanak*. Kajian ini adalah kajian yang memfokuskan kepada watak binatang yang mempunyai sikap kepimpinan dan menunjukkan ciri adab yang boleh diteladani masyarakat sejagat. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui elemen adab dan implikasi penerapan adab terhadap masyarakat Melayu berdasarkan *Kisah Sang Kancil dan Memerang*. Kajian ini menggunakan pendekatan Adab oleh Syed Naquib Al-Attas (2001) dan menggunakan kaedah kualitatif seperti kaedah temubual untuk mendapatkan data kajian. Melalui hasil dapatan kajian mendapati cerita binatang dapat dijadikan teladan kepada masyarakat Melayu kerana mempunyai akal budi. Oleh itu jelaslah bahawa kebanyakan cerita rakyat mampu memberi teladan atau contoh kepada pembacanya tidak mengira lapisan umur.

Seterusnya, kajian Sudirman Kiffli, Fairuladilan Hamadun, Md Ariff Ariffin, Daeng Haliza Daeng Jamal, Hidayat Hamid (2019) yang bertajuk *Konflik dalam Lagenda Puteri Saadong*. Kajian ini menjelaskan elemen konflik yang terdapat dalam *Lagenda Puteri Saadong*. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif seperti buku, majalah, keratan akhbar dan artikel dalam jurnal. Kajian ini juga mengaplikasikan pendekatan konflik berdasarkan pendekatan John W. Burton yang digagaskan pada tahun 1969. Menerusi kajian mengenai elemen konflik yang terdapat dalam karya ini dapat memperlihatkan tiga elemen yang digunakan iaitu keperluan (*needs*), nilai (*values*) dan keinginan (*interests*) untuk mengetahui elemen konflik dalam karya ini.

Asniza Zakaria (2019) dalam kajian beliau yang bertajuk *Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah dan Motif Darah Putih* memfokuskan kepada pengertian, fungsi dan ciri-ciri lagenda serta makna disebalik warna putih berdasarkan beberapa pendapat tokoh. Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti motif darah putih dan hubungkait di antara lagenda *Mahsudir* dan *Puteri Lindungan Bulan*. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis data untuk mengumpul bahan kajian. Hasil pemerhatian daripada kajian mendapati motif warna putih mempunyai nilai yang tersendiri dalam kalangan masyarakat Melayu yang mana ia merupakan simbol kesucian dan kesempurnaan. Rentetan daripada itu, kisah lagenda di sesuatu tempat itu mempunyai nilai yang ingin disampaikan kepada masyarakat untuk dijadikan peringatan dan dijadikan teladan dalam kehidupan seharian.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* membahaskan tentang aspek nilai Islam yang masih belum diteroka secara menyeluruh kepada pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan teori Takmilah sebagai deduktif kajian untuk memantapkan hujah analisis. Pendekatan kualitatif digunakan dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Hasil dapatan kajian mendapati masyarakat zazman dahulu menerapkan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat bagi membina sebuah masyarakat yang berakhlik mulia.

Kajian berikutnya yang dilakukan oleh Hazrul Mazran Rusli, Abdul Aziz Zali (2020) iaitu *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) dalam Karya Seni Cetakan*. Kajian ini membincangkan tentang pengadaptasian karya sastera iaitu

*Cerita Si Luncai* dalam bentuk digital. Kajian ini juga menggunakan unsur didaktik sebagai dasar untuk menganalisis hasil kesusasteraan oleh pelukis samaada karya ini boleh dibaca,ditafsir dan dikupas seterusnya diadaptasi dalam bentuk imej visual. Penulisan ini menggunakan Teori Adaptasi oleh Desmond & Hawkes (2006) serta kaedah ekplorasi visual oleh O'Grady J & K (2009). Hasil kajian mendapati karya kesusasteraan Melayu mampu untuk diangkat ke satu peringkat yang lebih tinggi kerana karya seperti *Cerita Si Luncai* mampu untuk dihasilkan dalam bentuk karya seni visual.

Nadarajan Thambu dan Zuraini Jamil @ Osman (2020), dalam kajian mereka yang bertajuk *Pengalaman Mendengar dan Membaca Buku Cerita Moral Sebagai Pemangkin Kecerdasan Visual Ruang Kanak-Kanak Prasekolah* membahaskan tentang kecerdasan visual-ruang menjadi asas untuk perkembangan dimensi kognitif, emosi dan tingkah laku kanak-kanak. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka pengalaman dan mendengar dan membaca buku cerita berunsurkan moral sebagai pemangkin kecerdasan visual-ruang kanak-kanak prasekolah. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil dapatan kajian mendapati pendekatan mendengar dan membaca buku cerita berunsurkan moral menjadi satu nilai tambah dalam menyokong kecerdasan visual-ruang kanak-kanak prasekolah. Kesimpulannya, kepelbagaiannya aktiviti pembelajaran perlu dilakukan untuk menarik minat pelajar dalam mempelajari cerita rakyat.

Tuan Siti Nurul Suhaidah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), dalam kajian mereka yang bertajuk *Unsur Kebudayaan dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* membincangkan tentang naratif lisan sewajarnya dijalankan dengan giat kerana rata-rata masyarakat tidak menyedari akan kewujudan naratif lisan. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur kebudayaan yang terkandung dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini turut menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu serta

kajian ini juga bersifat kualitatif. Hasil dapatan kajian mendapati naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan memiliki unsur kebudayaan yang mempamerkan identiti masyarakat Melayu lebih dinamik.

Nur Ezzatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020) menerusi kajian mereka yang bertajuk *Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda"* *Analisis Semantik Inkuisitif* merupakan sebuah kajian yang mengkaji peristiwa aneh yang terdapat dalam cerita rakyat. Matlamat kajian adalah untuk merungkai peristiwa aneh yang terdapat dalam karya *Hikayat Nakhoda Muda*. Kajian ini turut dibataskan kepada satu cerita rakyat sahaja iaitu *Hikayat Nakhoda Muda*. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) oleh Jalaluddin (2014) dan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986). Hasil dapatan kajian mendapati terdapat 10 peristiwa aneh yang terkandung dalam cerita rakyat 10 peristiwa aneh. Rentetan daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa terdapat unsur aneh di dalam cerita rakyat yang mana ia bertujuan untuk menarik minat pembaca dan menjadikan pembacaan lebih menarik.

Madiawati Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi & Maizira Abdul Majid (2020), dalam kajian mereka yang bertajuk *Hubungan Rakyat dan Pemerintah dalam Tradisi Lisan dari Perspektif Kepimpinan* membincangkan tentang hubungan timbal balas di antara rakyat dan pemerintah. Kajian ini memfokuskan kepada dua objektif utama iaitu mengkaji hubungan rakyat dan pemerintah dan menganalisis kesan hubungan timbal balas antara pemimpin dan rakyat. Seterusnya, pengkaji turut membataskan kajian kepada tujuh buah cerita sahaja daripada 75 buah cerita dalam teks Cerita Rakyat Pahang oleg Zakaria Hitam. Kajian ini juga turut menggunakan teori kepimpinan oleh Northouse (2013). Hasil daripada dapatan kajian ini mendapati terdapat hubungan timbal balas di antara pemerintah dan rakyat.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), dalam kajian mereka yang bertajuk *Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak*. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai dalam cerita lisan Melayu. Dalam kajian ini juga pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan teks. Dalam kajian ini juga pengkaji menggunakan Teori Takmilah sebagai deduktif kajian untuk menghasilkan sebuah analisis yang baik. Melalui dapatan kajian yang diperolehi mendapat, terdapat nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat lisan Melayu yang bertujuan untuk mendidik masyarakat Melayu menjadi lebih berakhlek dan berjiwa mulia.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), dalam kajiannya yang bertajuk *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu* membincangkan tentang keistimewaan cerita rakyat yang memiliki nilai ketamadunan dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai medium pembentukan moral positif. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai ketamadunan masyarakat Melayu yang terkandung di dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan. Seterusnya, pendekatan moral yang terkandung dalam teori pengkaedahan Melayu, cetusan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 dijadikan sebagai deduktif kajian. hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa cerita rakyat di Tumpat, Kelantan termuat nilai ketamadunan yang dapat membentuk jati diri masyarakat Melayu agar lebih maju.

Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2021), dalam kajian mereka yang bertajuk *Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu*. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis citra masyarakat Melayu yang terkandung dalam naratif lisan. Di samping itu, teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* dijadikan bahan utama kajian. Selain itu, pendekatan kualitatif melibatkan kaedah kepustakaan dan teks dijadikan panduan dalam menjalankan kajian ini. Teori Pengkaedahan Melayu (1989) oleh

Hashim Awang juga digunakan dalam kajian ini untuk dijadikan deduktif untuk memantapkan analisis kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa naratif lisan sarat dengan citra masyarakat yang boleh membentuk adat, nilai dan kebudayaan yang bertamadun dalam kalangan masyarakat Melayu.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022), dalam kajiannya *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* membincangkan tentang cerita legenda yang kaya dengan nilai-nilai murni dan menjadi lambang keagungan sejarah dalam kalangan masyarakat di Kelantan. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam cerita lagenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini juga dijalankan dalam bentuk kualitatif. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan pendekatan konsep rohani yang terdapat di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasil dapatan kajian mendapati melalui penemuan cerita legenda yang kaya dengan nilai-nilai murni seperti baik hati, hemah tinggi, hormat-menghormati dan kasih sayang yang boleh dijadikan sebagai panduan hidup dalam kalangan masyarakat tempatan.

Suhaini Md Noor dan Mohd Faizal Musa (2021), dalam kajian mereka yang bertajuk *Fungsi Makanan dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu Satu Kajian Teks Cerita Rakyat* yang membincangkan tentang jenis makanan yang tercatat dalam cerita rakyat terpilih iaitu *Musang berjanggut*. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis teks dalam menginterpretasi teks sebagai pernyataan yang menjelaskan keadaan dan menyediakan panduan dalam mengenal pasti makanan dan fungsi makanan dalam interaksi masyarakat Melayu di pelbagai peringkat. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat 29 jenis makanan yang tersurat dalam teks *Musang Berjanggut* menghuraikan tentang kekayaan makna simbol makanan dan keunikian fungsi makanan dalam dunia gastronomi Melayu. Oleh itu, jelaslah melalui cerita rakyat juga dapat mengetengahkan jenis-jenis makanan masyarakat dahulu.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun dan Mohamad Rodzi Abd Razak (2021), dalam kajian mereka yang bertajuk *Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang, Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan*. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis pemuliharaan cerita lisan masyarakat Orang Asli Jakun dalam usaha untuk mengekalkan tradisi tersebut. Kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif menggunakan kaedah kajian lapangan dan temu bual separa struktur. Hasil dapatan kajian mendapat bilangan cerita lisan Orang Asli Jakun semakin berkurangan dan melalui kajian ini juga mendapat bahawa aktiviti pemuliharaan ke atas cerita lisan itu dapat mengekalkan tradisi tersebut untuk dinikmati generasinya.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), dalam kajian mereka bertajuk *Cerminan Nilai-nilai Islam dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia Satu Pendekatan Takmilah* membincangkan tentang nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat. Terdapat kelomongan pada kajian lepas yang menyebabkan kajian ini dilakukan. Objektif kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti nilai-nilai Islam yang terdapat dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Objektif yang kedua pula adalah untuk menganalisis nilai-nilai Islam yang terdapat dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang berupaya mendidik masyarakat ke arah lebih baik. Teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* mempunyai 366 buah cerita dan pengkaji telah membataskan kepada empat buah cerita sahaja. Seterusnya, pengkaji juga menggunakan teori takmilah melalui tiga prinsip utama sesuai dengan pemilihan teks. Hasil dapatan kajian juga mendapat terdapat nilai-nilai Islam yang terkandung dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Oleh hal yang demikian, melalui kajian ini dapatlah disimpulkan unsur-unsur yang terkandung dalam cerita rakyat mampu memberikan contoh atau teladan yang baik kepada pembaca agar dapat melahirkan masyarakat yang bermoral dan taat kepada agama.

Nur Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021), dalam kajian mereka yang bertajuk *Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak* membincarakan tentang bahagian pelaksanaan pedagogi responsif budaya berdasarkan cerita rakyat bagi awal literasi kanak-kanak. Kajian ini memfokuskan kepada aspek budaya dalam kalangan kanak-kanak berdasarkan cerita rakyat. Pengkaji juga turut membataskan kajian kepada kanak-kanak yang berusia 4 hingga 6 tahun dengan menggunakan kaedah temubual dan per cangan secara berkumpulan. Berdasarkan hasil pemerhatian daripada kajian menunjukkan kreativiti dalam kalangan guru perlu dipertingkatkan dalam menyampaikan cerita rakyat untuk menarik minat perhatian kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, kaedah yang tepat untuk menarik minat kanak-kanak terhadap cerita rakyat perlu dikaji dan setiap individu memainkan peranan untuk memastikan pelbagai medium boleh digunakan bagi menyampaikan cerita rakyat kepada masyarakat dengan lebih menarik dan tidak membosankan.

*Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan dalam Cerita Rakyat dalam Kalangan Kanak-kanak dan Remaja Melalui Media Animasi* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nur Samsiah Mazlan (2021) adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis keberkesanan media animasi kepada golongan kanak-kanak melalui cerita rakyat. Hal ini demikian kerana, media animasi yang menayangkan cerita rakyat berjaya menarik minat kanak-kanak dan golongan remaja untuk meminati cerita rakyat. Kajian ini juga membincangkan tentang keberkesanan cerita rakyat melalui medium animasi kepada kanak-kanak dan golongan remaja. Pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan dan teks dan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu melalui

pendekatan gunaan. Kajian ini juga membataskan kepada lima buah cerita sahaja yang mana ia diambil daripada teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* untuk dijadikan sebagai rujukan dalam membuat kajian ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa melalui medium animasi mampu mempopularkan cerita rakyat khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan golongan remaja.

Nordiana Ab Jabar & Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Komunikasi Bahasa Sindiran dalam Seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk* membincangkan tentang peranan seloka dalam memberikan pengajaran kepada masyarakat melalui sindiran dan kritikan. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis proses komunikasi dalam seloka dan meneliti kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam berkomunikasi. Kajian ini juga menggunakan teori *Speaking Framework* oleh Dell Hymes. Melalui dapatan kajian ini mendapati melalui sindiran dan kritikan merupakan cara untuk masyarakat Melayu menegur dengan lembut dan ia adalah satu identiti masyarakat Melayu. Oleh itu jelaslah bahawa masyarakat Melayu terdahulu penuh dengan adab kerana menggunakan bahasa sindiran dan kritikan sebagai medium untuk menegur secara berhemah untuk menjaga hubungan silaturahim tanpa menyakiti pihak yang ditegur.

---

Rahimah Hamdan (2021) dalam kajian beliau yang bertajuk *Membina Personaliti Kanak-Kanak dan Remaja berdasarkan Hikayat Musang Berjanggut* membincangkan tentang persuratan Melayu yang mempunyai pelbagai keintelektualan bangsa. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis watak dalam teks *Hikayat Musang Berjanggut* dalam membentuk personaliti kanak-kanak dan remaja. Kajian ini juga menggunakan teori kerangka keperibadian Islam oleh Hassan al-Banna dalam kitabnya *Majmu'ah al-Rasail li*

al-Imam al-Syahid. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat unsur keperibadian Islam oleh Hasan al-Banna di dalam teks *Hikayat Musang Berjanggut*. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa melalui karya kesusasteraan dapat membentuk jati diri di dalam kalangan pembaca agar dapat menjauhi sifat mazmumah yang ditegah oleh agama Islam.

Muhammad Zaid Daud & Fatimah Subet (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan : Analisis Pragmatik* membincangkan tentang makna tersirat yang terkandung dalam dalam cerita rakyat *Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang*. Objektif kajian ini pula adalah untuk menganalisis implikatur dalam naratif lisan tersebut dengan mempertalikan politik tempatan. Kajian ini juga telah menggunakan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson. Secara rumusannya, dapatan kajian menemukan eksplikatur seperti Puteri Santubong, Puteri Sejinjang, kisah lama, zaman mensia maya penjaga manis anak dak dewa turun kayangan bertenun kain malam menumbuk padi dan siang mempunyai makna tersirat. Rentetan daripada itu, jelaslah bahawa melalui pembacaan karya sastera dapat memperluaskan makna tersirat atau mesej yang ingin disampaikan kepada pembaca sekaligus menambahkan prosa ayat kepada pembaca.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu* membincangkan tentang nilai-nilai Islam dalam membentuk jati diri kanak-kanak. Seterusnya, objektif kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu kepada kanak-kanak sebagai asas

pembentukan sosiobudaya. Kajian ini juga menggunakan teori takmilah dengan prinsip hubungan khalayak. Melalui hasil dapatan kajian mendapati bahawa nilai-nilai Islam jelas wujud dalam naratif lisan. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu dapat membentuk nilai moral dalam diri individu khususnya golongan kanak-kanak.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) ,telah memfokuskan *Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan Satu Penelitian Takmilah*. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam cerita lisan. Kajian ini juga membataskan kepada sepuluh buah cerita rakyat sahaja daripada 366 buah cerita lisan yang terkandung dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian ini juga menggunakan teori takmilah berdasarkan lima prinsip iaitu sastera dengan ilmu, pengkarya mengistikmalkan diri, khalayak memupuk kearah insan Kamil dengan sastera, keislaman bersifat Akmal dan ketuhanan bersifat Kamal. Oleh itu, kajian ini telah membuktikan bahawa teori takmilah yang diaplikasikan dalam kajian ini telah mengangkat nilai-nilai kemanusiaan dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Secara tidak langsung, kajian ini telah menjadi satu batu loncatan kepada masyarakat untuk membentuk sebuah negara yang mempunyai rakyat yang maju dari pelbagai aspek kerana menerusi pembacaan ini terdapat pelbagai nilai moral yang boleh diambil untuk dijadikan teladan.

Kajian seterusnya oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) iaitu *Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak* telah membincangkan tentang nilai-nilai Islam yang terkandung di dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan

menganalisis nilai-nilai Islam dalam naratif lisan Melayu. Kajian ini juga membataskan kepada lima buah cerita sahaja berdasarkan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan menggunakan teori takmilah berdasarkan pendekatan khalayak dengan karya. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa terdapat nilai-nilai Islam di dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan menggunakan pendekatan karya dan khalayak. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa cerita rakyat berfungsi untuk dikembangkan ke satu peringkat yang lebih tinggi agar cerita rakyat Melayu tidak hanyut di telan zaman.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Polemik dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak*. Dalam kajian ini pengkaji membincangkan tentang unsur polemik yang berlaku dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan polemik yang terkandung dalam naratif lisan terpilih kepada pembentukan moral kanak-kanak. Kajian ini juga menggunakan teori takmilah berdasarkan pendekatan karya dan khalayak sebagai fokus utama kajian. Pengkaji juga telah membataskan kajian kepada enam buah cerita rakyat daripada teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat*. Hasil kajian yang diperolehi mendapat terdapat unsur polemik yang terkandung dalam teks karya yang dipilih ini. Rentetan daripada itu, unsur polemik yang terdapat dalam cerita rakyat ini dapat membantu melahirkan kanak-kanak yang bermoral kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya dan jika tidak di didik dari kecil besar kelak akan sukar untuk dilentur dan tidak mudah untuk menerima teguran dan jika diberikan teguran umpama mencurah air ke daun keladi.

Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu* membincangkan tentang ritual sumpahan yang terdapat dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Dengan menerapkan teori budaya dan membataskan kajian kepada 12 cerita rakyat yang terdapat dalam karya ini dalam usaha untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur ritual sumpahan yang terdapat dalam naratif lisan yang dipilih secara rawak berdasarkan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Dapatkan kajian memperlihatkan bahawa terdapat sesetengah unsur ritual sumpahan dalam cerita rakyat Melayu. Rentetan daripada itu, unsur ini menjadikan pembacaan lebih menarik dan mampu menarik minat pembaca untuk mengetahui sebab unsur ritual sumpahan itu terjadi. Seterusnya dapat menjadikan teladan kepada masyarakat agar tidak melakukan perbuatan yang menyebabkan sumpahan yang terjadi di dalam sesetengah cerita lisan Melayu ini berlaku.

Muhammad Zaid Daud, Mary Fatimah Subet & Awang Azman Awang Pawi (2021) menerusi kajian mereka *Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai Sebagai Manifestasi Kritikan dalam Kancah Politik Tempatan Analisis: Pragmatik*. Masalah kajian ini ialah terdapat kelompongan kajian berkaitan dengan baris seloka Pak Kaduk, “Aduhai malangnya Pak Kaduk, ayamnya menang kampung tergadai” yang belum dikaji oleh sarjana terdahulu. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis baris seloka Pak Kaduk “Aduhai malangnya Pak Kaduk, ayamnya menang kampung tergadai” dengan kancah politik tempatan. Kajian ini juga membataskan kepada baris seloka “Aduhai malangnya Pak kaduk, ayamnya menang kampung tergadai” sahaja daripada seloka Pak Kaduk yang mengandungi 12 baris. Kajian ini menggunakan teori relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) berdasarkan pendekatan pragmatik.

Hasil kajian merumuskan bahawa terdapat manifestasi kritikan dalam baris seloka Pak Kaduk.

Dilah Tuah (2022), dalam kajiannya yang bertajuk *Sastera Rakyat daripada Perspektif Kearifan Tempatan dan Potensinya kepada Pelancongan Budaya dan Sarawak* membahaskan tentang data mutakhir potensi cerita rakyat daripada perspektif kearifan tempatan kepada industri pelancongan budaya di Sarawak. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan analisis teks. Hasil dapatan kajian mendapati cerita rakyat mempunyai peluang untuk menjadi alat untuk mempromosikan pelancongan budaya di Sarawak dan dapatan kajian juga menunjukkan nilai kearifan tempatan yang terdapat di dalam cerita-cerita rakyat Sarawak mempunyai nilai komersial yang mampu dipasarkan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022), dalam kajian mereka yang bertajuk *Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa* membahaskan tentang unsur nilai positif yang terdapat dalam sastera rakyat di Kelantan. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur nilai positif dalam sastera rakyat di Kelantan sebagai medium didaktik kepada golongan desa. Dalam kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil dapatan kajian juga mendapati sastera rakyat Kelantan mempunyai kekayaan nilai positif yang berpotensi dijadikan medium didaktik kepada golongan desa.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022), dalam kajian mereka bertajuk *Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepimpinan Terhadap Kanak-Kanak dan Remaja* membicangkan tentang unsur interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat Kilatan Emas. Objektif kajian ini berkaitan dengan mengenal pasti dan menganalisis interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat *Kilatan Emas*. Kajian ini juga menggunakan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989)

berdasarkan pendekatan kemasyarakatan. Pengkaji juga membataskan kajian kepada naratif lisan bertajuk *Kilatan Emas*. Melalui kajian ini mendapati bahawa terdapat interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat *Kilatan Emas*. Oleh hal yang demikian, melalui interaksi sosioekonomi yang terdapat dalam naratif lisan terpilih ini dapat menyerlahkan sisi kepimpinan kepada kanak-kanak dan golongan remaja khususnya. Lantaran golongan ini merupakan pemacu kemajuan sesebuah negara pihak berwajib haruslah melakukan satu tindakan sewajarnya agar golongan ini akan terus menjadi naratif lisan Melayu sebagai bahan bacaan kerana terdapat pelbagai teladan yang boleh dipelajari.

### 2.3 Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya Sastera Melayu

Johari Yahaya (2015), dalam kajiannya yang bertajuk *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Dalam kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu gagasan Hashim Awang persoalan pemikiran dan kearifan serta kebijaksanaan bangsa Melayu dapat di terokai dengan jelas dan mudah. Menerusi kajian ini juga pengkaji menggunakan pendekatan gunaan dan moral didapati nilai-nilai kemelayuan menjadi dasar yang terangkum di dalamnya persoalan kepercayaan, kebudayaan dan seluruh cara hidup orang Melayu itu sendiri. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa bentuk pantun dengan bahasanya yang indah menjadi wadah komunikasi yang sangat diutamakan dalam bentuk-bentuk kesenian rakyat tersebut.

Roslina Abu Bakar dan Aone van Engelenhoven (2016) dalam kajian mereka yang bertajuk *Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka* membahaskan tentang menceritakan kisah kehidupan binatang di rimba dan lautan yang dipersonifikasi oleh pengarangnya. Pengkaji juga mengaplikasikan teknik kualitatif, analisis kandungan dan mengguna pakai teori Pengkaedahan Melayu yang

diasaskan oleh Hashim Awang. Pengkaji juga menjalankan kajian ini bertujuan untuk memperlihat cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu dalam *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932). Hasil dapatan kajian mendapati bahawa elemen budaya, nilai, corak kehidupan, warisan dan ketamadunan Melayu yang disampaikan menerusi unsur alam berupaya membawa maklumat, mendidik dan berfungsi sebagai kawalan sosial dalam kalangan khalayak pembaca.

Noraini Abd. Shukor (2016), dalam kajiannya yang bertajuk *Padi dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu*, Pendekatan Firasat membahaskan tentang unsur alam iaitu “padi” dan “air” yang terdapat di dalam peribahasa. Pengkaji juga menggunakan teori pengkaedahan Melayu iaitu teori sastera tempatan dengan memfokuskan kepada pengkaedahan alamiah dan pendekatan firasat. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti tanda yang terdapat dalam unsur alam, iaitu air dan padi berdasarkan buku *Peribahasa Melayu, Penelitian Makna dan Nilai*. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa kebijakan, ketakwaan dan kesusilaan mempunyai hubungan dengan hasil kesusasteraan dengan alam serta teori tempatan. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa melalui pembacaan pengkaji mendapati peribahasa merupakan suatu cara untuk membentuk masyarakat kerana melalui peribahasa mampu untuk membina akhlak masyarakat.

Noraini Abdul Shukor dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2016), dalam kajian mereka yang bertajuk *Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu* memperihalkan tentang meneliti unsur alam iaitu padi sebagai salah satu tanda yang kemudiannya banyak dipindahkan dalam peribahasa. Pengkaji juga menggunakan Pendekatan Firasat di bawah Pendekatan Alamiah dalam Teori Pengkaedahan Melayu untuk dijadikan sebagai kerangka teori untuk melihat tanda dan makna yang dikemukakan menerusi padi dalam peribahasa. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa padi berperanan sebagai tanda hubungan persaudaraan dan kekeluargaan, pemaan akhlak yang baik dan sumber rezeki dalam beberapa peribahasa Melayu yang dirujuk

Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Abdul Halim Ali Dan Mohd Rosli Saludin (2016), dalam kajian mereka yang bertajuk *Simbol Dalam Mantera Menurut Kepercayaan Orang Melayu*. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti simbol yang terdapat dalam mantera dan kedua menghuraikan fungsi simbol yang terdapat dalam mantera menurut kepercayaan orang Melayu. Pengkaji juga menggunakan teori pengkaedahan Melayu dengan memfokuskan kepada pendekatan firasat. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan simbol dalam mantera dilihat amat penting untuk menggambarkan kepercayaan masyarakat terhadap sesuatu perkara dan mantera adalah cermin serta dokumen budaya masyarakat tradisi.

Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017), dalam kajian mereka yang bertajuk *Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu* membicarakan tentang jati diri Melayu dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman iaitu *Suara Gunung Kehidupan* dan *Gelora Nurani*. Pengkaji juga menggunakan menggunakan prinsip yang dikemukakan oleh Hashim Awang dalam Teori Pengkaedahan Melayu berdasarkan kajian ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa ketulenan jati diri kemelayuan yang ditunjukkan oleh A. Aziz Deraman melalui puisinya berperanan sebagai iktibar, peringatan, dan nasihat yang dapat membawa manfaat dan menemukan kemuafakatan kepada masyarakat.

Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Muhd Norizam Jamian, Zubir Idris (2017), dalam kajian mereka yang bertajuk *Komunikasi Bukan Lisan: Alamat Kedutan (Denyutan) Berdasarkan Mujarrobat* membahaskan tentang alamat kedutan (denyutan) di bahagian tubuh badan manusia berdasarkan Mujarrobat. Pengkaji juga menggunakan kaedah analisis tekstual dalam menjalankan kajiannya dengan menggunakan pendekatan firasat dalam Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Hasil Dapatkan kajian menunjukkan kedutan (denyutan) di badan boleh

dikategorikan kepada empat bahagian iaitu di bahagian kepala, muka dan leher, badan, tangan dan kaki.

Che Abdullah Che Ya (2018) dalam kajiannya yang bertajuk *Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dikemukakan oleh Hashim Awang. Selain daripada itu, dalam kajian ini pengkaji juga menggunakan kesemua pendekatan yang menjadi prinsip Teori Pengkaedahan Melayu iaitu; pendekatan gunaan, moral dan firasat daripada pengkaedahan alamiah dan pendekatan dakwah, masyarakat dan seni daripada pengkaedahan keagamaan. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis novel ini daripada perspektif Pengkaedahan Melayu dapat menjelaskan lagi maksud yang hendak disampaikan oleh pengarang baik secara tersurat maupun secara tersirat. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa novel yang digunakan oleh pengkaji banyak mengolah realiti kehidupan masyarakat Melayu.

Nurul Nasuha Mohd Rosle Zubir Idris (2018), berdasarkan daripada kajian yang dilakukan oleh mereka yang bertajuk *Hikayat Nabi Adam, Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan*. Kajian ini juga menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang. Kajian ini memfokuskan kepada Pengkaedahan Keagamaan. Terdapat tiga fokus utama dalam Pendekatan Keagamaan yang digunakan oleh pengkaji iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti nilai-nilai Islam dan sejarah asal-usul nabi Adam yang terkandung dalam teks yang berlandaskan al-Quran dan hadis melalui pendekatan dakwah yang memancarkan nilai kemurnian, keistimewaan dan keunggulan Islam.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) dalam kajian mereka yang bertajuk *Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu* membincarakan tentang aspek dakwah yang terdapat di dalam novel terpilih iaitu *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah. Objektif utama kajian

ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis aspek dakwah yang terkandung di dalam karya sastera yang bertajuk *Suriati*. Pengkaji juga menggunakan pendekatan dakwah berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Hasil kajian mendapati teks ini membincangkan aspek dakwah di dalam novel *Suriati*. Setelah dianalisis, konflik kekeluargaan yang berlaku kepada watak boleh di atasi oleh remaja berkonflik ini dengan mengutamakan ajaran Islam di dalam aspek kehidupan. Rentetan daripada itu, sebagai individu yang beragama Islam kita perlulah meletakkan agama paling utama di dalam setiap perkara yang dilakukan kerana perkara ini yang membezakan antara individu yang mempunyai pegangan hidup atau sebaliknya.

Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019), dalam kajian mereka yang bertajuk *Pemikiran Islam dalam Konteks Sosioekonomi dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani* membincangkan tentang pemikiran Islam dalam aspek sosioekonomi. Objektif kajian ini pula adalah untuk mengklasifikasikan dan menganalisis pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dalam teks *Cahaya Pelita Nurani*. Kajian ini turut mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) dengan menggunakan pendekatan kemasyarakatan. Pengkaji juga membataskan kajian kepada enam buah cerita sahaja berdasarkan cerpen terpilih *Cahaya Pelita Nurani*. Berdasarkan kajian ini, memperlihatkan pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi berdasarkan teks cerpen *Cahaya Pelita Nurani*.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019), menerusi tajuk *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman dalam Novel Ayahanda* merupakan sebuah kajian berkenaan cara mendidik anak berdasarkan al-Quran menerusi Surah Luqman. Matlamat kajian ini adalah untuk menganalisis pendidikan anak-anak berdasarkan Surah Luqman. Kajian ini turut menggunakan teori pengkaedahan Melayu oleh

Hashim Awang berdasarkan pendekatan kemasyarakatan. Penerapan teori pengkaedahan Melayu mengukuhkan lagi kajian ini untuk mengkaji pendidikan anak-anak berdasarkan Surah Luqman. Kajian ini turut membataskan kepada Surah Luqman iaitu dari ayat 14 hingga ayat 19. Hasil dapatan kajian memperlihatkan pendekatan kemasyarakatan yang digunakan dalam kajian ini sesuai untuk menjadi wadah kepada permasalahan yang berlaku dalam masyarakat. Rentetan daripada itu, kajian ini telah memberi pendedahan kepada masyarakat secara terperinci tentang pendidikan anak-anak berdasarkan Surah Luqman.

Tambahan pula, Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) telah menghasilkan satu penulisan yang dinamakan *Faktor Dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah*. Penulisan makalah ini berfokus kepada genre novel Islamik. Oleh itu kajian ini akan membincangkan berkenaan konsep-konsep Islam seperti akidah, dakwah dan khalifah dalam novel *Tuhan Manusia* karya Faisal (2007). Dalam kajian ini juga penulis menggunakan teori Takmilah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu murtad. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif yang merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks. Rumusannya, penulis novel ini mengajak pembaca untuk menelusuri nilai yang tersurat dan tersirat yang ingin disampaikan menerusi novel tersebut.

Hasil kajian oleh Ummi Hani Abu Hassan dan Nor Raudah Siren (2020), dalam kajian mereka yang bertajuk *Konsep Cinta Romantisme Islam Berdasarkan Teori Model Rasa Insaniah*. Penyelidikan kajian ini dijalankan kerana ingin meneliti tentang konsep cinta romantisme dari perspektif Islam guna meneliti kecenderungan rasa antara lelaki dan perempuan dalam novel-novel berunsurkan Islam khususnya di Malaysia. Pengkajian ini bertunjangkan kepada teori tempatan iaitu Teori Model Rasa Insaniah

dengan bersandarkan kepada Prinsip Pengabdian Kepada Allah SWT, Prinsip Pengucapan Beradab dan Prinsip Kehalusan Makna. Hasil dapatan yang diperolehi, pengkaji telah menemukan gaya bahasa yang indah dan menafikan bahasa yang boleh membangkitkan syahwat pembaca.

Qurratul 'Ain Abdul Rahim dan Mawar Safei (2020), telah menghasilkan sebuah kajian yang bertajuk *Perenungan Diri Dari Sisi Pendekatan Seni Dalam 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan Karya Zaen Kasturi*. Kajian ini dijalankan untuk merungkai kecenderungan Zaen Kasturi yang menganjurkan perihal perenungan diri dengan mengajukan pertanyaan dan persoalan tentang persahabatan. Kajian ini juga mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang bersandarkan kepada prinsip pendekatan seni. Hal ini bertujuan untuk menganalisis seni Zaen Kasturi berdasarkan aspek diksi dan gaya bahasa metafora karyanya. Hasil dapatan kajian mendapati pemilihan kata yang sesuai dalam karya Zaen Kasturi telah menimbulkan kesan estetika dan “warna bahasa” begitu jelas menandakan identiti Zaen Kasturi sebagai penyair mapan.

Tajuk kajian *Reka Bentuk Aplikasi Multimedia Berasaskan Kinect Untuk Pembelajaran Peribahasa Melayu* oleh Norleyza Jailani, Cindy Tan Shing Ning & Rodziah Latih (2020). Pengkajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah mengajar serta elemen yang mampu meningkatkan kefahaman pelajar dan menyemarak keseronokan dalam pembelajaran peribahasa. Objektif kajian untuk membangunkan aplikasi PdP yang mampu menarik minat pelajar dan menimbulkan keseronokan pelajar dalam mempelajari peribahasa. Hasil dapatan kajian mendapati Penceritaan digital mampu menarik minat pelajar dalam mempelajari peribahasa.

Dalam kajian seterusnya Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020), iaitu *Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I*. Kajian ini membincarakan tentang persoalan dakwah berdasarkan teks *Papaverine* oleh Rejab F.I. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis elemen dakwah yang

terkandung dalam teks terpilih iaitu *Papaverine* oleh Rejab F.I. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) berdasarkan pendekatan dakwah. Secara ringkasnya melalui kajian ini dengan penerapan teori pengkaedahan Melayu daripada Hashim Awang (1989) berpandukan pendekatan dakwah memperlihatkan empat tema yang menunjukkan cara masyarakat Melayu berfikir. Rentetan daripada itu, berdasarkan kajian ini maka jelaslah bahawa masyarakat Melayu yang penuh dengan akal budi dan tatasusila hidup berpegang teguh dengan suruh Allah SWT.

Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker, Farra Humairah Mohd (2020), dalam kajian mereka yang bertajuk *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah* membincangkan tentang aspek kehidupan masyarakat sekeliling menerusi gaya hidup, agama dan kepercayaan dan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Objektif kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur dakwah berdasarkan cerpen *Melamar Rindu* serta menilai sejauh mana kumpulan cerpen *Melamar Rindu* menepati status sebagai dokumen dakwah seperti yang terdapat dalam konsep dakwah berdasarkan al-Quran oleh Osman Ayob. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengumpul data. Kajian ini turut mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) berdasarkan pendekatan dakwah. Hasil daptan kajian mendapati bahawa terdapat unsur dakwah Islamiah dan nilai keagamaan dalam cerpen *Melamar Rindu*. Oleh hal yang demikian, unsur dakwah Islamiah yang terkandung dalam cerpen ini mampu untuk menjadi bahan rujukan bagi pengkaji lain bagi memastikan sastera Melayu terus dimartabatkan.

Menelusuri kajian Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) bertajuk *Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* merupakan sebuah kajian yang membincangkan konteks nilai Islam kepada pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Penerapan teori Takmilah diterapkan dengan analisis dilakukan berdasarkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan teks. Pengkaji juga membataskan kajian ini kepada lapan buah cerita sahaja daripada teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Hasil kajian merumuskan masyarakat terdahulu yang tinggi dengan adab telah mempraktikan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Oleh hal yang demikian, kajian seperti ini wajar diperluaskan lagi agar dapat melahirkan sebuah masyarakat yang mempunyai nilai jati diri yang tinggi.

Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020) dalam kajiannya iaitu *Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan* merupakan sebuah kajian yang mengkaji tentang unsur Islam berdasarkan karya sastera ini. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis unsur-unsur dakwah yang terdapat dalam teks *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah*. Kajian ini turut menggunakan teori pengkaedahan Melayu dengan memfokuskan kepada teori pengkaedahan keagamaan berdasarkan pendekatan dakwah. Hasil dapatkan kajian memperlihatkan teks karya sastera ini mempunyai unsur-unsur dakwah. Pengkajian merumuskan bahawa naskhah ini mampu untuk membentuk sebuah masyarakat yang penuh dengan keimanan, ketakwaan, kehambaan dan ketaatan kepada pencipta-Nya. Oleh itu, dapat dilihat bahawa penulisan karya sastera boleh menjadi medium penyampaian dalam menyebarkan unsur-unsur dakwah kepada para pembaca sekaligus dapat melahirkan masyarakat yang

bukan sahaja minat untuk membaca karya seperti syair akan tetapi masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), dalam kajian mereka Akal Budi dalam *Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu Kelantan Satu Penelitian Kemasyarakatan*. Kajian ini menjelaskan tentang elemen akal budi yang terkandung dalam karya sastera ini. Objektif utama kajian adalah untuk menganalisis elemen akal budi dalam perwatakan cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Analisis juga dilakukan berdasarkan teks *Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu Kelantan* menerusi pendekatan kemasyarakatan yang terdapat dalam teori pengkaedahan Melayu. Dapatkan kajian mendapati terdapat elemen akal budi di dalam teks yang dikaji seperti rasional, berani kerana benar, daya usaha dan ikhlas. Oleh itu, jelaslah bahawa elemen akal budi yang terkandung dalam *Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu* boleh dijadikan sumber kajian kepada pengkaji yang lain agar kajian naratif lisan semakin berkembang maju dan dapat membuka lebih banyak mata masyarakat terhadap karya naratif lisan seterusnya mengangkat karya ini ke satu peringkat yang lebih tinggi.

Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri (2020) dalam kajianya yang bertajuk *Kedinamikan Citra Masyarakat dalam Novel-novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan* membicangkan tentang konflik dalam kalangan remaja yang terjebak dengan hubungan percintaan. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan citra manusia yang dinamik. Pengkaji juga membataskan kajian kepada tiga buah novel remaja sahaja iaitu *Bening Mata Seorang Dia*, *Melakar Sinar dan Atukku Pejuang*. Kajian ini turut mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Hasil dapatan kajian mendapati novel yang dipilih mempunyai citra manusia yang dinamik yang boleh dijadikan teladan kepada

masyarakat Melayu. Oleh itu, jelaslah bahawa nilai murni yang terkandung dalam karya sastera ini kaya dengan nilai murni dan mampu untuk membuka mata kepada masyarakat terhadap pentingnya nilai murni selain daripada memupuk budaya membaca dalam kalangan golongan muda.

Nur Samsiah Mazlan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), dalam kajian mereka yang bertajuk *Adat dalam Teromba Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu* menceritakan tentang amalan dan budaya hidup masyarakat Negeri Sembilan dari segi adat dalam teromba masyarakat Melayu. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis adat dalam teromba masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Pengkaji turut membataskan kajian dengan merujuk teks *Teromba* sebagai medium penyampaian dalam kepimpinan adat perpatih oleh Mohd Rosli Saludin. Kajian ini turut menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan kaedah kepustakaan dan teks sebagai metodologi kajian dan turut mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) dalam menganalisis teks *Teromba* oleh Mohd Rosli Saludin. Hasil kajian mendapati adat dalam teromba boleh membentuk sebuah masyarakat yang mengamalkan adat kebudayaan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan. Oleh hal yang demikian, kesan daripada kajian ini dapat membuka mata masyarakat mengenai adat dalam teromba di Negeri Sembilan seterusnya dapat memelihara adat kebudayaan masyarakat di Negeri Sembilan ini.

Kajian yang dijalankan oleh Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marliana Tengku Mohd Ali & Zahir Ahmad (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Analisis Nilai Murni dalam Manuskip Hikayat Saerah dengan Suami* merupakan sebuah kajian tentang nilai-nilai murni dalam kehidupan seorang isteri yang terkandung dalam *Hikayat Saerah dengan Suami*. Objektif kajian ini adalah untuk

mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam menjalani kehidupan seorang isteri. Kajian ini turut menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) berdasarkan pendekatan moral. Berdasarkan pemerhatian daripada kajian mendapati *Hikayat Saedah dengan Suami* mempunyai nilai-nilai murni seorang isteri dari konteks nilai positif. Oleh hal yang demikian, nilai positif dalam membina rumah tangga yang harmoni seperti kasih sayang patut dijadikan contoh bagi setiap suri rumah agar dapat membentuk sebuah keluarga yang bahagia bukan sahaja di dunia malah di akhirat juga.

Seterusnya, kajian oleh Baharudin dan Nordiana Hamzah (2021) yang bertajuk *Adab Kepada Alam Semesta dalam Novel Nggusu Waru yang Tersisa Karya N.Marewo Berdasarkan Nilai Adab Menurut Al-Ghazali*. Kajian ini dijalankan untuk manganalisis adab kepada alam semesta dalam novel *Nggusu Waru yang Tersisa* karya N Marewo berdasarkan pendidikan adab menurut al-Ghazali. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik pengumpulan data menggunakan analisis teks. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat nilai adab kepada alam semesta dalam novel *Nggusu Waru yang Tersisa* iaitu; tidak merosak tumbuhan, mengambil dan menikmati hasil alam, menjaga pohon dan haiwan, merawat dan menanam tumbuhan (pohon) untuk kehidupan, dan bagi hasil alam.

Kajian penyelidikan seterusnya yang berjudul *Gapura Iman: Citra Keagamaan Pengkaedahan Melayu* oleh Sara Beden dan Nur Aisyah Shahira Naimon (2021). Kajian ini dilakukan adalah untuk manganalisis mesej keagamaan dalam novel *Gapura Iman* karya W Kursiah Awang (2014) dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dirintis oleh Hashim Awang pada tahun 1980-an. Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan memberikan fokus terhadap analisis teks, iaitu meneliti aspek tekstual dan kontekstual teks kajian. Dapatan kajian berjaya mengungkap pemikiran keagamaan menerusi perwatakan

watak dan peristiwa penting dalam menyampaikan mesej keagamaan kepada pembaca.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajiannya yang bertajuk *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu* membincarakan tentang keistimewaan cerita rakyat untuk membentuk masyarakat yang bermoral. Objektif kajian ini pula adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai ketamadunan masyarakat Melayu yang terdapat di dalam naratif lisan di Tumpat, Kelantan. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah kualitatif sebagai metodologi kajian dan mengaplikasikan pendekatan moral yang terdapat dalam teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Hasil kajian memperlihatkan bahawa cerita rakyat yang berada di Tumpat, Kelantan mempunyai nilai keisitimewaan yang tersendiri yang mana ia boleh membentuk jati diri seseorang individu. Oleh hal yang demikian, kajian seperti ini perlulah terus dilakukan agar dapat melahirkan lebih banyak masyarakat yang sedar akan kepentingan cerita rakyat kepada sesebuah negara.

Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang nilai-nilai moral yang boleh membentuk sahsiah diri dalam kalangan masyarakat. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis citra masyarakat Melayu yang terdapat dalam naratif lisan. Pengkaji turut menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metodologi kajian berdasarkan kaedah kepustakaan dan teks serta turut mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Hasil kajian mendapati naratif lisan mempunyai citra masyarakat yang dapat menjadikan sebuah masyarakat itu bertamadun berdasarkan adat, nilai dan kebudayaan. Oleh hal yang demikian, masyarakat yang berbudi bahasa tinggi itu

lahir daripada individu yang mempunyai kesedaran terhadap kepentingan naratif lisan kerana melalui cerita rakyat jelas menunjukkan terdapat banyak nilai moral yang boleh diperolehi sekaligus dapat membentuk sebuah masyarakat yang maju.

Siti Nur Anis Muhammmad Apandi, Nordiana Ab Jabar, Sudirman Kiffli, Farrah Atikah Saari, Suraya Sukri & Ainul Wahida Radzuan (2021), dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai Kemanusiaan dalam Novel Lantai Takdir Karya Fida Rohani* merupakan sebuah kajian yang membicarakan tentang nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel *Lantai Takdir*. Objektif kajian ini adalah untuk mengemukakan dan menganalisis elemen nilai kemanusiaan yang tedapat dalam novel kajian. Kajian ini turut menggunakan pendekatan dakwah berdasarkan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Rumusan kajian mendapati elemen nilai kemanusiaan penting dalam kehidupan masyarakat. Oleh hal yang demikian, nilai kemanusiaan yang ditonjolkan dalam teks *Lantai Takdir* boleh dijadikan teladan kepada masyarakat kerana ia merupakan sifat terpuji.

Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021), dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang di Sabah* membincangkan tentang nilai-nilai kepahlawanan yang terkandung dalam tangon suku Kimaragang di Sabah . Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kajian lapangan dan temubual sebagai metodologi kajian dan pengkaji juga turut mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989), berdasarkan pendekatan alamiah. Hasil kajian menjelaskan tentang elemen kepahlawanan dan nilai kepahlawanan ini mampu untuk melahirkan masyarakat yang aman dan sejahtera

serta dapat mengembangkan lagi *tangon* di Kimaragang, Sabah agar tidak lupuk di tinggal zaman.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Siti Wan Kembang* membincarakan tentang Kajian ini memfokuskan kepada mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam cerita *Cik Siti Wan Kembang*. Pengkaji juga mengaplikasikan pendekatan moral berdasarkan teori pangkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) dan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan teks sebagai metodologi kajian. Kajian ini turut dibataskan kepada sebuah buku iaitu *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan menganalisis cerita rakyat *Cik Siti Wan Kembang*. Dapatan kajian yang di peroleh adalah jelas menunjukkan unsur nilai murni terkandung dalam naratif lisan Melayu terpilih. Oleh hal yang demikian, kajian seperti ini wajar untuk terus dilakukan dan dikembangkan kerana terdapat pelbagai aspek yang boleh di ketahui melalui pembacaan dan kajian yang dilakukan. Hal ini bagi memastikan, setiap individu mempunyai kesedaran terhadap kepentingan untuk memelihara dan memartabatkan naratif lisan Melayu ini kerana sarat dengan elemen nilai murni.

Seterusnya, kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin Abdillah (2022) telah memfokuskan kajian terhadap Kajian mengenai *Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan* yang membincangkan tentang nilai-nilai murni yang boleh dijadikan teladan kepada masyarakat. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai murni baik hati berdasarkan keunikan dialek Kelantan yang

terdapat di dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan. Pengkaji juga membataskan kajian kepada sebelas buah cerita rakyat sahaja dan mengaplikasikan pendekatan kemasyarakatan berdasarkan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Kajian ini turut menggunakan kaedah kualitatif sebagai metodologi kajian. Berdasarkan hasil dapatan kajian mendapati, terdapat nilai murni yang menjadi pegangan hidup masyarakat terdahulu yang mana masyarakat Melayu memang terkenal dengan adab dan sopan santun. Rentetan daripada itu, naratif lisan Melayu yang ada perlulah dijaga dengan baik kerana ia merupakan lambang kemegahan dan kekuatan masyarakat Melayu. Jika perkara ini tidak dipandang serius dan tidak diambil endah oleh setiap individu maka cerita rakyat Melayu akan terus dilupakan.

Kajian *Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepimpinan Terhadap Kanak-Kanak Dan Remaja* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Jurnal ini dijayakan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat *Kilatan Emas* berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini telah membataskan penelitian aspek kepimpinan dalam karya cerita rakyat bertajuk *Kilatan Emas*. Kajian ini menggunakan satu pendekatan dalam teori pengkaedahan Melayu, iaitu pendekatan kemasyarakatan sebagai deduktif kajian. Selain itu, kajian menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kepustakaan dan lapangan untuk menghasilkan sebuah kajian yang utuh. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa cerita rakyat *Kilatan Emas* memiliki interaksi sosioekonomi yang menonjolkan sikap kepimpinan terhadap kanak-kanak dan remaja, selain mampu mengekalkan tradisi budaya masyarakat Melayu.

Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail & Daeng Haliza Daeng Jamal (2022) yang berjudul *Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan*. Pengkajian ini dijalankan kerana rata-rata

masyarakat pada hari ini menganggap cerita rakyat hanya bersifat rekaan semata-mata, sekadar berhibur dan tidak memiliki nilai-nilai murni yang dapat dijadikan sebagai pengajaran kepada masyarakat. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai murni baik hati berdasarkan kepada keunikan dialek Kelantan yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan. Kajian ini membataskan sebelas cerita rakyat Melayu yang diperoleh daripada sumber di Bachok, Kelantan sebagai data kajian. Tambahan pula, pendekatan analisis kandungan kualitatif dipilih sebagai kerangka panduan untuk menyempurnakan kajian ini. Di samping itu, pendekatan kemasyarakatan dijadikan sebagai deduktif kajian untuk memantapkan hujah perbincangan. Sebagai kesimpulannya, kajian ini juga berhasil membuktikan beberapa penemuan melalui penelitian terperinci terhadap keunikan dialek Kelantan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu di Bachok, Kelantan yang menggambarkan ketamadunan masyarakat pada masa lampau melalui amalan nilai-nilai murni yang jitu.

Pengkajian yang bertajuk *Novel-Novel Terpilih Azmah Nordin Dari Perspektif Wanita Dalam Ekonomi* oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Salinah Ja'afar dan Mardian Shah Omar, pengkaji menjalankan penyelidikan ini adalah untuk memberi gambaran tentang keadaan ekonomi negara kepada masyarakat. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan konsep. Kaedah analisis konsep dan konteks berdasarkan teks dijalankan dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa wanita juga memainkan peranan penting dalam ekonomi. Wanita turut mengembangkan tenaga bersama-sama lelaki dalam memajukan sektor ekonomi. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa wanita juga memainkan peranan yang penting dalam ekonomi.

Eiffa Yuhanis Roslan (2022) dalam kajiannya yang bertajuk *Unsur Nilai dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan:*

*Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Hashim Awang (1989) membincangkan tentang nilai dan moral dalam cerita-cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis elemen nilai berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji turut membataskan kajian kepada dua puluh buah cerita rakyat sahaja berdasarkan teks tersebut dan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks sebagai metodologi kajian. Hasil dapatan kajian terbukti bahawa naratif lisan Melayu yang terdapat dalam karya sastera yang dipilih mempunyai nilai murni dan sarat dengan kebudayaan Melayu.

Selain itu, makalah *Penenun Cinta: Analisis Sisi Pengkaedahan Melayu* yang telah dijayakan oleh Sara Beden dan Nur Haifa Rosle (2022). Kajian ini dijalankan hanya berfokuskan kepada karya yang memaparkan unsur-unsur keislaman. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis dan merungkai mesej-mesej keagamaan yang terdapat dalam novel *Penenun Cinta* secara terperinci dengan menggunakan teori Pengkaedah Melayu yang dikemukakan oleh Hashim Awang sebagai kerangka utama. Kaedah kajian ini adalah berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif sepenuhnya dengan menganalisis aspek tekstual dan kontekstual teks ini. Hasil dapatan kajian mendapati, daripada keenam-enam pendekatan, pengkaji mendapati unsur keagamaan melalui tema, watak perwatakan, latar tempat dan peristiwa-peristiwa penting dalam menyampaikan mesej dakwah dan keagamaan kepada pembaca.

Putri Nur Anis Balqis Yazik (2022) dalam kaiiannya yang bertajuk *Transkripsi Puisi Melayu dalam Cerita Rakyat Melayu berdasarkan Teks Seuntaian Naratif*

*Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-nilai Murni* membicarakan tentang nilai-nilai murni dalam transkripsi puisi Melayu. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam puisi Melayu melalui transkripsi daripada cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini turut membataskan kepada teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob dengan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kaedah kepustakaan dan rujukan teks sebagai metodologi kajian. Berdasarkan hasil dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa transkripsi puisi memang padat dengan nilai-nilai murni yang boleh menjadi ruang bagi masyarakat mengubah pertuturan dan perbuatan kepada pembentukan sebuah tamadun yang tinggi nilai akhlaknya.

Akhir sekali, Muhammad Syauqi Zawawi (2022) dalam kajiannya yang bertajuk *Transkripsi Lagu Rakyat dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang transkripsi cerita rakyat ke dalam bentuk lirik lagu rakyat dan nilai murni yang terdapat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni yang terkandung dalam lirik lagu rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji juga membataskan kajian ini kepada empat belas buah cerita sahaja berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dengan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Kajian

ini turut menggunakan kaedah kualitatif sebagai metodologi kajian. Berdasarkan pemerhatian daripada kajian jelas menunjukkan transkripsi cerita rakyat ke dalam bentuk lirik lagu rakyat mempunyai nilai murni yang boleh diberikan contoh kepada masyarakat.

#### 2.4 Penutup

Kesimpulannya, melalui sorotan kajian lepas yang telah ditemui, pengkaji dapat mengenal pasti kelompongan pada kajian terdahulu yang mana dapat membantu pengkaji untuk mengisi kelompongan kajian tersebut. Berdasarkan kelompongan kajian lepas ini menjadi penanda aras bagi pengkaji untuk mengetahui kekurangan pada kajian terdahulu agar pengkaji dapat menghasilkan sebuah kajian ilmiah yang berkualiti untuk disampaikan kepada pengkaji yang akan membuat kajian dalam bidang ini pada masa akan datang. Selain daripada itu, melalui kajian lepas juga dapat memberikan pendedahan kepada pengkaji tentang penggunaan teori serta perkara yang berkaitan dengan naratif lisan kerana berdasarkan pembacaan, pengkaji mendapati terdapat pelbagai nilai-nilai moral serta penggunaan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) yang telah digunakan oleh pengkaji terdahulu dalam menjalankan kajian mereka.

## BAB 3

### Metodologi Kajian

#### 3.1 Pengenalan


Kajian mengenai nilai moral dalam cerita rakyat banyak dilakukan secara teratur dengan menggunakan satu metode kajian sahaja, iaitu melalui kajian teks. Namun begitu, maklumat yang diperolehi akan digunakan berdasarkan dengan teori yang bersesuaian yang akan menjadi deduktif kajian bagi menghasilkan sebuah kajian yang sempurna. Oleh hal yang demikian, dalam bab ini pengkaji akan menerangkan tentang reka bentuk kajian, kaedah kajian, teori, kerangka konseptual dan penutup.

#### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian kepustakaan, teks dan internet. Pengkaji menggunakan ketiga-tiga kaedah ini bagi memudahkan proses kajian ini dijalankan kerana kajian ini memerlukan penelitian yang mendalam kerana melibatkan proses analisis teks. Kajian ini menggunakan rujukan teks sebagai rujukan utama iaitu teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Selain daripada itu, kajian ini turut menggunakan kajian kepustakaan untuk membuat sorotan kajian lepas seperti jurnal, artikel dan tesis. Oleh hal yang demikian, bagi mencapai objektif kajian pengkaji telah memilih kajian kepustakaan, teks dan internet bagi menyempurnakan kajian ini.

### 3.3 Kaedah Kajian

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan rujukan teks dokumen sebagai metodologi kajian. Dalam kajian ini juga pengkaji akan menganalisis nilai-nilai moral yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* berdasarkan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Oleh itu, kaedah kualitatif akan digunakan sepanjang kajian ini dijalankan.



Carta 1: Kaedah Kajian

#### 3.3.1 Kajian Kepustakaan

Pengkaji menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mencari bahan kajian seperti tesis, jurnal dan artikel untuk melakukan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini memerlukan pengkaji untuk menganalisis teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Oleh hal yang demikian, pengkaji memerlukan sumber-sumber ini untuk mengukuhkan kajian ini kerana terdapat beberapa perkara seperti definisi, sorotan kajian lepas, serta perkara-perkara yang

berkaitan kajian ini yang tidak jelas yang menjadi bahan tambahan untuk pengkaji menjalankan kajian ini. Menurut Wong (2013), apabila maklumat tambahan ini diproses bersama dengan maklumat baharu, maka akan menghasilkan kesan kognitif. Justeru, maklumat tambahan yang diperolehi akan dapat membantu pengkaji mengukuhkan sesuatu ujaran dalam kajian yang dijalankan ini. Selain daripada itu, pengkaji juga mencari bahan kajian di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan sebagai medium tambahan dalam menjalankan kajian ini.


### 3.3.2 Rujukan Teks Dokumen

Pengkaji telah menggunakan buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang telah ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang mana ia telah diterbitkan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK Press) sebagai data kajian utama dalam melakukan proses penganalisisan terhadap nilai-nilai moral yang terkandung dalam teks tersebut. Berdasarkan buku yang diterbitkan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK Press) itu dapat diperhatikan bahawa penulis telah memfokuskan penceritaan rakyat di sekitar kawasan Kampung Pengkalan Datu seperti di Kampung Babong, Kampung Kedai Lalat dan Kampung Pantai Senak. Pengkaji telah memilih 20 cerita rakyat daripada 51 buah cerita rakyat yang terkandung dalam naratif lisan tersebut sebagai fokus dalam melakukan kajian ini.

### 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu telah digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 dalam Seminar Antarabangsa Kesusastraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Teori pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua bahagian iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Bagi

pengkaedahan alamiah pula terbahagi kepada tiga bahagian yang terdiri daripada pendekatan firasat, pendekatan moral dan pendekatan gunaan. Bagi pengkaedahan keagamaan pula terbahagi kepada tiga bahagian juga yang terdiri daripada pendekatan kemasyarakatan, pendekatan seni dan pendekatan dakwah.



Carta 2: Teori Pangkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989)

### 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Menurut Hashim Awang (2002), pengkaedahan alamiah ini adalah satu perkara yang bersandarkan kepada corak hidup yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupannya. Masyarakat Melayu menjalani kehidupan dengan berpaksikan kepada pergerakan dan pengisian alam seolah-olah ia wujud sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupan mereka. Hal ini turut disokong oleh Hashim Awang (2002) yang mana beliau menyatakan bahawa alam itu dijadikan sebagai faktor utama untuk pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebaikan. Melalui kepercayaan animisme, masyarakat Melayu

terdahulu percaya akan semangat yang ada pada setiap makhluk dan setiap ciptaan itu mempunyai semangat yang luar biasa. Rentetan daripada itu, jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu lama percaya dan berpegang kepada prinsip yang mana setiap makhluk itu mempunyai unsur mistik dan mereka percaya kepada kepercayaan animisme.



Carta 3: Pengkaedahan Alamiah

#### 3.4.1.1 Pendekatan Gunaan

Pendekatan gunaan merupakan satu objek alam yang mana ia merupakan salah satu daripada hasil ciptaan alam. Hal ini dikatakan demikian kerana, objek alam merupakan satu ciptaan Allah SWT dan karya sastera itu sendiri hasil daripada ciptaan manusia. Berdasarkan karya sastera itu sendiri ia telah memberi banyak manfaat kepada manusia dan kehidupan. Menurut Hashim Awang (2002), beliau menyatakan bahawa pendekatan gunaan adalah memberikan penekanan besar dan luas dari sudut kegunaan dan kebajikan sastera, baik dari aspek isi atau bentuknya yang berlandaskan kepada kebajikan dan ketatasusilaan.

Oleh itu, karya sastera dan alam itu saling berkait rapat dan mendatangkan banyak faedah kepada kesejahteraan umat manusia. Hal ini dikatakan demikian

kerana, kedua-dua perkara ini dapat memberi input baharu yang mana hasil daripada pengetahuan yang diperolehi akan melahirkan rasa kesyukuran di atas nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepada setiap hambanya.

### 3.4.1.2 Pendekatan Moral

Menurut Hashim Awang (1999), pendekatan moral didasari daripada pendekatan gunaan iaitu sastera yang berbentuk kejadian dan objek namun kejadiannya berdasarkan itu berdasarkan pendekatan moral, dan bukan lagi berbentuk sesuatu kewujudan yang menyamai alat atau benda yang memberi kegunaan, tetapi ia adalah satu kejadian yang bersifat pengalaman hidup manusia. Sebagai contoh, sesuatu perkara yang berlaku kepada individu tertentu terhadap satu keadaan di mana ia melibatkan perkara seperti kejiwaan, kepercayaan (agama), kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan persekitaran yang memiliki kekuatan ilmu pengetahuan dan daya kreativiti. Oleh hal yang demikian, dengan memiliki ciri-ciri seperti ini sastera akan dapat memberi banyak kebaikan dari pelbagai aspek kerana fungsinya sebagai benda dan peralatan yang memberi kebaikan kepada keperibadian manusia.

Selain daripada itu, Hashim Awang (2022) turut menjelaskan bahawa pendekatan moral ini perlu diteroka dan diamati dengan lebih mendalam dalam konteks bentuk, isi dan proses penglahirannya. Hal ini turut melibatkan aspek pemilihan bentuk baharu dan konvensional, pengisian manusia dan peristiwa-peristiwa serta maklumat-maklumat diri serta persekitarannya iaitu daripada sudut pengalaman dan kejiwaan serta matlamat pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya untuk menghasilkan sebuah penulisan berdasarkan pengalaman dan pengetahuan.

Menurut Hashim Awang (2002) beliau menegaskan bahawa pengalaman yang diperolehi oleh pengarang kebiasaanya dinukilarkan dalam bentuk penulisan sastera yang mana ia melibatkan perkara yang berkaitan dengan kehidupan manusia seperti perbuatan manusia dan hal ini akan menjadi titik tolak kepada pembaca untuk membuat perbandingan. Justeru, melalui proses ini karya sastera dapat ditonjolkan sebagai sebuah penulisan yang sarat dengan ilmu pengetahuan seperti kebudayaan, geografi alam, politik dan kenegaraan, cara hidup serta ekonomi dan pendidikan. Oleh itu jelaslah bahawa, penulisan karya sastera boleh mendatangkan impak dalam kalangan pembaca dengan menambahkan ilmu pengetahuan dan menjadikan hasil daripada pembacaan karya sastera itu sebagai satu teladan untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian.

### 3.4.1.3 Pendekatan Firasat

Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan firasat berteraskan kepada tanggapan bahawa sastera adalah satu kejadian alam semesta yang memberikan dan memperkayakan pengalaman hidup. Akan tetapi pengalaman hidup itu lebih mengarah kepada pengalaman penciptaan karya yang penuh dengan daya kemisterian. Pendekatan firasat ini dikatakan berkait rapat dengan pengalaman hidup. Menurut Hashim Awang (2002), beliau turut menambah bahawa pengalaman hidup yang diperolehi itu adalah didasari daripada mimpi yang dialami oleh seseorang individu yang mana ia seringkali dianggap sebagai petanda atau mempunyai pengertian dalam kehidupan individu tersebut yang dikenali sebagai ta'abir iaitu proses menemukan makna menerusi tafsiran lam g atau alamat tertentu.


Di samping itu, Hashim Awang (2002) turut membicarakan perihal mimpi itu adalah satu proses yang berlaku bukan atas kehendak individu itu sendiri akan tetapi di atas ketentuan Allah SWT yang diberikan kepada hambanya mengikut

jenis manusia yang bermimpi itu sendiri. Sebagai contoh, mimpi yang benar dan baik (wahyu) selalu berlaku ke atas para anbiya dan rasul sebagai satu tanda yang ingin disampaikan daripada Allah SWT kepada mereka. Golongan yang mendapat mimpi yang seterusnya ialah golongan manusia biasa yang mana kebiasaanya mimpi ini berlaku dalam bentuk mimpi yang jahat dan dipengaruhi oleh syaitan serta ia turut dipengaruhi oleh keadaan mental individu tersebut sebagai satu refleksi mental ke atasnya.

Oleh hal yang demikian, penggunaan pendekatan firasat dalam kajian kesasteraan perlu menggunakan kaedah perlambangan memandangkan masyarakat Melayu itu sendiri terkenal dengan unsur perlambangan, kiasan, sindiran dan perumpamaan (Hashim Awang,1999).

### 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan

Pengkaedahan keagamaan menggunakan Al-Quran dan Hadis sebagai sumber rujukan. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui pengkaedahan ini tujuan utama yang ingin ditekankan adalah untuk menunjukkan keesaan dan kebesaran Allah SWT. Hal ini turut disokong oleh Hashim Awang (1993) yang mana beliau menjelaskan bahawa pengkaedahan keagamaan ialah pendekatan yang bersandarkan keimanan dan bersendikan akidah agama Islam. Dalam pengkaedahan keagamaan dapat dibahagikan kepada tiga pendekatan yang terdiri daripada pendekatan kemasyarakatan, pendekatan seni dan pendekatan dakwah.



Carta 4: Pangkaedahan Keagamaan

#### 3.4.2.1 Pendekatan Dakwah

Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan dakwah dapat didefinisikan sebagai maksud yang kudus dan dianggap sebagai mempunyai persoalan yang menunjukkan tentang sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah SWT. Oleh hal yang demikian, sastera dapat dijadikan sebagai sumber rujukan oleh masyarakat untuk mempelajari dan menimba ilmu dengan lebih mendalam terhadap-Nya tentang diri dan sifat Allah SWT yang bertujuan untuk menambahkan rasa kecintaan, ketakwaan dan keesaan yang lebih besar dan suci kepada Allah

SWT. Perasaan kasih dan sayang terhadap Allah SWT banyak diperjelaskan di dalam Al-Quran kepada hambanya kerana Allah SWT bersifat *Ar-Rahman*, *Ar-Rahim* dan *Ar-Rab*. Oleh hal yang demikian, sifat kasih dan sayang serta cinta kepada Pencipta dapat diterapkan dalam diri setiap individu melalui penulisan sastera kerana hasil daripada pembacaan akan menyedarkan golongan pembaca ini akan kesempurnaan, kekuasaan dan kemuliaan Allah SWT.

Di samping itu, Hashim Awang (2002) membicarakan tentang pendekatan dakwah ini mempunyai persoalan tentang kemurniaan dan manfaat agama Islam yang mana agama Islam ini mampu untuk menarik minat orang ramai untuk mendalami dan mempelajari agama Islam dengan lebih mendalam tidak mengira sama ada individu tersebut dari latar belakang individu yang beragama Islam atau bukan beragama Islam. Rentetan daripada itu, pendekatan dakwah ini dilihat sebagai satu medium dalam menyebarkan agama Islam ini melalui penulisan dalam karya sastera kerana mengandungi unsur yang berkaitan dengan penghayatan dan keagungan Allah SWT .

Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa melalui pendekatan dakwah yang digunakan dalam menghasilkan sebuah karya sastera mampu untuk menarik dan memberi pengetahuan yang lebih meluas berkaitan dengan agama Islam kerana sifat Islam itu sendiri adalah *syumul* yang mana ia membawa maksud sempurna dan Islam itu sudah sempurna dari segenap aspek kehidupan kerana sebagai contoh dalam Islam itu sendiri telah menerangkan tentang baik dan buruk sesuatu perkara dan perkara-perkara yang perlu dijauhi kerana ia akan membawa kepada kemudaratannya kepada diri sendiri. Sebagai contoh, minum arak dalam Islam adalah haram dan berdosa besar. Larangan ini dilakukan bukan atas dasar sebagai larangan sahaja akan tetapi ingin menjaga kemaslahatan masyarakat itu sendiri kerana seperti sedia maklum minum arak

itu akan membuatkan individu tersebut hilang pertimbangan dan akan bertindak di luar kawalan. Justeru, Islam itu disyariatkan kepada semua umat manusia kerana untuk menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan sesebuah masyarakat itu sendiri.

#### 3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan kemasyarakatan adalah satu aspek kajian yang menilai sesebuah karya itu berdasarkan kepada nilai kebaikan yang terdapat dalam kalangan masyarakat berdasarkan tuntutan agama Islam. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan kemasyarakatan dianggap sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam. Hal ini turut disokong oleh Hashim Awang (1994) yang mana beliau memperihalkan bahawa pendekatan ini boleh mengenalpasti masalah yang wujud dalam kalangan masyarakat berdasarkan hasil daripada karya penulis itu sendiri. Beliau turut menambah, pendekatan kemasyarakatan ini berfungsi sebagai satu petunjuk dalam mencari kesejahteraan hidup dan meningkatkan keimanan kepada Allah SWT.

Selain daripada itu, Hashim Awang (2002) turut membicarakan hal yang sama yang mana beliau mengatakan bahawa kesejahteraan hidup dapat dicapai dalam kalangan masyarakat jika setiap individu mengamalkan setiap perkara yang dituntut dalam syariat Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana, jika setiap individu mengamalkan pegangan yang telah disyariatkan oleh Allah SWT maka setiap perkara yang dilakukan dalam hidup akan sentiasa dirahmati dan dipermudahkan oleh Allah sekaligus akan membentuk sebuah masyarakat yang harmoni dan beriman kepada Allah SWT.


### 3.4.2.3 Pendekatan Seni

Menurut Hashim Awang (1997), beliau mentakrifkan pendekatan seni sebagai satu cara yang digunakan untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada pada sesuatu karya. Sebagai contoh, unsur keindahan yang terdapat dalam sesebuah karya sastera menggunakan pendekatan seni ini untuk dinilai. Hashim Awang (1997) turut menambah, bahawa pendekatan seni juga telah menghasilkan sebuah karya sastera sebagai persoalan utama bersandarkan kepada nilai-nilai estetika Islam dan tidak bercanggah dengan akidah serta ajaran dan fahaman agama Islam.

Seterusnya, pendekatan seni ini juga dilihat berdasarkan dengan fahaman agama Islam dan bukan hanya semata-mata kepada keindahan yang dilihat oleh pancaindera individu. Hal ini dikatakan demikian kerana, daya keintelektualan serta sifat kemanusiaan seperti membayangkan seorang watak yang sedang menghadapi perkembangan iman dan kesederan ilmiah, perlu dihuraikan dengan sebaik mungkin agar tidak menghasilkan sebuah karya sastera yang tidak realistik dan tidak wujud kepura-puraan (Hashim Awang 1997).

Oleh hal yang demikian, konteks keindahan itu dapat dilihat sebagai satu perkara yang masih bersandarkan serta menitikberatkan perihal tauhid. Keindahan itu sendiri dapat dilihat menerusi pelbagai konteks yang berbentuk luaran dan dalaman, gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak, pemakaian sudut pandangan dan gaya bahasa. Pada bahagian ini, konsep keindahan itu terdiri daripada keindahan dalaman dan keindahan luaran. Keindahan dalaman ialah aspek falsafah pemikiran dan mesej yang dibawa dalam sesuatu karya manakala keindahan luaran itu dapat dilihat daripada segi bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa. Akan tetapi, keindahan yang terdapat di dalam sesebuah karya sastera itu perlulah dikaitkan dengan alam dan penciptaannya.

### 3.5 Kerangka Konseptual



### 3.6 Penutup

Kesimpulannya, pada bahagian ini iaitu metodologi kajian pengkaji telah mengenalpasti kaedah dan metodologi kajian yang sesuai untuk digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Rentetan daripada itu, metodologi kajian ini ditetapkan berdasarkan daripada perkara yang dibicarakan pada bab 1 dan sorotan kajian lepas pada bab 2. Pada bahagian ini juga, ia memainkan peranan yang penting dalam membentuk strategi arah kajian ini dijalankan dan ia turut memastikan kajian ini dilakukan dengan lebih sistematik dan teratur untuk memudahkan pengkaji dalam proses mengembangkan idea dan menjalankan kajian kemudian. Seterusnya, pengkaji juga mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) berdasarkan pendekatan nilai moral sebagai panduan dalam menghasilkan kajian ini. Oleh hal yang demikian, hasil dapatan kajian yang dianalisis dalam kajian ini akan menghasilkan sebuah dapatan kajian berkaitan dengan nilai-nilai moral dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

## BAB 4

### Analisis Dan Dapatan Kajian

#### 4.1 Pengenalan

Pada bahagian ini pengkaji akan membincangkan serta menghuraikan dengan lebih terperinci berhubungan dengan dapatan kajian berdasarkan objektif kajian iaitu mengenalpasti nilai-nilai moral dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan* serta merumuskan nilai-nilai moral yang terkandung dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu* karya Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Selain daripada itu, menerusi perbincangan pada bahagian ini juga akan memperihalkan berkaitan dengan nilai-nilai moral melalui cerita rakyat berdasarkan teks terpilih menerusi nilai baik hati, berdikari, berhemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, keberanian, kebebasan, kebersihan dan semangat bermasyarakat. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan analisis teks untuk mengenalpasti unsur nilai moral bagi memenuhi dapatan kajian bagi tujuan pengumpulan data dan sumber rujukan. Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) juga dijadikan rujukan sepanjang proses analisis dilakukan agar dapat meghasilkan sebuah kajian yang lebih signifikan.

#### 4.2 Nilai Baik Hati

Nilai pertama yang akan dikupas dalam perbincangan pada bahagian ini adalah berkaitan dengan nilai baik hati. Nilai baik hati merupakan salah satu nilai moral yang perlu ada dalam diri setiap individu kerana ia melambangkan keperibadian seseorang yang mana nilai moral ini boleh dilihat menerusi cerita rakyat yang banyak ditunjukkan oleh pengarang bagi memberi kesedaran kepada pembaca berkaitan dengan nilai moral ini terutamanya dalam kalangan pembaca muda

kerana terdapat peribahasa yang mengatakan meluntur buluh biarlah dari rebungnya yang bermaksud jika hendak mendidik seseorang itu didiklah dari kecil lagi kerana apabila sudah dewasa ia akan menjadi sukar untuk dibentuk atau di didik. Menurut *Kamus Dewan* (2016), baik hati boleh ditakrifkan sebagai sebagai satu perbuatan yang baik dan sistematik serta boleh memberi manfaat kepada seluruh masyarakat setempat. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), nilai baik hati juga digambarkan sebagai satu perbuatan yang mencerminkan sikap keprihatinan individu terhadap orang lain untuk menjaga kebijakan dan mampu untuk menjaga hubungan silaturahim dengan masyarakat setempat.

Seterusnya, menurut Rozita Che Rodi (2019), baik hati disifatkan sebagai tindak balas berdasarkan tingkah laku seseorang individu yang dipengaruhi oleh keyakinan yang berhasil daripadanya untuk memberi manfaat yang berterusan kepada orang lain. Berdasarkan daripada sikap baik hati yang wujud dalam diri seseorang individu maka akan melahirkan seorang individu yang dihormati, dipercayai serta disegani oleh masyarakat kerana mempunyai keperibadian mulia yang disukai oleh masyarakat. Oleh hal yang demikian, sikap baik hati ini akan mampu untuk melahirkan rasa ikhlas dalam diri individu yang melakukan perbuatan mulia ini. Oleh itu, melalui analisis kajian ini akan mengupas beberapa aspek nilai baik hati seperti nilai baik hati melalui sikap belas kasihan, nilai baik hati melalui sikap pemurah, sikap bertimbang rasa dan sikap memahami,

#### 4.2.1 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Belas Kasihan

Sikap belas kasihan atau mengasihani makhluk yang lain yang ada di muka bumi ini merupakan satu sikap yang mulia dan dituntut dalam islam. Menurut Adli Yacob & Khuzaian Zakaria (2008), sikap belas kasihan dapat ditakrifkan sebagai individu yang mempamerkan perasaan kasihan terhadap masyarakat yang mengalami kesusahan hidup. Seterusnya, sikap belas kasihan juga boleh

disebut sebagai sikap sedih atau empati yang wujud dari dalam hati seseorang individu berdasarkan pemerhatiannya terhadap masyarakat ataupun alam semula jadi (*Kamus Dewan*, 2016). Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), belas kasihan dapat didefinisikan sebagai perasaan hiba atau sedih yang lahir dalam diri individu ketika melihat kesusahan hidup yang dialami oleh individu lain dan berusaha untuk membantu setakat yang termampu oleh individu tersebut. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa sikap belas kasihan merupakan perasaan yang hadir hasil daripada perasaan sedih dan hiba melihat kesusahan dan penderitaan orang lain. Kesannya, individu yang mempunyai perasaan ini akan sentiasa mempunyai sikap ingin tolong-menolong dan membantu individu yang berada di dalam kesusahan. Oleh itu, nilai baik hati melalui sikap belas kasihan boleh dilihat melalui cerita *Haji Long Abdul Rahman* iaitu:

### **Petikan 1**

Keunikan terserah apabila beliau hanya menggunakan sebuah pasu yang diperbuat daripada tanah liat. Beliau hanya menggunakan jari telunjuk bagi menyembuhkan sebarang penyakit yang dialami oleh masyarakat setempat. Pelbagai penyakit pelik yang dihidapi oleh penduduk akan sembuh apabila dirawat oleh beliau. Ianya menjadi suatu keajaiban bagi masyarakat setempat. Kehebatannya makin diketahui oleh penduduk sehingga ke kampung sebelah. Ilmu perubatan ini diperturunkan kepada keturunan beliau. Sehinggakan kini terdapat keturunan beliau yang mampu melihat masalah yang dihidapi oleh pesakit.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 58)

Berdasarkan petikan di atas, nilai moral baik hati melalui sikap belas kasihan dapat dilihat melalui watak Haji Long Abdul Rahman iaitu seorang Raja Patani yang juga turut dikenali sebagai tokoh alim ulama yang banyak membantu masyarakat. Haji Long Abdul Rahman telah banyak membantu penduduk setempat sewaktu dia melarikan diri. Antara bantuan yang dihulurkan oleh beliau adalah seperti pemaan madrasah dan kepakaran beliau dalam perubatan Islam. Kepakaran beliau dalam menyembuhkan masyarakat pada ketika itu dengan menggunakan teknik perubatan Islam telah banyak memberi kesan kepada penduduk setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana, teknik perubatan Islam

yang digunakan oleh beliau sangat unik apabila beliau hanya menggunakan pasu yang diperbuat daripada tanah liat dan turut terkenal dengan teknik rawatan dengan hanya menggunakan jari telunjuk sehingga mendapat gelaran raja telunjuk. Beliau dikatakan hanya menggunakan jari telunjuk untuk membantu merawat pesakit yang datang kepadanya sebagai satu inisiatif untuk berubat penyakit pelik. Selain daripada itu, Haji Long Abdul Rahman juga baik hati kerana telah mengajar ilmu perubatan ini kepada keturunan beliau agar ilmu yang dimiliki olehnya dapat terus digunakan untuk membantu masyarakat yang ingin berubat. Mempunyai suatu kelebihan yang dikurniakan oleh Allah SWT merupakan satu dugaan dan juga kelebihan kepada diri namun kita perlulah bijak dalam menyalurkan kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT dan sentiasa bersikap merendah diri dengan membantu masyarakat sekeliling dengan menggunakan kelebihan yang telah diberikan oleh Allah SWT. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), belas kasihan memperlihatkan rasa ingin memberi pertolongan terhadap makhluk yang berada di dalam keadaan yang memerlukan. Belas kasihan merupakan salah satu nilai empati yang terpuji dalam agama Islam. Insan yang memiliki sikap belas kasihan terhadap sesama makhluk akan sentiasa dihormati, disegani dan akan disayangi oleh sesiapa sahaja yang berada disekitarnya. Oleh itu, jelaslah bahawa melalui teks diatas pendekatan moral dianggap sebagai alat untuk mencari kebaikan dalam diri individu seperti yang ditekankan di dalam agama Islam.

Selain daripada itu, nilai baik hati melalui sikap belas kasihan juga boleh dilihat menerusi cerita rakyat yang terkandung di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Tok Karim Guru Silat Masyhur* seperti di bawah :

**Petikan 2**

“Pernah suatu ketika beliau telah menghulurkan bantuan dari segi kewangan, makanan dan sebagainya kepada penduduk yang tidak mampu untuk menyara kehidupan sehari-hari mereka”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 67)

Berdasarkan petikan di atas, nilai moral baik hati melalui sikap belas kasihan dapat dilihat melalui watak Tok Karim iaitu seorang guru silat yang terkenal ketika di zaman masyarakat Melayu tradisional. Beliau sangat terkenal dengan kehandalan dalam bertarung silat sehingga menjadi sanjungan dan tumpuan oleh masyarakat setempat. Namun begitu, keperibadian beliau tidak terhenti di situ sahaja apabila beliau turut mempunyai sikap belas kasihan terhadap masyarakat di sekelilingnya. Hal ini dapat dilihat menerusi satu peristiwa di mana terdapat penduduk kampung di tempat Tok Karim mengalami kesusahan. Beliau tanpa membuang masa telah membantu penduduk kampung tersebut dengan memberikan wang, makanan dan sebagainya untuk menampung aktiviti sehari-hari penduduk kampung yang berada di dalam kesusahan itu.

Oleh hal yang demikian, nilai baik hati melalui belas kasihan dapat dilihat menerusi kisah *Tok Karim Guru Silat Masyhur* yang mana nilai ini belas kasihan bertunjang kepada Pendekatan Moral berdasarkan daripada Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Hubung kait di antara nilai baik hati melalui sikap belas kasihan dengan nilai moral yang ada pada Tok Karim adalah apabila beliau yang merupakan orang ternama atau terkenal di sebuah kampung akan tetapi tetap membantu dan bersikap empati terhadap penduduk kampung dan tidak menghiraukan akan status sosialnya yang lebih tinggi daripada penduduk kampung serta bersikap pemurah dengan menghulurkan bantuan tanpa mengeluh atau mengharapkan balasan di atas bantuan yang telah dihulurkan.

#### 4.2.2 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemurah

Pemurah atau dalam erti kata lain sikap suka memberi merupakan sikap yang dituntut di dalam agama Islam kerana sikap ini merupakan sikap yang terpuji. Hal ini dikatakan demikian kerana, seseorang yang berjiwa pemurah ini akan sentiasa cuba untuk membantu orang lain yang berada di dalam kesusahan dengan menghulurkan bantuan kewangan atau barang mengikut kemampuan individu tersebut. Menurut Firdaus Che Yaacob (2015), sikap pemurah merupakan satu perbuatan individu yang tidak kedekut dan tidak berkira serta memiliki watak yang suka untuk memberikan sedekah kepada individu yang berada di dalam kesusahan dan tidak mengharapkan apa-apa ganjaran di atas pertolongan yang telah dilakukan. Malah Ismail Hamid (1987) turut berkongsikan pendapat mengenai takrifan sikap pemurah yang bermaksud individu yang mempunyai perwatakan atau perlakuan tidak kedekut atau bakhil yang mana individu tersebut gemar memberi sedekah kepada orang disekelilingnya tanpa mengharapkan balasan di atas perbuatan yang dilakukan. Selain itu, Hashim Musa (2008) mengemukakan makna sikap pemurah sebagai individu yang mempunyai sikap dermawan yang mana mereka faham semangat persaudaraan yang harus diutamakan dan mengasihi sesama manusia sebagaimana ia mengasihani dirinya sendiri merupakan manifestasi dorongan iman yang kuat, di samping mempunyai kesedaran bahawa setiap rezeki yang dikurniakan merupakan pinjaman daripada Allah SWT kepada hamba-Nya untuk dimanfaatkan dengan sebaik mungkin.

Sikap pemurah ini amat digalakkan di dalam Islam kerana Islam mengajar penganutnya untuk tidak bersikap tamak dan kedekut kerana sikap tersebut merupakan sikap mazmumah (terkeji) dan ianya merupakan sikap yang boleh mendatangkan kemurkaan daripada Allah SWT. Selain daripada itu, sikap tamak atau tangkai jering ini juga menyebabkan orang sekeliling akan merasa benci dan tidak ingin mempunyai hubungan persaudaraan dengan individu tersebut.

Oleh hal yang demikian, sikap pemurah ini amat digalakkan bagi menjaga hubungan silaturahim sesama makhluk selain daripada mendapat keredhaan daripada Allah SWT. Melalui teks *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Kehebatan Laksamana Laut* seperti contoh di bawah;

### **Petikan 3**

Beliau dapat menyembuhkan pelbagai penyakit yang dialami penduduk kampung yang datang untuk dirawat. Beliau sering membantu masyarakat di kampung yang menghidap apa-apa jenis penyakit sedaya yang boleh. Sepanjang merawat pesakit, beliau tidak pernah mengharapkan sebarang balasan dan upah daripada pesakit kerana beliau ikhlas membantu penduduk kampung yang mengalami masalah kesihatan.

(Mohd Firdaus Che Yaacob,2021 : 63)

Masyarakat Melayu khususnya memang lazim dikenali oleh masyarakat luar sebagai satu bangsa yang penuh dengan adab dan santun sehingga perkara ini menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Hal ini bertepatan dengan Ismail Hamid (1988), yang mana beliau menyatakan bahawa sikap pemurah yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu menjadi amalan dalam kehidupan seharian yang sudah terang lagi bersuluh kaya dengan nilai-nilai yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana, laksamana Che Deraman mempunyai sikap yang pemurah kerana telah membantu penduduk kampung dengan merawat mereka tanpa mengharapkan apa-apa balasan dan beliau ikhlas dalam mengubati penyakit yang dihidapi oleh penduduk kampung pada ketika itu.

Menurut Sara (2019), dalam kajiannya terhadap karya tradisional dalam *Antologi Jaket Kulit dari Istanbul* menyatakan bahawa seorang pemimpin yang disayangi oleh rakyatnya mempunyai sikap pemurah, baik hati, bersemangat waja, bijaksana, adil, berjiwa rakyat dan menjaga kebijakan rakyat. Hal ini dapat dilihat pada laksamana Che Deraman yang mana walaupun beliau merupakan orang yang dikenali di kampung tersebut, akan

tetapi laksamana Che Deraman tetap bersikap pemurah dan berjiwa rakyat kerana telah membantu penduduk kampung dengan merawat mereka tanpa mengharapkan ganjaran di atas pertolongan yang telah diberikan.

Sikap pemurah yang ada pada laksamana Che Deraman melalui naratif lisan *Kehebatan Laksamana Laut* merupakan nilai moral yang boleh dikaitkan dengan Pendekatan Moral berdasarkan daripada Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Hubung kait di antara nilai baik hati melalui sikap suka bersedekah dengan nilai moral yang ada pada laksamana Che Deraman adalah apabila beliau yang merupakan seorang pemimpin tetap membantu dan bersikap pemurah terhadap penduduk kampung dan tidak mengindahkan akan status sosialnya yang lebih tinggi daripada penduduk kampung serta bersikap pemurah dengan menghulurkan bantuan tanpa mengharapkan balasan daripada pemberian yang telah dilakukan.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), sikap pemurah merupakan satu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu dengan meletakkan redha Allah SWT sebagai tujuan utama. Oleh itu, jelaslah bahawa sikap pemurah merupakan satu sifat terpuji yang dituntut bukan sahaja dalam agama Islam akan tetapi di dalam agama yang lain juga. Agama lain seperti hindu, buddha, kristian juga menuntut penganutnya agar sentiasa bersikap pemurah dan saling menghulurkan bantuan tidak mengira dari sumber bantuan kewangan atau barang.

Selain daripada itu, nilai baik hati melalui sikap pemurah boleh dilihat menerusi cerita yang bertajuk *Pengaruh Baharu di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* seperti petikan di bawah:

#### Petikan 4

Kehidupan mereka yang damai sehingga mereka mampu membuat beberapa hiburan bagi menghiburkan mereka. Hiburan ini bertujuan bagi menceriakan rakyat jelata yang berduka cita selepas meninggalkan negeri mereka. Hiburan ini sekadar untuk menghilangkan kerisauan mereka terhadap penaklukan negeri Patani. Bermacam-macam hiburan yang direka oleh golongan bangsawan dan raja Patani untuk menghiburkan hati mereka. Antaranya, silat mak yong, main teri dan sebagainya. Setelah selesai acara tersebut, Raja Patani suka menghidangkan makanan yang lazat-lazat dan memberi hadiah kepada rakyat jelata sebagai saguhati.

(Mohd Firdaus Che Yaacob,2021 : 26)

Berdasarkan daripada kisah di atas jelas menggambarkan seorang pemimpin yang mempunyai jiwa rakyat. Hal ini dapat dilihat menerusi watak yang diketengahkan oleh penulis yang mana terdapat seorang Raja Patani yang mempunyai sikap pemurah terhadap rakyatnya apabila kedatangan Raja Patani ini pada ketika itu memberi satu khabar gembira kepada rakyatnya yang mana ketika itu mereka sedang berasa sedih selepas meninggalkan negeri mereka. Raja Patani yang pada ketika itu mengambil tumpuk pentadbiran telah bertindak untuk menghiburkan rakyat jelatanya yang sedang berada di dalam kesedihan dengan memberikan hiburan seperti main teri, makyong dan sebagainya. Hiburan yang dilakukan oleh Raja Patani dan para bangsawan pada ketika itu sedikit sebanyak mengubat hati rakyat jelatanya yang sedang berduka lara. Sikap yang ditunjukkan oleh Raja Patani ini telah menyerlahkan sisi pemurahnya. Rentetan daripada kisah di atas, jelas menunjukkan sikap pemurah bertunjangkan pendekatan moral. Hal ini kerana, pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang menunjukkan pengalaman yang dialami oleh setiap individu, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka memberi kesan positif atau negatif ke atas individu tersebut (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, sikap pemurah yang ditonjolkan oleh penulis melalui watak Raja Patani ketika cuba menghiburkan hati rakyat jelatanya yang pada ketika itu sedang berduka lara selepas meninggalkan negeri mereka. Raja Patani yang pada ketika itu merupakan seorang pemimpin telah bersikap pemurah dengan memberi makanan yang lazat-lazat serta hadiah saguhati kepada rakyatnya selepas memberi hiburan kepada mereka. Sikap

pemurah ini, telah membuatkan pentadbiran yang dijalankan oleh Raja Patani pada ketika berjalan dengan baik. Hal ini terbukti apabila semua yang hidup pada ketika itu hidup dalam suasana yang harmoni dan gembira sehingga mereka mampu untuk mencipta hiburan sendiri. Oleh itu, dapat dilihat menerusi kisah ini bahawa nilai baik hati menerusi sikap pemurah membuatkan masyarakat yang pada ketika sedang bersedih lupa akan kesedihan yang mereka alam kerana mempunyai seorang pemimpin yang pemurah serta bijaksana dalam mengambil hati rakyatnya yang sedang bersedih pada ketika itu.

Seterusnya, nilai baik hati melalui sikap pemurah juga boleh dilihat menerusi kisah *Bidan Tok Haji Esah* seperti petikan di bawah :

#### **Petikan 5**

Beliau juga dikatakan telah memberi pinjam mangkuk untuk kegunaan masyarakat ketika kenduri. Ianya dikatakan memudahkan orang kampung untuk tidak meminjam pinggan mangkuk dengan Puteri Saadong lagi. Pinggan mangkuk yang dipinjamkan juga berada dalam keadaan baik sewaktu dipinjamkan.

(Mohd Firdaus Che Yaacob,2021 : 65)

Sikap pemurah boleh dilihat daripada petikan di atas apabila terdapat seorang individu yang pada ketika itu terkenal dengan kebolehannya untuk mengubati orang sakit telah bertindak untuk memberikan pinjaman kepada individu yang memerlukan. Tok Haji Esah merupakan seorang bidan dan juga seorang yang mahir dalam mengubati penyakit misteri yang di alami oleh penduduk di kawasan penempatannya. Sikap pemurah yang dimiliki oleh Tok Haji Esah ini telah membuatkan masyarakat pada ketika itu senang dan gembira dengan sikap yang dimiliki oleh Tok Haji Esah ini. Tok Haji Esah telah bertindak memberikan pinjaman mangkuk kepada masyarakat untuk kegunaan kenduri pada ketika itu dan mereka juga tidak perlu meminjam daripada Puteri Saadong kerana pinggan yang dipinjam daripada Tok Haji Esah berada dalam keadaan yang baik sewaktu dipinjamkan.

Rentetan daripada kisah di atas, jelas menunjukkan sikap pemurah bertunjangkan pendekatan moral. Hal ini kerana, pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan

yang menunjukkan pengalaman yang dialami oleh setiap individu, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka memberi kesan positif atau negatif ke atas individu tersebut (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, sikap pemurah yang ditonjolkan oleh penulis melalui watak Tok Haji Esah yang mana ketika itu merupakan seorang yang terkenal telah bersikap pemurah dengan memberikan pinjaman kepada masyarakat yang memerlukan pinggan untuk majlis kenduri. Tok Haji Esah yang pada ketika itu merupakan seorang yang terkenal telah bersikap pemurah dengan memberi pinjaman pinggan yang kepada masyarakat walaupun dirinya pada ketika mempunyai status sosial yang tinggi namun sikap pemurah yang ditunjukkan olehnya telah membuat masyarakat pada ketika itu senang akan keperibadian yang dimiliki oleh Tok Haji Esah. Oleh itu, dapat dilihat menerusi kisah ini bahawa nilai baik hati menerusi sikap pemurah membuatkan masyarakat yang pada ketika sedang akan berasa senang dengan keperibadian individu yang bersikap pemurah. Hal ini dikatakan demikian kerana sikap pemurah ini membuatkan individu lain kurang berasa terbeban dengan masalah yang sedang dihadapi kerana terdapat individu yang bersikap pemurah dengan sudi untuk memberikan pertolongan berupa pinjaman untuk digunakan oleh mereka yang sedang berada di dalam keadaan yang memerlukan. Natijahnya, sikap pemurah ini boleh mengeratkan hubungan silaturahim diantara sesama manusia.

#### 4.2.3 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Bertimbang Rasa

Bertimbang rasa merupakan satu sikap yang memamerkan perasaan kesian terhadap individu lain dan dalam pada masa yang sama individu tersebut berusaha untuk meringankan beban yang dihadapi oleh individu tersebut. Menurut Mustafa Daud (1995), sikap bertimbang rasa bermaksud individu yang mempunyai perasaan simpati terhadap kesusahan dan penderitaan yang sedang dialami oleh individu lain dengan niat untuk menjaga kebijakan serta

untuk mengelakkan terjadinya konflik dengan pihak lain. Tambahan pula, menurut Mustafa Daud (1991), sikap bertimbang rasa ini merupakan tunjang asas dalam membentuk keperibadian masyarakat Melayu untuk memastikan masyarakat Melayu menambahkan kebaikan bukan sahaja kepada seseorang individu bahkan orang lain. Di samping itu, Hashim Awang (2002) turut membahaskan bahawa masyarakat Melayu sangat memuliakan masyarakat di sekeliling mereka bagi mewujudkan hubungan baik serta memastikan sifat bertimbang rasa dapat dipraktikkan dalam sebuah kehidupan bermasyarakat khususnya masyarakat Melayu. Sikap bertimbang rasa merupakan satu sikap empati yang perlu ada dalam diri setiap individu kerana tanpa adanya sikap empati seseorang individu itu tidak akan mampu untuk mencapai pemikiran bertimbang rasa dalam memutuskan sesuatu keputusan. Oleh hal yang demikian, nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa boleh dilihat menerusi petikan teks cerita rakyat *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* yang bertajuk *Che Deraman* seperti di bawah:

### **Petikan 6**

Ramai penduduk kampung yang mempunyai masalah datang mengadu kepada beliau dan beliau tidak mengabaikannya sebaliknya cuba sedaya upaya untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Pada suatu ketika, terdapat satu pergaduhan yang berlaku antara penduduk kampung itu sendiri. Che Deraman ketika itu sedang berehat di pondok depan rumahnya dan terdengar suara lelaki sedang menengking. Lekas beliau bangun dan segera ke tempat kejadian untuk meleraikan pergaduhan tersebut. Akhirnya ia dapat dilerai dengan baik dan profesional. Beliau menasihati mereka agar tidak bermusuhan sesama sendiri.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 60)

Berdasarkan daripada kisah di atas jelas menunjukkan sikap bertimbang rasa yang ditunjukkan oleh seorang individu yang mempunyai status sosial yang tinggi yang mana pada ketika itu beliau sedang berehat namun bersikap bertimbang rasa dengan segera membantu untuk meleraikan perselisihan faham yang terjadi. Sebagai contoh, Che Deraman yang sedang berehat di bawah sebatang pohon segera meleraikan pergaduhan yang terjadi selepas

terdengar suara tengkingan daripada orang awam walaupun pada ketika itu beliau sedang duduk berehat di bawah pokok. Sikap yang ditunjukkan oleh Che Deraman iaitu bertimbang rasa patut diteladani kerana jika pada ketika itu Che Deraman tidak segera meleraikan pergaduhan yang terjadi berkemungkinan pergaduhan tersebut akan menjadi lebih teruk dan serius. Oleh itu, dengan mempraktikan sikap bertimbang rasa dalam diri akan memberi manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri akan tetapi kepada semua pihak kerana telah berjaya membantu atau memudahkan urusan individu lain.

Seterusnya, sikap bertimbang rasa boleh dilihat menerusi cerita lisan yang bertajuk *Che Deraman*. Hal ini jelas tergambar dalam petikan di bawah:

### Petikan 7

Terdapat suatu ketika telah datang seorang hamba miskin berpakaian lusuh ke rumah Che Deraman dan memberi salam. Che Deraman menyapa salam dengan baik dan bertanyakan hajat kedatangan hamba tersebut ke rumahnya. Hamba tersebut menyatakan hasratnya datang ke rumah pawang Che Deraman untuk meminta pertolongan daripada pawang supaya merawat luka yang dialaminya. Pawang deraman tanpa melengahkan masa terus merawat penyakit hamba tersebut.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 61)

Berdasarkan daripada petikan di atas yang bertajuk *Che Deraman*, terdapat individu yang mempunyai nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa. Menerusi naratif lisan ini, penulis telah mengetengahkan watak Che Deraman yang mana pada suatu ketika dahulu beliau amat terkenal di sebuah kampung sebagai seorang pawang yang mampu untuk mengubati penduduk di kampungnya. Kehebatan dan kemampuan yang ada pada Che Deraman ini tidak menjadikan beliau sebagai individu yang hidung tinggi. Akan tetapi beliau beperwatakan sebaliknya apabila pada suatu ketika beliau di datangi oleh seorang penduduk kampung yang mengadu kepada dirinya bahawa dia sedang ditimpa musibah iaitu dia telah mengalami luka dan meminta Che Deraman untuk mengubatinya. Sikap baik hati melalui sikap bertimbang rasa yang ada pada Che Deraman terserlah apabila beliau tanpa membuang masa terus membantu hamba Allah itu tanpa mengajukan banyak soalan kepadanya. Sikap yang ada pada Che

Deraman yang mempunyai sikap bertimbang rasa wajar dicontohi kerana sikap bertimbang rasa ini boleh memudahkan individu lain yang sedang mengalami kesusahan. Sedikit sebanyak apabila seseorang individu itu membantu ia akan dapat meringankan beban yang dihadapi oleh mereka. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa sikap bertimbang rasa yang ada pada Che Deraman wajar dijadikan teladan.

Rentetan daripada kisah di atas, jelas menunjukkan sikap bertimbang rasa bertunjangkan pendekatan moral. Hal ini kerana, pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang menunjukkan pengalaman yang dialami oleh setiap individu, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka memberi kesan positif atau negatif ke atas individu tersebut (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, sikap bertimbang rasa yang ditonjolkan oleh penulis melalui watak Che Deraman ketika cuba meleraikan perselisihan faham yang berlaku di antara penduduk kampung. Che Deraman yang mana pada ketika itu sedang berehat mempunyai rasa bertimbang rasa untuk meninggalkan masa terluangnya itu bagi meleraikan percaduhan yang terjadi. Sikap bertimbang rasa ini telah menyelamatkan keadaan daripada menjadi lebih serius. Selain daripada itu, sikap bertimbang rasa Che Deraman yang terus membantu hamba miskin tanpa mengajukan banyak soalan juga telah menyelamatkan individu tersebut daripada mengalami kecederaan yang lebih serius. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa mendatangkan banyak faedah serta kesan yang positif terhadap masyarakat sekeliling di samping sikap ini akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT kerana telah menyatukan hubungan silaturahim yang renggang disebabkan berlakunya perselisihan faham di antara dua orang individu.

Selain daripada itu, nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa juga boleh dilihat menerusi cerita rakyat yang terdapat dalam cerita rakyat *Seuntaian*

*Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan yang bertajuk Mok Su Nab Ular seperti di bawah:*

### **Petikan 8**

Pada suatu hari, datang seorang perempuan yang dikenali sebagai Senah bersama anak lelakinya mengadu kepada Mok Su Nab bahawa anaknya itu telah dipatuk ular ketika mencari rotan di hutan. Mok Su Nab segera memapah anak lelaki Senah itu ke dalam rumah untuk dirawat.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 71)

Berdasarkan daripada teks *Mok Su Nab Ular* di atas nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa dipamerkan pada watak Mok Su Nab apabila beliau bersikap bertimbang rasa untuk membantu penduduk kampung yang sedang berada di dalam keadaan kesusahan. Mok Su Nab telah membantu seorang wanita yang dikenali sebagai Senah apabila anak lelakinya telah terkena patukan ular ketika sedang mencari rotan di hutan. Sikap bertimbang rasa ditunjukkan oleh Mok Su Nab apabila beliau dengan segera memapah lelaki tersebut lalu beliau segera mengubati lelaki tersebut dengan menggunakan kemahiran yang beliau ada. Berkat daripada sikap bertimbang rasa yang ada pada Mok Su Nab telah berjaya menyelamatkan nyawa lelaki tersebut. Sikap bertimbang rasa dalam membantu individu yang sedang berada di dalam keadaan kesusahan telah memberi manfaat kepada individu tersebut selain daripada berjaya menyelamatkan satu nyawa. Oleh itu, jelaslah berdasarkan nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa boleh mendatangkan faedah kepada semua individu.

Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak positif atau negatif ke atas diri mereka. Menerusi nilai baik hati menerusi sikap bertimbang rasa yang ditonjolkan cukup membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu mampu untuk memberi

teladan yang baik kepada para pembaca. Kesimpulannya, jelaslah bahawa nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa bukan sahaja disukai oleh masyarakat malah ia juga dapat memberi impak atau kesan yang positif terhadap sesuatu perkara seperti dapat menyelamatkan nyawa individu yang sedang berada di dalam keadaan kesusahan.

Selain daripada itu, nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa juga boleh dilihat menerusi kisah *Nuraini Che Him dalam Masyarakat* seperti petikan di bawah:

### **Petikan 9**

Perempuan itu cuba untuk mendekati orang lalu lalang namun tiada siapa yang ingin mendekatinya. Keadaan perempuan itu telah meraih perasaan simpati Che Him ke atas perempuan itu. Segera Che Him menghulurkan sedikit makanan dari kedainya kepada perempuan itu. Makanan itu disumbat oleh perempuan itu sambil mengucapkan terima kasih dengan air mata yang membasahi pipinya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 71)

Berdasarkan daripada kisah *Nuraini Che Him dalam Masyarakat* sikap bertimbang rasa ditonjolkan oleh penulis apabila seorang individu telah bersikap bertimbang rasa dengan memberikan pertolongan kepada individu yang memerlukan. Che Him merupakan watak yang bersikap bertimbang rasa yang telah ditonjolkan oleh penulis untuk membantu individu yang sedang berada di dalam kesusahan. Hal ini dapat dilihat menerusi kejadian di mana seorang wanita yang pada ketika itu telah mendekati ramai orang namun tiada seorang pun daripada mereka itu ingin memberi pertolongan saat wanita ini sedang berada di dalam keadaan yang memerlukan. Oleh hal yang demikian, keadaan ini telah mendapat perhatian daripada Che Him apabila beliau telah bersikap bertimbang rasa dengan memberikan sedikit makanan daripada kedainya kepada wanita malang itu. Wanita tersebut yang menerima makanan daripada pemberian Che Him mengucapkan rasa syukur dengan berterima kasih kepada Che Him kerana telah membantunya di saat memerlukan. Wanita malang itu juga menitiskan air mata kerana berasa sebak akhirnya ada individu yang sudi untuk

bersikap bertimbang rasa bagi menghulurkan bantuan kepadanya di saat dia benar-benar memerlukan.

Di samping itu, nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa juga boleh dilihat menerusi kisah *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* yang terkandung di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* seperti di bawah:

#### **Petikan 10**

Sultan Kelantan telah pergi ke hutan yang dimaksudkan oleh pawang bersama-sama hulubalangnya. Setelah jauh berjalan tidak juga ditemui rumpunan buluh yang dimaksudkan oleh pawang itu. Baginda telah memutuskan untuk berehat seketika bagi melepaskan lelahnya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 76)

Nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa boleh dilihat berdasarkan daripada petikan di atas apabila terdapat seorang individu yang telah bersikap bertimbang rasa dengan memikirkan keadaan orang lain setelah berjalan jauh. Individu yang telah bersikap bertimbang rasa berdasarkan daripada petikan di atas ialah Sultan Kelantan yang mana baginda yang merupakan pemimpin pada ketika itu telah berjalan jauh masuk ke dalam hutan bersama-sama dengan orang bawahannya. Baginda yang menyedari mereka semua telah berjalan jauh telah bertindak berehat seketika di rumpunan buluh. Sikap bertimbang rasa dan keprihatinan baginda ini telah membuktikan bahawa hubungan timbal balik di antara pemerintah dengan rakyatnya pada suatu ketika dahulu amat baik dan hal ini jelas diperlihatkan melalui watak sultan Kelantan.

Akhir sekali, nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa boleh dilihat menerusi kisah *Haji Long Abdul Rahman* seperti di bawah:

#### **Petikan 11**

Beliau telah menubuhkan sebuah madrasah untuk tujuan pembelajaran agama oleh penduduk setempat. Hafalan al-Quran sering dialunkan secara merdu oleh anak-anak muridnya. Zikir tidak lepas dibibirnya. Beliau juga sangat dikenali sebagai ‘raja telunjuk’ kerana kepakarannya dalam perubatan Islam dalam kalangan masyarakat.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 57)

Berdasarkan daripada kisah di atas jelas menunjukkan sikap bertimbang rasa yang ditunjukkan oleh seorang individu yang mempunyai status sosial yang tinggi yang mana pada ketika itu beliau seorang mempunyai ilmu agama yang tinggi namun bersikap bertimbang rasa dengan menyebarkan ilmu agama kepada penduduk kampung. Sebagai contoh, Haji Long Abdul Rahman yang mempunyai ilmu agama yang tinggi telah bertindak menyebarkan ilmu agama kepada penduduk kampung kerana beliau sedar akan kepentingan ilmu akhirat ini kepada masyarakat. Ilmu akhirat seperti al-Quran dan as-Sunnah merupakan satu panduan hidup yang amat penting kepada umat manusia kerana di dalamnya sudah terkandung perkara yang dilarang dan wajib dilakukan sebagai seorang khalifah di muka bumi ini yang diciptakan oleh Allah SWT untuk memakmurkan dunia dan sembah kepada Allah yang satu dan tidak mempersekuatkan-Nya dengan makhluk ciptaan-Nya. Sikap bertimbang rasa yang ditunjukkan oleh Haji Long Abdul Rahman iaitu bertimbang rasa patut diteladani kerana jika Haji Long Abdul Rahman tidak mempunyai sikap bertimbang rasa masyarakat di Kampung Pulau Gajah akan hidup dalam keadaan yang tidak mempunyai pedoman dan tiada arah tuju yang sebenar. Oleh itu, dengan mempraktikan sikap bertimbang rasa dalam diri akan memberi manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri akan tetapi kepada semua pihak kerana telah berjaya membentuk sebuah masyarakat yang bermoral tinggi.

Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak positif atau negatif ke atas diri mereka. Menerusi nilai baik hati menerusi sikap bertimbang rasa yang ditonjolkan melalui kisah *Nuraini Che Him dalam Masyarakat, Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* dan *Haji Long Abdul Rahman* cukup membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu mampu untuk memberi teladan yang baik kepada para pembaca.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa yang ditonjolkan oleh penulis melalui ketiga-tiga watak utama iaitu Che Him, Sultan Kelantan dan Haji Long Abdul Rahman menunjukkan keperibadian dan moral yang tinggi yang wajar dijadikan contoh atau teladan kepada masyarakat kerana jika setiap daripada individu yang membaca ini mengambil ikhtibar daripada pembacaan cerita rakyat ini maka ia akan mampu memberi impak atau kesan yang positif terhadap sesuatu perkara seperti dapat membantu individu yang sedang berada di dalam keadaan yang kesusahan.

#### 4.2.4 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Memahami

Sikap memahami ialah satu sikap yang ditunjukkan oleh seseorang individu dalam melihat sesuatu situasi yang berlaku dan cuba untuk menyelami atau mendalami perkara yang sedang berlaku dengan tujuan untuk memahami sesuatu situasi yang sedang berlaku itu dengan lebih baik. Menurut *Kamus Dewan* (2016), sikap memahami boleh didefinisikan sebagai satu sikap yang memperlihatkan tentang keadaan seseorang yang mengetahui atau arif terhadap sesuatu perkara. Sikap memahami merupakan satu sikap yang penting dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Hal ini turut disokong oleh Mustafa Daud (1991) yang mana beliau turut menegaskan bahawa sikap memahami dalam kalangan mukmin boleh membentuk sebuah masyarakat yang bersatu-padu, bahagia dan sejahtera demi menjaga kebajikan dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, Mohd Ali Hashimi (1992) mengutarakan pendapatnya bahawa setiap manusia yang sentiasa peka untuk memahami saudara-saudaranya ketika menghadapi kesusahan adalah penting untuk mewujudkan ikatan kasih sayang dan mengeratkan ikatan persaudaraan.

Sikap ini akan membantu seseorang individu untuk bersikap prihatin terhadap perkara yang berlaku di sekeliling agar individu tersebut dapat memahami

dan merasai apa yang dialami oleh individu yang sedang mengalami sesuatu keadaan itu. Oleh hal yang demikian, nilai baik hati melalui sikap memahami boleh dilihat menerusi cerita rakyat yang terdapat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* yang bertajuk *Tentera Bergajah* seperti di bawah:

### **Petikan 12**

Raja Patani mulai ber cang mengenai permasalahan yang berlaku di dalam kerajaan itu. Pemuda ufti itu seakan-akan memahami permasalahan yang berlaku dan faham akan masalah yang difikirkan oleh Raja Patani pada ketika itu. Permasalahan ini mengenai gajah tentera kerana tanpa gajah-gajah tersebut peperangan mungkin tidak berpihak kepada kerajaan Patani.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 :73)

Kisah di atas berlaku ketika di bawah pemerintahan Raja Patani, negeri Patani merupakan sebuah negeri yang terkenal kerana kekuatan bala tentera serta pemimpinnya yang hebat. Namun begitu, segalanya mula berubah apabila kerajaan di bawah pemerintahan Raja Patani yang baharu mulai mengalami ancaman daripada pihak luar dan menerima serangan secara bertubi-tubi sehingga melemahkan sistem pertahanan negara. Sikap memahami oleh individu dipamerkan apabila seorang pemuda ufti telah menghadap baginda, dan baginda telah ber cang dengan pemuda tersebut dan pemuda tersebut seolah-olah memahami permasalahan yang dialami oleh baginda pada ketika itu.

Sikap memahami oleh pemuda ufti tersebut menggambarkan keperibadian pemuda tersebut yang prihatin akan nasib yang sedang menimpa Raja Patani pada ketika itu. Keprihatinan pemudi ufti itu terserlah apabila beliau cuba untuk membantu Raja dengan mencadangkan kepada Raja Patani untuk membawa gajah yang sedang terkena penyakit virus jauh dari Patani untuk dirawat. Nilai memahami yang ditonjolkan oleh pemuda ufti yang memahami akan perasaan yang sedang dirasakan Raja Patani pada ketika itu perlu

diteladani kerana sikap ini akan membantu setiap individu untuk menjadi seorang manusia yang prihatin terhadap perkara yang berlaku di sekeliling.

Berdasarkan petikan teks *Tentera Bergajah* di atas, nilai baik hati dikaitkan dengan pendekatan moral melalui sikap memahami yang bertunjangkan pendekatan moral. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap individu, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap individu dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak positif atau negatif. Sebagai contoh, nilai memahami yang ditonjolkan oleh penulis melalui watak pemuda Ufti yang mana pemuda tersebut telah dipanggil ber cang dengan Raja Patani terhadap situasi yang sedang melanda Patani pada ketika itu. Pemuda Ufti itu telah menunjukkan sikap memahami ketika Raja Patani ber cang perihal situasi yang sedang melanda pada ketika itu. Sikap memahami yang ditonjolkan oleh pemuda Ufti kepada Raja Patani sedikit sebanyak menghilangkan kegusaran yang dialami oleh Raja Patani pada ketika itu. Kesimpulannya, jelaslah bahawa petikan teks *Tentera Bergajah* terdapat nilai baik hati melalui sikap memahami yang bertunjangkan pendekatan moral.

Seterusnya, nilai baik hati melalui sikap memahami juga boleh dilihat menerusi novel *Seuntai Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* berdasarkan teks *Nik Mat Keturunan Raja jal* seperti di bawah:

### Petikan 13

Terdapat suatu ketika, seorang rakyatnya telah datang menemui baginda sewaktu baginda sedang bersemayam di Istana untuk menceritakan permasalahan yang telah berlaku terhadap dirinya. Baginda telah mendengar sedaya upaya akan permasalahan yang dibicarakan. Baginda telah meminta datuk bendahara untuk membantu menguruskan permasalahan yang dibicarakan. Baginda telah meminta datuk bendahara untuk membantu menguruskan permasalahan yang dibawa oleh rakyat tersebut.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 :77)

Kisah di atas berlaku ketika pemerintahan seorang Raja yang mempunyai keperibadian yang tinggi dan mempunyai sisi yang mana disukai oleh rakyat jelatanya sehingga mampu untuk menjadi tempat meluah keluh kesah terhadap permasalahan yang sedang di hadapi oleh rakyatnya. Hal ini boleh dilihat menerusi pemerintahan Raja Banjar yang mana baginda merupakan seorang pemimpin yang berpandangan jauh dan amat memahami serta mempunyai nilai moral yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana, walaupun baginda memegang status sosial yang tinggi namun begitu Raja Banjar masih mempunyai sikap empati di dalam dirinya apabila baginda yang pada ketika itu sedang berehat atau bersemayam di singgah sananya telah di datangi oleh rakyatnya untuk mengadu akan nasib yang menimpa dirinya. Sikap memahami yang ada pada Raja Banjar ini terserlah apabila baginda telah mendengar segala keluh-kesah oleh rakyatnya itu walaupun pada ketika itu baginda sedang bersemayam. Nilai moral yang ditunjukkan oleh Raja Banjar melalui sikap memahami apa yang sedang dialami oleh rakyatnya wajar dijadikan contoh yang baik kerana individu yang memahami akan keperitan dan kesusahan orang lain sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang sedang ditanggung oleh individu yang sedang berada di dalam kesusahan.

#### 4.3 Nilai Berdikari

Nilai berdikari atau berusaha di atas kaki sendiri boleh dimaksudkan sebagai satu usaha yang dilakukan oleh seseorang individu tanpa mengharapkan bantuan atau pertolongan daripada orang lain. Berdikari merupakan salah satu daripada kemahiran hidup yang perlu ada dalam diri setiap manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana, individu yang mampu untuk berdikari tanpa mengharapkan bantuan orang lain dilihat sebagai seorang yang hebat dan mampu untuk hidup sendiri tanpa bantuan orang lain. Menurut Tajul Arifin dan Nor'aini dan (1992), mereka menyatakan bahawa nilai berdikari sebagai

kebolehan seseorang individu itu untuk berfikiran bebas, yakin dengan diri sendiri, tidak bergantung pada orang lain, penuh inisiatif, jaya diri dan daya usaha, sanggup memikul tugas dan amanah yang diberikan dengan penuh tanggungjawab serta menjalankan tugas yang diberikan dengan baik. Tambahan pula, menurut Abdul Rahman Md. Ariff (1993), beliau berpendapat bahawa individu yang berdikari akan mengembangkan kebolehan dan potensinya dengan cara yang lebih positif. Di samping itu, menurut Md. Ariff (1993) juga mengutarakan pandangan bahawa berdikari itu terjadi apabila ia melakukan sesuatu tugas dan kewajipan dengan usaha diri sendiri tanpa bergantung kepada orang lain, seorang individu dapat menjayakan dirinya mengikut keupayaan dan potensi yang ada pada dirinya. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa nilai berdikari ini merupakan satu sikap yang ada pada individu yang mempunyai sikap berani kerana mampu melakukan segala perkara sendiri tanpa memerlukan bantuan atau sokongan daripada mana-mana pihak.

#### 4.3.1 Nilai Berdikari Melalui Sikap Bertanggungjawab

Maksud bertanggungjawab ialah menjalankan suatu tugas yang diberikan oleh seseorang individu dengan baik dan siap sedia untuk menanggung risiko yang bakal di hadapi kesan daripada tindakan yang telah dilakukan. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), beliau menyatakan bahawa sikap bertanggungjawab merupakan satu sikap yang dimiliki oleh individu yang sanggup untuk menjalankan tugas dengan baik dan sistematik serta bersungguh-sungguh untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Selain daripada itu, kata ‘bertanggungjawab’ juga bermaksud manusia yang mempunyai tanggungjawab terhadap sesuatu, memikul tanggungjawab, berkewajiban dan menanggung sesuatu (*Kamus Dewan*, 2016). Tambahan pula, Zainal Abidin (1997) turut menyifatkan tanggungjawab adalah tugas dan juga tanggungan, kewajipan, bebanan, malahan juga amanah. Oleh itu, sikap bertanggungjawab dapat

disimpulkan sebagai satu sikap yang ada pada seseorang individu yang peka terhadap tugas atau arahan yang diberi dan sanggup untuk menangung risiko ke atas tindakan yang dilakukan. Nilai berdikari melalui sikap bertanggungjawab boleh dilihat berdasarkan naratif lisan bertajuk *Bidan Haji Tok Esah* seperti di bawah :

#### **Petikan 14**

Secara kebetulan juga, Tok Haji Esah telah lalu kawasan itu dan mendapati Melati sedang menangis teresak-esak dan dia telah menghulurkan bantuan kepadanya. Setelah anak selamat dilahirkan, Melati mengucapkan terima kasih atas pertolongan yang diberikan. Tok Haji Esah telah memimpin Melati pulang ke rumahnya untuk berehat.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 65)

Berdasarkan kisah di atas menggambarkan sikap individu yang bertanggungjawab untuk membantu individu lain yang sedang berada di dalam keadaan kesusahan menerusi naratif lisan yang bertajuk *Bidan Tok Haji Esah* di mana menerusi kisah ini penulis menggambarkan Tok Haji Esah ini sebagai seoarang individu yang bertanggungjawab menolong Melati yang mana pada ketika itu Melati sedang dalam keadaan yang memerlukan. Tok Haji Esah telah bertanggungjawab menolong Melati untuk melahirkan anak sementelah pada ketika itu tiada siapa yang mampu untuk menolong atau membantu Melati untuk melahirkan anak. Tok Haji Esah yang pada ketika itu melintasi kawasan terbaringnya Melati segara membantu Melati untuk melahirkan bayi. Sikap bertanggungjawab yang ditunjukkan oleh Tok Haji Esah ini memberi teladan kepada pembaca untuk sentiasa bertanggungjawab membantu individu yang sedang berada di dalam kesusahan kerana dengan bantuan yang dihulurkan berkemungkinan akan dapat meringankan beban individu yang sedang diuji itu.

Rentetan daripada itu, pendekatan moral yang digunakan dalam menganalisis dapatan kajian sejajar dengan nilai berdikari melalui sikap bertanggungjawab yang telah digagaskan oleh Hashim Awang (2002) berdasarkan Teori

Pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap bertanggungjawab merupakan satu sikap yang mulia kerana berdasarkan daripada konteks penceritaan yang digambarkan oleh penulis dalam cerita rakyat *Bidan Tok Haji Esah*, penulis telah menggambarkan sosok seorang wanita yang mempunyai sikap bertanggungjawab untuk membantu individu lain yang sedang berada di dalam keadaan yang memerlukan. Sikap ini merupakan satu sikap yang amat dituntut di dalam agama Islam kerana tolong-menolong sesama insan merupakan satu sikap yang amat digalakkan dan dituntut dan mereka yang membantu individu yang sedang berada di dalam kesusahan akan mendapatkan ganjaran pahala yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya yang beriman.

Selain daripada itu, nilai berdikari melalui sikap bertanggungjawab juga boleh dilihat menerusi kisah *Asal Usul Datu* seperti di bawah :

### **Petikan 15**

Untuk mengambil ufti tersebut, Datu telah menyeberangi sebuah sungai untuk ke seberang. Laluan itu telah menjadi laluan sebatи dalam diri Datu namun tidak diketahui nama sungai tersebut.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 1)

Kisah di atas yang diambil daripada naratif lisan bertajuk *Asal Usul Datu*, nilai berdikari melalui sikap bertanggungjawab dapat dilihat melalui sikap Datu yang akur akan arahan daripada pemerintah untuk menjalankan tugas yang telah diberikan kepadanya dengan sebaik mungkin walaupun pada ketika itu beliau telah diduga dengan pelbagai cabaran. Sebagai contoh, Datu yang merupakan pemudi ufti telah ditugaskan oleh Raja Thailand pada ketika itu yang dikenali sebagai Raja Alauddin untuk mengutip ufti di Terengganu. Penulis telah menggambarkan sikap Datu pada ketika itu sebagai seorang yang bertanggungjawab kerana telah bersungguh-sungguh untuk memenuhi amanah atau tanggungjawab yang telah diberikan oleh Raja Thailand untuk

mengutip hutang walaupun pada ketika itu beliau berdepan kesukaran untuk mengutip. Dalam konteks ini, jelaslah menunjukkan Datu merupakan seorang individu yang sangat bertanggungjawab dan patuh ke atas apa yang telah disuruh oleh pemimpinnya pada ketika itu walaupun pada ketika itu beliau sedang berada di dalam keadaan kesukaran untuk mendapatkan ufti tersebut kerana berlaku serang hendap ke atas kerajaan Thailand pada ketika itu yang menyebabkan Datu sukar untuk ke Terengganu untuk mengambil ufti.

Rentetan daripada itu, sikap bertanggungjawab bertunjangkan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral berfungsi memperlihatkan pengalaman yang dialami oleh seseorang individu, setiap ilmu yang diperoleh oleh individu tersebut sama ada positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai moral yang ditunjukkan oleh Datu ialah beliau melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan oleh Raja Thailand pada ketika itu yang mana baginda telah mengarahkan untuk Datu ke Terengganu bagi mengutip ufti emas. Datu yang pada ketika itu dipertanggungjawabkan untuk ke Terengganu telah menghadapi pelbagai cabaran. Oleh hal yang demikian, berdasarkan daripada kisah *Asal Usul Datu*, dapat dilihat bagaimana seorang rakyat yang bertanggungjawab dan taat ke atas arahan yang diberikan oleh pemimpinnya. Sikap ini perlu dicontohi dan diteladani kerana apabila seseorang sudah memberi kepercayaan dan tanggungjawab kita perlulah menjalankan tugas tersebut dengan baik.

Akhir sekali, nilai berdikari melalui sikap berupaya bertindak sendiri boleh ditelusuri melalui kisah *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* seperti petikan di bawah:

**Petikan 16**

Setelah seberapa lama berfikir, akhirnya dicapai sebilah parang lalu ditebangnya sendiri rumpunan buluh itu. Serta-merta rumpunan buluh itu mulai tumbang ke bumi. Sampai pada satu batang buluh ini dikatakan agak besar berbanding buluh-buluh yang lain. Lalu, segera dicantas oleh baginda sultan. Kemudian apabila buluh tersebut terbelah dua, alangkah terkejutnya baginda apabila mendapati bahawa adanya seorang bayi lelaki dalam buluh tersebut.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 :76)

Berdasarkan daripada kisah di atas, jelas menunjukkan sikap kepimpinan seorang pemimpin yang mana mampu untuk berdikari atau berdiri di atas kaki sendiri tanpa mengharapkan bantuan daripada orang bawahannya meskipun baginda mampu untuk mengarahkan orang bawahannya untuk melakukan perkara tersebut akan tetapi baginda telah mengambil keputusan untuk bertindak sendiri. Hal ini dapat dilihat berdasarkan situasi di mana seorang Raja yang menebang buluh dengan sendirinya untuk melihat sendiri kebenaran terhadap adanya seorang bayi lelaki yang terdapat di dalam rumpunan buluh. Oleh hal yang demikian, daripada nilai berdikari melalui sikap berupaya bertindak sendiri dapat dilihat menerusi sikap sultan yang menggunakan kudratnya sendiri untuk melihat kebenaran yang diperkatakan oleh orang tentang kewujudan seorang bayi lelaki di dalam rumpunan buluh walaupun baginda merupakan seorang pemimpin namun tetap mempunyai sikap berdikari.

Rentetan daripada itu, nilai berdikari melalui sikap berupaya bertindak sendiri bertunjangkan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral berfungsi memperlihatkan pengalaman yang dialami oleh seseorang individu, setiap ilmu yang diperoleh oleh individu tersebut sama ada positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai moral yang ditunjukkan oleh Raja Sakti ialah baginda menebang sendiri rumpunan buluh yang dikatakan di dalamnya mempunyai seorang bayi lelaki. Sikap berdikari yang ditunjukkan oleh Raja Sakti pada ketika itu wajar dicontohi walaupun baginda merupakan seorang pemimpin akan tetapi baginda mempunyai sisi kepimpinan yang mana mampu untuk membuat sesuatu keputusan tanpa

mengharapkan bantuan daripada individu lain. Hal ini menggambarkan sisi kepimpinan Raja Sakti kerana mampu untuk berdikari walaupun baginda sendiri boleh mengarahkan orang bawahannya untuk menebang rumpunan buluh tersebut akan tetapi sikap berdikari dan keberanian yang ada pada Raja Sakti menyebabkan baginda bertindak untuk menebang rumpunan buluh itu sendiri. Oleh hal yang demikian, berdasarkan daripada kisah *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa*, dapat dilihat bagaimana seorang sultan yang berdikari dan berani dalam menghadapi sebarang situasi walaupun keadaan tersebut mungkin akan mengancam nyawa mereka. Sikap ini perlu dicontohi dan diteladani kerana kita tidak selamanya boleh mengharapkan orang lain untuk melakukan sesuatu perkara akan tetapi kita perlu mencontohi sikap Raja Sakti yang boleh berdikari dan bersikap berani menghadapi sesuatu keadaan.

#### 4.4 Nilai Berhemah Tinggi

Nilai berhemah tinggi adalah seseorang yang memiliki keperibadian yang mulia, baik hati dan disenangi ramai orang kerana perwatakannya yang penuh sopan dan santun sehingga menyebabkan orang sekeliling selesa untuk berdamping dengan individu ini. Menurut Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan (1992), mereka menyatakan bahawa nilai berhemah tinggi merupakan satu sikap atau perilaku yang dimiliki oleh seseorang individu seperti tingkah laku mulia, lemah lembut dan budi pekerti yang ada dalam diri seseorang manusia yang menjalinkan hubungan baik dengan orang disekelilingnya. Di samping itu, menurut Jumali Selamat (2001), beliau mendefinisikan nilai berhemah tinggi sebagai individu yang memiliki sikap atau perilaku budi pekerti, tingkah laku mulia dan lemah lembut yang wujud dalam diri seseorang individu dalam menjalinkan hubungan baik dengan orang di sekeliling. Penyataan tersebut turut disokong oleh Hashim Musa (2008), yang menyatakan hemah tinggi merupakan

manusia yang mempunyai perlakuan yang berbudi pekerti, tingkah laku yang baik yang terdapat dalam diri seseorang individu dalam menjalankan hubungan silaturahim dengan orang di sekelilingnya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa nilai berhemah tinggi itu sebagai satu perlakuan atau perbuatan yang mulia dengan sentiasa bersikap baik hati, lemah lembut dan mempunyai budi pekerti ketika sedang berkomunikasi dengan orang sekeliling sama ada ibu bapa, ahli keluarga, guru-guru, rakan-rakan dan sebagainya.

#### 4.4.1 Nilai Berhemah Tinggi Melalui Sikap Ramah Mesra

Menurut Hashim Musa (2008), sikap ramah mesra merujuk kepada individu yang dapat menghidupkan suasana bermasyarakat melalui ikatan perhubungan mesra seperti akrab, boleh berkomunikasi dengan baik, berperilaku baik dalam melakukan sesuatu tindakan dan tutur kata. Individu yang memiliki sikap mudah mesra dengan individu yang baru sahaja dikenali akan mudah untuk membina hubungan silaturahim yang baru kerana sikap mereka yang mudah untuk mendekati individu tersebut. Selain daripada itu, individu yang berpewatakan seperti ini akan disayangi oleh orang di sekelilingnya kerana perwatakannya yang boleh menghidupkan suasana yang gembira. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata ‘ramah’ merujuk kepada elok dan menarik budi bahasanya, suka bercampur dengan mesra, serta bercakap-cakap manakala bagi kata ‘mesra’ ia merujuk kepada makna bercampur benar-benar, menyerap benar-benar bersepada, bersebatii, erat karib, muluk-muluk indah, sedap serta nyaman. Oleh hal yang demikian, nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra boleh disimpulkan sebagai satu sikap yang ada dalam diri seseorang individu yang berpewatakan ceria dan mudah untuk bergaul dengan individu yang lain serta individu ini amat disayangi oleh orang sekeliling kerana keperibadiannya yang mudah untuk mesra dengan orang di sekeliling. Penyataan tersebut turut disokong oleh Swettenham (2003) yang

menyatakan bahawa masyarakat Melayu menjadikan sikap ramah mesra ini wajib dalam sesebuah perhubungan yang hamoni dan sejahtera tanpa mengira pangkat atau darjat. Oleh itu, nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra boleh dilihat melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* menerusi tajuk *Pengaruh Baharu di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* seperti di bawah :

### **Petikan 17**

Kerajinan baginda terserah walaupun peluh menitis ke seluruh tubuh baginda. Kesanggupan ini dilakukan dengan rela hati demi mengisi sesuap nasi ke mulut. Baginda dan rakyat jelata hidup secara rukun dan damai dalam perkampungan itu. Masing-masing mampu untuk bergaul seperti masyarakat setempat.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 26)

Berdasarkan daripada kisah di atas yang bertajuk *Pengaruh Baharu di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* terdapat nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra yang ditonjolkan oleh seorang pemimpin kepada rakyatnya. Sebagai contoh, Raja Patani telah menonjolkan sikap ramah mesra baginda kepada rakyatnya apabila baginda dengan rela hati turun ke kebun bersama-sama dengan rakyat jelata untuk membanting tulang menanam tanaman dan melakukan aktiviti menangkap ikan.

Perbuatan baginda ini patut mendapat pujian kerana walaupun baginda berada pada status sosial yang berbeza akan tetapi Raja Patani tetap merendah diri dan bersikap ramah mesra terhadap rakyat jelatanya untuk sama-sama melakukan aktiviti bercucuk tanam dan menangkap ikan. Sikap ramah mesra yang ditunjukkan oleh Raja Patani ini boleh dijadikan teladan kerana sikap ramah mesra ini menjadikan orang disekeliling akan lebih sayang dan mudah untuk rapat. Oleh itu, dapat kita lihat bahawa sikap ramah mesra yang terdapat dalam diri seseorang yang menunjukkan keperibadian yang mulia walau berbeza status sosial ini menjadikan seseorang individu itu akan disayangi lebih-lebih lagi jika individu tersebut

merupakan seorang pemimpin. Hal ini dikatakan demikian kerana, seorang pemimpin yang disayangi oleh rakyat boleh melahirkan satu masyarakat yang hidup dalam suasana yang aman dan sentosa.

Selain daripada itu, nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra juga boleh dilihat menerusi cerita rakyat *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* yang bertajuk *Nurani Che Him Dalam Masyarakat* seperti di bawah:

#### **Petikan 18**

Perniagaan yang dijalankan itu semakin hari semakin mendapat perhatian penduduk sekitarnya. Biarpun beliau merupakan seorang bangsa lain, namun masyarakat sekitar masih menerima kerana sikapnya yang ramah dan suka bergaul dengan masyarakat melayu telah membuatkan dirinya disenangi oleh masyarakat. Sehingga ada yang memanggilnya sebagai kirim kerana tidak mengetahui nama sebenarnya. Namun begitu, beliau senang dengan gelaran baharu itu.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 71)

Berdasarkan daripada kisah di atas dapat dilihat nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra yang ditonjolkan oleh seorang individu terhadap orang disekelilingnya. Sebagai contoh, Che Him yang merupakan seorang peniaga yang pada mulanya beliau adalah seorang pelayar yang berlayar ke sebuah penempatan lalu mengambil keputusan untuk tinggal di kawasan penempatan tersebut. Sikap ramah mesra yang ditonjolkan oleh Che Him terhadap orang disekelilingnya amat disukai masyarakat di penempatan tersebut sehingga orang disekeliling beliau gemar berurusan dengannya. Selain daripada itu, sikap ramah mesra yang ditunjukkan oleh Che Him ini menyebabkan perniagaan yang dijalankan semakin hari semakin mendapat sambutan oleh masyarakat di tempat itu.

Sikap ramah mesra merupakan satu sikap di mana seseorang individu itu mempunyai sikap berbudi pekerti dan melayan orang disekelilingnya dengan layanan yang baik dan boleh membuatkan individu tersebut berasa selesa

untuk berurusan dengannya. Kesannya, individu yang mempunyai perwatakan ini akan disayangi oleh orang sekeliling dan setiap individu yang berurusan dengannya akan berasa gembira untuk berkerjasama atau melakukan sesuatu tugas bersama-sama dengannya. Oleh itu, jelaslah bahawa nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra yang ditonjolkan di dalam teks di atas membawa banyak kebaikan terutamanya kepada diri sendiri kerana dengan mempunyai watak sedemikian orang ramai akan gemar untuk berurusan dengan kita dan segala urusan dapat dilakukan dengan baik kerana hubungan yang terjalin di antara dua pihak berada dalam keadaan yang baik.

Rentetan daripada kisah di atas, jelas menunjukkan sikap ramah mesra bertunjangkan kepada pendekatan moral. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang menunjukkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh oleh manusia dalam kehidupan mereka sama ada mendatangkan kesan positif atau negatif ke atas diri mereka. Sebagai contoh, sikap ramah mesra yang diketengahkan oleh penulis melalui watak Che Him yang mana beliau merupakan seorang saudagar cina yang berlayar sehingga tiba di satu kawasan penempatan yang diberi nama Pengkalan Datu. Kehadiran saudagar cina itu amat disenangi oleh penduduk di situ kerana beliau mempunyai sikap ramah mesra yang menyebabkan penduduk di situ senang untuk berurusan dengannya. Selain daripada itu, kehadiran beliau juga amat dialu-alukan oleh penduduk di situ sehingga penduduk di situ memberi gelaran kepada Che Him kerana tidak mengetahui nama sebenar beliau.

Perniagaan yang dijalankan oleh Che Him juga dikatakan semakin hari semakin maju berikutan sikap ramah mesra yang ditunjukkan kepada penduduk di sekitar itu sehingga menyebabkan penduduk di situ gemar untuk

berurusan dengannya. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), sikap ramah mesra dengan masyarakat di sekeliling tanpa mengira agama, bangsa dan negara akan menghadirkan suasana yang harmoni dan sejahtera dalam sesebuah perhubungan yang dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap ramah mesra yang ditunjukkan oleh seseorang individu boleh menghadirkan sebuah perasaan selesa di dalam sesebuah perhubungan yang dilakukan dan akan menyebabkan hubungan silaturahim di antara dua individu dapat terjalin dengan baik kerana sikap mesra yang ditonjolkan.

Oleh itu jelaslah bahawa, nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra boleh menghadirkan sebuah perasaan selesa dalam diri seseorang individu di samping individu tersebut akan mendapat pelbagai manfaat daripada sikap yang ditunjukkan ini seperti dikasihi oleh orang sekeliling, dipermudahkan segala urusan aktiviti harian dan disukai oleh Allah SWT kerana sikap ini merupakan satu sikap yang terpuji.

#### 4.4.2 Nilai Berhemah Tinggi Melalui Sikap Mengakui Kesalahan

Sikap mengakui kesalahan merupakan satu sikap yang wujud dalam diri individu yang mempunyai sifat sedar diri, sentiasa bermuhasabah diri akan setiap perkara yang telah dilakukan. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata ‘mengakui’ merujuk kepada kata kesalahan, menganggap seseungguhnya ada dan bagi menyatakan berhak ke atas sesuatu perkara. Bagi kata, kesalahan pula bermaksud sebagai perkara salah atau dipersalahkan dan dianggap salah ataupun didapati bersalah (*Kamus Dewan*, 2016). Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), beliau menyatakan bahawa konsep rohani

seseorang insan perlu untuk menerapkan sikap mengakui kesalahan diri setiap kali melakukan kesalahan demi melahirkan insan yang berjiwa bersih.

Individu yang mempunyai sikap mengakui kesalahan diri ini merupakan seorang individu yang mempunyai jiwa yang lembut dan sentiasa merendah diri serta bermuhasabah diri terhadap perbuatan atau tindakan yang dilakukan dalam aktiviti sehari. Individu ini sedar akan tindakan atau perbuatan yang telah dilakukan dan sikap ini merupakan satu sikap yang mulia kerana akur terhadap kesilapan yang telah dilakukan tanpa memutar belit keadaan atau cuba untuk menafikan kesilapan yang telah dibuat. Oleh itu, nilai hemah tinggi melalui sikap mengakui kesalahan boleh dilihat melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* yang bertajuk *Kezaliman Seorang Raja* seperti di bawah:

#### **Petikan 19**

Puteri Saadong telah mengambil keputusan ini untuk turun daripada takhta kerajaannya setelah bertindak menikam suaminya, iaitu Raja Abdullah akibat memungkiri janji untuk setia bersamanya. Ianya dikatakan berlaku selepas kepulangan Puteri Saadong dari kerajaan Siam telah dilarikan oleh Raja Siam.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 74)

Berdasarkan daripada petikan di atas nilai hemah tinggi melalui sikap mengakui kesalahan dapat dilihat menerusi watak Puteri Saadong iaitu seorang pemerintah di Kota Mahligai pada satu ketika dahulu. Pemerintahan di Kota Mahligai kemudiannya diteruskan oleh Raja Abdul Rahim atau dikenali sebagai Sultan Abdul Rahim selepas Puteri Saadong menurunkan takhtanya kepada baginda. Puteri Saadong turun daripada takhta selepas beliau didapati bersalah kerana telah menikam suaminya sendiri kerana baginda berasa kecewa dengan Raja Abdullah iaitu suaminya yang telah memungkiri janji untuk setia sehidup semati dengannya. Raja Abdullah telah ditikam oleh Puteri Saadong selepas kepulangan baginda daripada Siam.

Berita mengenai kecurangan Raja Abdullah telah menyebabkan Puteri Saadong berasa kecewa lalu menikam Raja Abdullah. Puteri Saadong yang sedar akan kesilapan yang telah dilakukan kerana telah membunuh suaminya itu telah turun daripada takhta lalu menabalkan Raja Abdul Rahim yang merupakan pemerintah ke sepuluh pada ketika itu sebagai pemerintah yang seterusnya di Kota Mahligai. Puteri Saadong lalu membawa diri ke Bukit Marak untuk mengubat hatinya yang sedang berluka lara di atas kecurangan dan kematian suaminya iaitu Raja Abdullah. Sikap yang digambarkan oleh penulis melalui watak Puteri Saadong menunjukkan terdapat nilai moral iaitu nilah hemah tinggi melalui sikap mengakui kesalahan. Puteri Saadong menunjukkan sikap mengakui kesalahannya dengan turun daripada tampuk pemerintahan di Kota Mahligai selepas baginda sedar akan kesilapan yang telah dilakukan. Oleh itu, jelaslah bahawa menerusi kisah *Kezaliman Seorang Raja* berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* terdapat nilai hemah tinggi melalui sikap mengakui kesalahan yang ditunjukkan oleh Puteri Saadong. Sikap mengakui kesalahan bukan bermaksud individu itu lemah akan tetapi sikap ini menunjukkan individu tersebut akur, sedar dan berani untuk bertanggungjawab akibat daripada perbuatan atau tindakan yang telah dilakukan.

Rentetan daripada itu, nilai hemah tinggi melalui sikap mengakui kesalahan yang ada pada Puteri Saadong melalui naratif lisan *Kezaliman Seorang Raja* merupakan nilai moral yang boleh dikaitkan dengan Pendekatan Moral berdasarkan daripada Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Hubung kait di antara hemah tinggi melalui sikap mengakui kesalahan dengan nilai moral yang ada pada Puteri Saadong adalah apabila beliau yang merupakan seorang pemimpin atau pemerintah pada ketika tetap bersikap merendah diri dengan mengakui kesilapan dan

kesalahan yang telah dilakukan olehnya. Puteri Saadong yang merupakan pemerintah di Kota Mahligai telah bertindak menurunkan takhtanya kepada Raja Abdul Rahim setelah Puteri Saadong mengakui kesalahannya kerana telah membunuh suaminya iaitu Raja Abdullah kerana Raja Abdullah telah memungkiri janjinya untuk tetap setia dengan Puteri Saadong. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), melalui konsep rohani seseorang insan wajar untuk memupuk sikap mengakui kesalahan diri setiap kali melakukan kesalahan demi melahirkan insan yang berjiwa bersih. Sikap mengakui kesalahan atas apa yang telah dilakukan merupakan satu perbuatan yang dilakukan merupakan suatu sikap yang terpuji kerana individu tersebut berani untuk bertanggungjawab ke atas tindakan yang telah dilakukan. .

Selain daripada itu, sikap mengakui kesalahan oleh Puteri Saadong terserlah apabila beliau turun daripada tampuk pemerintahan kerana baginda sedar akan kesilapan yang telah dilakukan dan bersiap sedia untuk menerima akibat daripada perbuatan yang telah dibuat

Oleh itu, jelaslah bahawa nilai hemah tinggi melalui sikap mengakui kesalahan merupakan satu sifat terpuji yang perlu ada dalam setiap keperibadian individu dalam menjalinkan hubungan dengan mana-mana individu. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap mengakui kesalahan ini menjadikan orang di sekeliling akan berasa hormat terhadap individu tersebut kerana berani untuk mengakui kesalahan yang telah dibuat.

#### 4.4.3 Nilai Berhemah Tinggi Melalui Sikap Kesopanan

Sikap kesopanan merupakan satu sikap lemah lembut yang dimiliki oleh seseorang individu yang mana sikap sopan ini meliputi dari segi perbuatan dan percakapan yang ditunjukkan individu tersebut ketika berkomunikasi

dengan individu yang lain. Menurut Mohd Ali Hashimi (1992), sikap kesopanan merujuk kepada manusia yang mempunyai tingkah laku yang lemah lembut, beradab dan bertatasusila dalam perbuatan atau percakapan ketika berada dalam kelompok masyarakat. Tambahan pula, menurut *Kamus Dewan* (2016) kata ‘kesopanan’ membawa maksud perihal sopan yang berkaitan dengan adat sopan santun, tatasusila, tingkah laku yang baik, dan peradaban. Penyataan tersebut turut disokong oleh Noor Hasnoor Mohamad Nor (2019), yang menyatakan bahawa kesopanan jelas tergambar melalui komunikasi yang berlaku di antara manusia atau melalui pelbagai saluran seperti media cetak maupun elektronik. Oleh hal yang demikian, nilai hemah tinggi melalui sikap kesopanan boleh dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob seperti di bawah:

#### **Petikan 20**

Suatu malam, pondok agama tersebut didatangi oleh beberapa orang tentera Jepun yang bersenjata. Mereka bertanyakan kepada Tok Guru Haji Awang Alim apa yang mereka sedang di dalam pondok tersebut dan mengapa tidak menutup lampu. “Kami sedang berdoa kepada Tuhan kami, Allah SWT. Kami meminta agar kampung ini sentiasa dalam keadaan aman dan tiada peperangan berlaku” jawab Tok Guru Haji Awang Alim. Pihak Jepun merasa gembira dengan jawapan tersebut dan membenarkan pondok dinyalakan lampu. Selepas kejadian itu, kehidupan di Kampung Atas Banggol menjadi aman dan damai malahan pihak Jepun mendermakan roti-roti kepada madrasah-madrasah untuk menjalani aktiviti keagamaan.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 69)

Berdasarkan petikan di atas, nilai moral hemah tinggi melalui sikap kesopanan dapat dilihat melalui watak Tok Guru Haji Awang Alim iaitu seorang ketua kampung yang juga turut dikenali sebagai seorang yang mempunyai ilmu agama yang meluas. Tok Guru Haji Awang Alim telah banyak membantu penduduk setempat dengan membuka banyak madrasah-madrasah bagi tujuan penyebaran dan pengajaran agama Islam. Antara

bantuan lain yang dihulurkan oleh beliau adalah seperti kepakaran beliau dalam mengajar ilmu agama kepada penduduk di kampung tersebut.

Kesungguhan beliau dalam menyebarkan dakwah Islam telah banyak memberi kesan kepada penduduk setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat banyak madrasah telah dibuka bagi tujuan pembelajaran agama Islam. Sehinggalah pada suatu ketika berlaku satu kejadian di mana beliau tidak dapat meneruskan lagi proses penyebaran agama Islam disebabkan kehadiran tentera Jepun di Kampung Atas Banggol. Kehadiran tentera Jepun ini sedikit sebanyak telah merencatkan proses pengajaran Tok Guru Haji Awang Alim dalam menyebarkan agama Islam. Tentera Jepun telah mengarahkan semua penduduk kampung untuk memadamkan lampu dan duduk di rumah namun begitu beliau tidak mengendahkan terhadap arahan yang diberi oleh tentera Jepun ini. Tentera Jepun datang ke tempat beliau mengajar dan mendapati lampu terpasang dan beliau telah disoal mengapa lampu terpasang. Tok Guru Haji Awang Alim menjawab dengan penuh sopan untuk berdoa kepada Allah agar kampung tersebut sentiasa berada dalam keadaan aman dan sentosa. Mendengar sahaja jawapan daripada tentera Jepun itu, mereka terus membenarkan Tok Guru Haji Awang Alim untuk terus mengajar dan menyebarkan agama Islam.

Sikap kesopanan yang ditunjukkan oleh Tok Guru Haji Awang Alim ketika berbicara dengan tentera Jepun telah memberi kesan yang positif disebabkan kesopanan dan penggunaan bahasa yang berbudi bahasa menyebabkan tentera Jepun mengizinkan beliau untuk terus membuka lampu bagi memudahkan proses pengajaran beliau dalam menyebarkan agama Islam. Selain daripada itu, selepas kejadian itu berkat daripada sikap kesopanan yang ditunjukkan oleh Tok Guru Haji Awang Alim pelbagai rahmat yang datang kepada penduduk Kampung Atas Banggol. Oleh itu, jelaslah bahawa

melalui teks diatas nilai berhemah tinggi melalui sikap kesopanan mendatangkan pelbagai faedah seperti disayangi oleh masyarakat, dihormati oleh penduduk kampung, diredhai oleh Allah dan dipermudahkan segala urusan yang hendak dilakukan.

Sikap sopan santun yang ada pada Tok Guru Haji Awang Alim melalui naratif lisan *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* merupakan nilai moral yang boleh dikaitkan dengan Pendekatan Moral berdasarkan daripada Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Hubung kait di antara hemah tinggi melalui sikap kesopanan dengan nilai moral yang ada pada Tok Guru Haji Awang Alim adalah apabila beliau yang merupakan seorang pemimpin atau ketua kampung pada ketika tetap bersikap merendah diri dengan menjadi salah seorang daripada individu yang menyebarkan agama Islam. Beliau yang bersikap warak tetap membantu dan menyumbangkan pelbagai bantuan kepada penduduk kampung. Antara bantuan yang diberikan oleh beliau adalah pemaan madrasah untuk tujuan penyebaran agama Islam kepada penduduk Kampung Atas Banggol.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), sikap pemurah merupakan satu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu dengan meletakkan redha Allah SWT sebagai tujuan utama. Selain daripada itu, sikap kesopanan Tok Guru Haji Awang Alim terserlah apabila beliau menggunakan bahasa yang sesuai ketika berkomunikasi dengan tentera Jepun yang mana pada ketika telah mengarahkan penduduk kampung untuk menutup lampu dan duduk di rumah menjelang waktu senja.

Namun, Tok Guru Haji Awang Alim yang mempunyai kesopanan ketika berbicara membuatkan tentera Jepun berlapang dada untuk membenarkan proses penyebaran agama Islam itu terus dilakukan. Malahan, berkat daripada kesopanan, budi pekerti dan sikap baik hati yang ditunjukkan oleh Tok Guru

Haji Awang Alim menyebabkan tentera Jepun memberi roti kepada madrasah-madrasah bagi menjalani aktiviti keagamaan. Oleh itu, jelaslah bahawa nilai hemah tinggi melalui sikap kesopanan merupakan satu sifat terpuji yang perlu ada dalam setiap keperibadian individu ketika hidup bermasyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap kesopanan ini menjadikan orang di sekeliling akan berasa senang hati dengan perlakuan dan percakapan yang sopan sehingga mampu untuk melembutkan hati sesiapa sahaja yang sedang kita berurusan.

#### 4.5 Nilai Hormat- Menghormati

Hormat-menghormati adalah satu budaya yang cukup terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan sikap hormat-menghormati yang menyebabkan ramai pelancong daripada luar gemar untuk datang ke Malaysia kerana masyarakat di Malaysia yang penuh dengan nilai-nilai murni dan kesopanan serta sikap meraikan pelbagai kebudayaan yang dintujukkan. Sikap hormat-menghormati perlu ada dalam diri setiap individu. Sebagai contoh, hormat kepada ibu bapa, guru-guru, rakan-rakan dan masyarakat di sekeliling. Sikap inilah yang menggambarkan keperibadian individu tersebut kerana, jika hendak melihat bagaimana keperibadian seseorang individu itu lihatlah daripada cara individu tersebut menghormati orang disekelilingnya.

Menurut Tajul Ariffin Nordin dan Nor'aini Dan (1992), mereka menyatakan bahawa nilai hormat-menghormati ialah individu yang memiliki sikap berbudi pekerti berdasarkan perbuatan yang mulia, lemah-lembut, memuliakan orang yang lebih tua dan berpangkat, menghormati hak, keperluan asasi dan maruah manusia, memberi layanan yang baik, menghormati kepercayaan budaya adat resam dan keturunan yang berbeza-beza, memuliakan dan bertanggungjawab terhadap golongan minoriti dan kurang upaya serta

mematuhi undang-undang negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap hormat-menghormati sesama insan itu perlu kerana memuliakan individu lain merupakan satu sikap terpuji dan amat dikasihi oleh Allah SWT. Menurut Amir A. Rahman (1991), Islam mewajibkan umatnya untuk hormat-menghormati antara satu sama lain. Oleh itu, sikap hormat-menghormati perlu dipupuk sejak daripada kecil lagi agar dapat melahirkan pewaris negara yang berbudi pekerti. Penyataan tersebut turut disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), yang menyatakan bahawa sikap hormat-menghormati secara tidak langsung memberi kesan seperti melahirkan masyarakat Islam yang tahu mengetahui tugas dan tanggungjawab mereka, dan rasa hormat-menghormati dalam kalangan mereka merupakan sumber ketenangan dan keharmonian dalam hidup bermasyarakat.

#### 4.5.1 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Orang Tua

Sikap menghormati orang tua merujuk kepada individu yang lebih muda menghormati individu yang lebih tua. Sikap ini perlu dididik sejak daripada kecil lagi kerana melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Jika ingin mendidik perlulah bermula sejak daripada kecil lagi kerana ketika masih kecil, anak-anak mudah untuk dibentuk mereka diibaratkan seperti kain putih dan ibu bapa memainkan peranan untuk mencorak keperibadian anak-anak mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, jika individu tersebut tidak dididik sejak daripada kecil lagi kelak apabila sudah dewasa ia sukar untuk dibentuk dan dididik. Namun begitu, ia masih tetap boleh dibentuk akan tetapi akan mengambil masa yang lama untuk menjadikan individu tersebut berkeperibadian yang mulia ini.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), nilai hormat-menghormati ialah sikap individu yang memiliki sikap berbudi pekerti dengan tingkah laku yang

mulia dan lemah-lembut, memuliakan orang-orang yang lebih tua dan berpangkat, memberi layanan yang baik kepada tetamu, menghormati hak, keperluan asasi dan maruah manusia, menghormati budaya, adat resam dan keturunan yang berbeza-beza, mematuhi undang-undang negara, memuliakan dan bertanggungjawab terhadap golongan minoriti dan golongan kurang upaya. Selain itu, kata ‘orang tua’ merujuk kepada gelaran ibu dan ayah atau golongan yang berusia (*Kamus Dewan*, 2016). Di samping itu, menurut Hashim Musa (2008) beliau turut membahaskan perihal hormat-menghormati orang tua yang mana sikap menghormati orang tua adalah satu teras yang penting dalam mewujudkan sebuah kehidupan yang harmoni dalam kalangan masyarakat setempat. Oleh hal yang demikian, nilai hemah tinggi melalui sikap menghormati orang tua merupakan sikap yang dituntut dan dianjurkan oleh Allah SWT. Nilai hemah tinggi melalui sikap menghormati orang tua boleh dilihat melalui kisah *Tok Karim Guru Silat Masyhur* berdasarkan cerita rakyat yang terkandung pada teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* seperti di bawah:

### **Petikan 21**

Walaupun masyarakat pada ketika itu menyanjungi beliau sebagai seorang tokoh terhormat, namun masih ada sikap merendah diri dalam dirinya kerana beliau tidak pernah angkuh dengan kebolehan yang ada pada dirinya. Masyarakat setempat masih menghormatinya kerana sikap yang menjadi tauladan kepada masyarakat.

(Mohd Fidaus Che Yaacob, 2021 : 66)

Berdasarkan daripada kisah *Tok Karim Guru Silat Masyhur* dapat dilihat nilai hemat tinggi melalui sikap menghormati orang tua melalui watak masyarakat yang menghormati individu yang lebih berusia. Sebagai contoh, terdapat sebuah kampung di mana terletaknya seorang guru silat yang begitu masyhur dengan kehandalan dan kehebatan beliau dalam seni mempertahankan diri. Guru silat yang terkenal itu merupakan Tok Karim

yang mana beliau mempunyai keperibadian yang merendah diri, baik hati, dan mudah untuk bergaul dengan seluruh lapisan masyarakat sehingga menyebabkan penduduk di sekitar itu menghormati beliau sebagai golongan yang lebih berusia. Sikapnya yang mudah untuk bergaul dengan golongan yang lebih muda boleh dilihat apabila beliau mengajak anak muda untuk ke rumahnya untuk berkongsi cerita bagi tujuan untuk menanamkan sifat patuh dan taat ke atas arahan yang telah diberikan. Selain daripada itu, Tok Karim juga seorang yang pemurah kerana sering membantu penduduk di sekitar itu. Oleh itu, wajarlah jika Tok Karim menjadi buatan ramai oleh penduduk di sekitar itu kerana keperibadian beliau yang begitu mulia sehingga penduduk di sekitar itu menghormati beliau. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan jika kita mempunyai keperibadian yang mulia seperti suka tolong-menolong, merendah diri, beramah mesra, suka membantu sesama insan sudah tentu masyarakat akan menghormati diri kita.

Rentetan daripada itu, nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati raja dan negara merupakan nilai yang dapat dikaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperolehi oleh manusia dalam hidup mereka sama da memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang,2002). Nilai moral hormat-menghormati melalui sikap menghormati raja dan negara boleh dilihat apabila penulis menggambarkan watak masyarakat pada ketika itu menghormati pemerintah di Kampung Pulau Gajah yang mana masyarakat di kawasan itu kaya dengan nilai moral yang tinggi seperti saling tolong-menolong menghormati raja dan negara.

Oleh itu jelaslah bahawa, nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati raja dan negara yang ditonjolkan dalam naratif lisan yang bertajuk *Simbolik Rebana* perlu dicontohi. Sikap yang ditunjukkan oleh penulis melalui watak masyarakat pada ketika itu yang menghormati raja dan negara sebagai golongan pemerintah perlu dicontohi kerana masyarakat yang bersatu padu melahirkan sebuah pemerintahan yang kukuh dan akan disegani oleh kerajaan-kerajaan yang lain. Selain itu, sikap masyarakat di Kampung Pulau Gajah juga perlu dicontohi kerana sikap menghormati raja dan negara penting untuk menjaga kedaulatan negara daripada menjadi ancaman oleh pihak musuh yang cuba menganggu gugat kedamaian sesebuah negara. Sikap menghormati raja dan negara ini perlu dicontohi oleh golongan muda dan tua pada masa kini untuk belajar menghormati sesiapa sahaja agar dapat melahirkan sebuah masyarakat yang mempunyai sikap patriotik.

#### 4.5.2 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Raja dan Negara

Sebuah negara yang berdaulat sudah tentu mempunyai seorang raja dan rakyat yang mempunyai hubungan yang baik. Hubungan baik yang dimiliki di antara raja dan rakyat memainkan peranan yang penting dalam memastikan keteguhan sesuatu pentadbiran itu. Sikap menghormati raja dan negara sering kali menjadi isu dan perbualan mulut kerana terdapat sesetengah individu yang tidak bertanggungjawab seringkali melakukan provokasi terhadap institusi beraja yang mana mampu menganggu gugat keamanan negara. Oleh hal yang demikian, sikap menghormati raja dan negara sudah dididik sejak dari bangku sekolah rendah lagi melalui pembacaan ikrar pada perhimpunan rasmi setiap hari Isnin di mana para pelajar akan membaca rukun negara.

Di dalam rukun negara yang kedua terdapat perihal yang berkenaan dengan raja iaitu kesetiaan kepada raja dan negara. Ungkapan ini merupakan satu kata-kata yang perlu disematkan di dalam diri setiap individu. Hal ini dikatakan demikian kerana, ungkapan inilah yang menjadikan seseorang individu sama ada insan yang bersikap setia kepada raja atau sebaliknya. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata ‘raja’ merujuk kepada orang yang mengetuai dan memerintah sesuatu negara, kepala negara atau dikenali sebagai sultan manakala kata ‘negara’ merujuk kepada sesuatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan, serta kawasan yang di bawah kekuasaan kerajaan tertentu. Di samping itu, menurut Hashim Musa (2008), beliau menafsirkan sikap hormat-menghormati raja dan negara dalam kalangan masyarakat adalah penting untuk mewujudkan sebuah negara dalam kalangan masyarakat adalah penting untuk mewujudkan sebuah negara yang bersatu-padu, aman dan makmur serta sejahtera. Penyataan ini turut disokong oleh Hashim Awang (2002), yang menyatakan bahawa nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati orang tua, menghormati kepercayaan dan adat resam, menghormati raja dan negara selari dengan pendekatan moral yang membuktikan bahawa karya kesusasteraan dihasilkan bukan sahaja untuk mencari kebenaran dan keadilan, malah dapat dijadikan sebagai alat untuk membentuk budaya bangsa yang bermoral sekali gus mewujudkan masyarakat Melayu yang lebih bertamadun dan maju. Oleh itu, nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati raja dan negara merupakan satu keadaan di mana seseorang individu itu mematuhi segala arahan yang diberikan oleh raja dan sebagai seorang rakyat wajib untuk patuh kepada raja dan negara. Menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* terdapat nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati raja dan negara yang bertajuk *Simbolik Rebana* seperti di bawah:

**Petikan 22**

Pada zaman dahulu, rebana dimainkan bagi menyambut kedatangan golongan raja-raja. Setiap paluan yang dimainkan adalah berbeza bagi membezakan paluan masuk dan keluar raja-raja. Setiap paluan itu mencerminkan keunikan tersendiri.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 18)

Berdasarkan daripada kisah di atas yang dipetik menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Simbolik Rebana* menunjukkan nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati raja dan negara. Hal ini dapat dilihat melalui sikap masyarakat di Kampung Pulau Gajah yang menghormati raja dan negara mereka pada ketika itu. Terdapat sebuah penempatan yang bernama Kampung Pulau Gajah di mana pada ketika itu hubungan yang erat wujud dalam kalangan masyarakat di situ. Mereka dikatakan hidup dalam suasana yang aman dan harmoni serta mempunyai sikap tolong-menolong antara satu sama lain. Hidup mereka saling tolong-menolong bagai aur dengan teg jika sedang berada di dalam keadaan yang susah.

Selain daripada itu, hubungan yang baik di antara raja dan rakyat di Kampung Pulau Gajah itu juga boleh diperhatikan melalui satu senario di mana paluan rebana akan dimainkan ketika kedatangan golongan raja-raja. Paluan yang dilakukan untuk memberi penghormatan kepada golongan raja dan setiap bunyi paluan itu juga berbeza dan ia menggambarkan keunikan tersendiri. Masyarakat pada ketika itu menunjukkan rasa hormat mereka terhadap institusi beraja ini melalui paluan rebana ini kerana paluan rebana ini tidak boleh dimainkan sesuka hati oleh golongan biasa kerana rebana hanya boleh dimainkan untuk golongan pemerintah. Sikap menghormati golongan pemerintah yang ditunjukkan oleh watak masyarakat di Kampung Pulau Gajah menujukkan kejayaan pemerintah pada ketika itu untuk mendapatkan kepercayaan daripada rakyat sehingga masyarakat pada ketika menghormati institusi beraja. Menurut Northouse (2013), seorang pemimpin

yang baik akan bertoleransi dan ber cang dengan pengikutnya untuk mencapai matlamat bersama. Hal ini dikatakan demikian kerana, hubungan yang terjalin di antara raja dan rakyat perlu ada jalinan timbal balik di antara kedua-dua pihak kerana melalui jalinan ini yang akan dapat membentuk kepercayaan di antara kedua-dua hubungan dan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. Oleh itu jelaslah bahawa, hubungan yang terjalin di antara pemerintah dan rakyat memainkan peranan yang penting dalam membentuk satu kerajaan yang bersatu-padu dan saling bantu-membantu antara satu sama lain.

Rentetan daripada itu, nilai hemah tinggi melalui sikap menghormati orang tua merupakan nilai yang dapat dikaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperolehi oleh manusia dalam hidup mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang,2002). Nilai moral hemah tinggi melalui sikap menghormati orang tua boleh dilihat apabila penulis menggambarkan watak masyarakat pada ketika itu menghormati Tok Karim yang berperikebadian mulia sehingga penduduk di sekitar itu menyanjungi beliau sebagai golongan yang lebih tua.

Oleh itu jelaslah bahawa, nilai hemah tinggi melalui sikap menghormati orang tua yang ditonjolkan dalam naratif lisan yang bertajuk *Tok Karim Guru Silat Masyhur* perlu diteladani. Sikap yang diketengahkan oleh penulis melalui watak masyarakat pada ketika itu yang menghormati Tok Karim sebagai golongan yang lebih tua perlu diamati kerana walaupun Tok Karim ini adalah orang yang berusia namun penduduk di situ mempunyai sikap berbudi pekerti kerana hormat pada orang yang berusia. Sikap ini perlu

dicontohi oleh golongan muda dan tua pada masa kini untuk belajar menghormati sesiapa sahaja tidak mengira lapisan usia kerana setiap individu itu berhak untuk dihormati tanpa mengambil kira latar belakang individu tersebut.

#### 4.6 Nilai Kasih Sayang

Nilai kasih sayang dapat ditakrifkan sebagai satu perasaan cinta, kasih dan sayang yang tulus dan berkekalan yang lahir dari dalam hati yang ikhlas terhadap sesuatu. Perasaan ini boleh hadir dalam diri setiap makhluk ciptaan Allah SWT dan tidak terbatas hanya kepada manusia sahaja akan tetapi haiwan juga boleh memiliki perasaan ini. Menurut Muhammad Al-Ghazali (1987), kasih sayang menunjukkan satu sifat ketinggian akhlak yang melembutkan hati bagi memberi rasa belas kasihan. Perasaan kasih sayang ini boleh hadir dalam kalangan suami dan isteri, jiran-jiran, kawan, ahli keluarga, ibu bapa dengan anak dan sebagainya. Di samping itu, menurut *Kamus Dewan* (2016), kata ‘sayang’ memberi maksud mengasihi dan mencintai. Tambahan pula, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), manusia itu diwajibkan untuk berkasih sayang dalam kehidupan untuk sebuah kebahagiaan hakiki. Oleh itu, pada bahagian ini pengkaji akan mengupas berkaitan dengan nilai kasih sayang melalui sikap manusia sayangkan nyawa dan manusia cintakan negara.

##### 4.6.1 Nilai Kasih Sayang Melalui Sikap Manusia Sayangkan Nyawa

Manusia yang sayangkan nyawa ialah manusia yang menghargai diri sendiri dan merasa bersyukur ke atas Tuhan yang telah menciptakan diri mereka serta menjadikan setiap sosok tubuh mereka itu berada dalam keadaan yang sempurna dan sihat. Menurut Hashim Musa (2008), beliau menyatakan bahawa maksud manusia sayangkan nyawa ialah manusia yang berusaha untuk menyelamatkan nyawa daripada sebarang perkara yang boleh

menyebabkan kehilangan nyawa. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata ‘nyawa’ bermaksud roh yang menghidupkan jiwa, semangat serta manusia. Setiap manusia yang mempunyai nyawa bertanggungjawab ke atas dirinya sendiri dengan sentiasa menjaga zahir dan batin agar berada dalam keadaan yang baik selalu. Penyataan ini turut disokong oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2011), yang mana kasih sayang kepada nyawa merupakan memelihara dan menjaga nyawa dengan sebaik mungkin dengan mengelakkan diri daripada terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perbuatan yang boleh menghilangkan nyawa. Nyawa yang diberikan oleh Allah SWT merupakan satu amanah yang diberikan kepada manusia itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap manusia yang diciptakan itu merupakan khalifah (ketua) yang dihidupkan untuk sujud kepada Allah SWT dan memakmurkan dunia dengan melakukan apa yang telah diperintahkan oleh Allah SWT serta meninggalkan perkara yang telah ditegah oleh Allah SWT. Manusia juga telah diutuskan oleh seorang nabi iaitu Nabi Muhammad SAW yang menjadi teladan sebaik-baik manusia untuk dijadikan sebagai qudwah hasanah (contoh yang baik) untuk diikuti sepanjang zaman. Al-Quran pula merupakan kalam Allah yang perlu dibaca agar setiap manusia itu hidup berpaksikan dan berpandukan Al-Quran dan Sunah. Oleh itu, setiap manusia yang sayangkan nyawa pasti akan melakukan segala perkara yang disuruh oleh Allah SWT dan meninggalkan segala larangannya. Nilai kasih sayang melalui sikap sayangkan nyawa ini jelas dapat dilihat menerusi berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Kezaliman Seorang Raja*, bertepatan dengan contoh petikan naratif lisan di bawah:

### **Petikan 23**

Pada ketika itu juga pemerintahan di Kota Mahligai menjadi semakin kejam setelah ketiadaan Puteri Saadong. Kekejaman itu telah menyebabkan

rakyat tidak tahan sehingga mengambil keputusan melarikan diri dari kota tersebut dan bersembunyi di serata tempat.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 74)

Berdasarkan petikan di atas membuktikan sikap manusia sayangkan nyawa terdapat dalam cerita rakyat *Kezaliman Seorang Raja* menerusi tindak balas daripada rakyat yang memiliki sikap manusia sayangkan nyawa kerana melarikan diri daripada pemerintahan di Kota Mahligai selepas ketiadaan Puteri Saadong. Hal ini dikatakan demikian kerana, Puteri Saadong telah menurunkan takhta kepada Raja Abdul Rahim selepas peristiwa hitam yang berlaku ke atas Puteri Saadong yang mana baginda telah menikam suaminya selepas mengetahui kecurangan yang dilakukan. Selepas Raja Abdul Rahim ditabalkan sebagai sultan Kelantan yang kesepuluh baginda dikatakan telah melakukan kekejaman ke atas rakyat jelatanya dengan memeras ugut. Golongan rakyat yang ditindas ini telah bertidak melarikan diri daripada cengkaman dan kekejaman di bawah pemerintahan Raja Abdul Rahim. Hal ini dapat kita lihat bahawa sikap manusia sayangkan nyawa yang terdapat dalam masyarakat Kelantan di Kota Mahligai pada satu ketika dahulu telah berjaya meneruskan hidup ke arah yang lebih baik di samping dapat membuka lembaran kehidupan baharu dan tidak lagi diseksa di bawah pemerintah yang kejam.

Di samping itu, menerusi teks *Seuntai Naratif Lisan di Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* turut menonjolkan nilai kasih sayang melalui sikap manusia sayangkan nyawa dalam cerita lisan yang bertajuk *Haji Long Abdul Rahman*, bertepatan contoh petikan seperti berikut:

#### **Petikan 24**

Alkisah menceritakan pada zaman dahulu terdapat seorang tokoh alim ulama bernama Haji Long Abdul Rahman yang menetap di Pulau Gajah. Segelintir penduduk di kampung itu beranggapan bahawa Haji Long Abdul Rahman merupakan Raja Patani yang dahulunya telah melarikan diri ketika peperangan sedang berlaku dalam negeri tersebut.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 58)

Berdasarkan daripada petikan di atas, terdapat individu yang mempunyai nilai kasih sayang melalui sikap manusia sayangkan nyawa. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Haji Long Abdul Rahman. Beliau merupakan seorang alim ulama yang terkenal pada suatu ketika dahulu di sebuah perkampungan yang bernama Kampung Gajah. Namun begitu, kisah silamnya dipercayai oleh penduduk di Kampung Gajah yang mana beliau merupakan seorang Raja Patani yang lari menyelamatkan diri daripada pererangan yang sedang berlaku di Patani. Haji Long Abdul Rahman menunjukkan nilai kasih sayang melalui sikap manusia sayangkan nyawa apabila beliau melarikan diri daripada pihak musuh yang mana pada ketika itu ingin menangkapnya dan akan mendatangkan kemudaran ke atas dirinya. Sikap sayangkan nyawa yang ditunjukkan oleh beliau ini perlu diambil contoh kerana beliau berpandangan jauh dengan memikirkan bahawa nyawa beliau berada di dalam keadaan terancam. Oleh hal yang demikian, nilai kasih sayang melalui sikap manusia sayangkan nyawa merupakan sikap yang direhsti oleh Allah SWT kerana membunuh diri di dalam Islam merupakan satu dosa yang besar dan Allah murka ke atas hambaNya yang membunuh diri.

Nilai kasih sayang melalui sikap manusia sayangkan nyawa yang ditunjukkan menerusi naratif lisan *Kezaliman Seorang Raja dan Haji Long Abdul Rahman* ini bertunjangkan Pendekatan Moral menerusi Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Moral ini merujuk kepada pengalaman dan ilmu yang dialami dan diperolehi oleh setiap individu dalam kehidupan mereka yang memberi kesan positif atau negatif (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, nilai kasih sayang melalui sikap manusia sayangkan nyawa ini dapat digambarkan melalui sikap manusia yang berusaha untuk keluar daripada sesuatu kesulitan demi untuk menyelamatkan diri daripada sebarang ancaman yang diterima ke atas diri sendiri. Sebagai contoh, nilai kasih

sayang melalui sikap manusia sayangkan nyawa ini apabila masyarakat yang hidup di Kota Mahligai di bawah pemerintahan Raja Abdul Rahim melarikan diri daripada pemerintahan Raja Abdul Rahim ini. Dalam konteks ini dapat kita lihat bahawa masyarakat pada ketika itu sedar akan kepentingan menyelamatkan diri kerana sayang akan diri. Oleh itu, jelaslah Pendekatan Moral digunakan sebagai panduan untuk mengajar manusia agar sayang akan diri sendiri untuk kehidupan yang lebih baik.

#### 4.6.2 Nilai Kasih Sayang Melalui Sikap Manusia Cintakan Negara

Manusia cintakan negara dapat ditakrifkan sebagai satu perbuatan yang cintakan tanah air sendiri atau seseorang individu itu mempunyai semangat patriotik yang mana akan melakukan apa sahaja demi untuk menjaga kedaulatan negara daripada ancaman musuh-musuh yang cuba mengangu gugat keamanan sesebuah negara. Menurut *Kamus Dewan* (2016) kata ‘cinta’ bermaksud perasaan sayang terhadap negara, orang tua dan kebebasan dan kata ‘negara’ pula membawa maksud sebuah masyarakat yang mendiami suatu penempatan tertentu dan mempunyai seorang ketua yang memerintah kawasan tersebut. Penyataan tersebut turut disokong oleh Jamaluddin (2015), apabila beliau menyatakan bahawa suatu bangsa itu terbentuk kerana adanya unsur-unsur dan akar-akar sejarah yang membentuknya. Perasaan cinta akan tanah air ini perlu disemai dalam diri setiap individu kerana sebuah bangsa yang hebat lahir daripada perasaan sayang akan negara yang mana sanggup untuk menjaga kedaulatan negara daripada ancaman musuh luar. Menurut Hashim Awang (2008), nilai kasih sayang dapat disimpulkan sebagai bertepatan dengan pendekatan moral yang membawa kepada kebaikan dan keadilan dalam kalangan masyarakat khususnya kerana segala maklumat, peristiwa dan perihal berkaitan manusia yang digambarkan melalui cerita rakyat ini dapat

memberi pendidikan dan pengajaran yang berguna kepada pembaca atau khalayak. Oleh itu, nilai kasih sayang melalui sikap manusia cintakan negara dapat dilihat menerusi teks cerita rakyat Melayu yang bertajuk *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Pengunduran Raja Patani*, bertepatan dengan contoh petikan teks di bawah:

### **Petikan 25**

Namun begitu, terdapat sebilangan rakyat ada yang tidak berpaling tada lalu menyuruh baginda sultan untuk berundur. Mereka masih menanam sifat daulat ke atas Sultan. Hal ini kerana, dilihat pertempuran yang dilakukan ke atas Patani pada ketika itu tidak memihak kepada negeri Patani ini.

(Mohd Firdaus Che Yaacob,2021 :79)

Kisah ini diambil daripada cerita *Pengunduran Raja Patani*, nilai kasih sayang melalui sikap manusia cintakan negara ini boleh dilihat melalui cara rakyat jelata tetap setia kepada Raja Patani pada ketika itu walaupun negara pada ketika itu sedang berada dalam keadaan kucar-kacir berikutan serangan daripada pihak musuh. Rakyat Patani pada ketika itu tetap tidak berpaling tada walaupun pada ketika itu banyak serangan yang dilakukan ke atas Patani dan mereka tetap taat dan setia kepada baginda. Mereka juga bukan sahaja tidak berpaling tada akan tetapi mencadangkan kepada baginda untuk berundur demi untuk menjaga nyawa Raja Patani pada ketika itu. Sikap cintakan negara yang ditunjukkan oleh masyarakat Patani ke atas raja mereka ini mencerminkan keperibadian Raja Patani pada ketika itu kerana seorang raja yang baik akan mempunyai pengikut yang tetap setia bersamanya dan berusaha untuk melindungi pemimpinnya. Oleh itu, jelaslah berdasarkan daripada naratif lisan *Pengunduran Raja Patani* dapat dikenalpasti nilai kasih sayang melalui sikap manusia cintakan negara.

Sehubungan dengan itu, nilai kasih sayang melalui sikap cintakan negara dalam naratif lisan di atas boleh menggunakan pendekatan moral. Sikap cintakan negara yang ditunjukkan ini boleh diklasifikasikan sebagai nilai moral dalam melindungi tanah air ketika berada dalam keadaan ancaman pihak musuh. Kesimpulannya, nilai kasih sayang melalui sikap cintakan negara yang diketengahkan oleh penulis bertujuan untuk memberi kesedaran kepada setiap lapisan masyarakat akan kepentingan untuk menjaga kedaulatan negara daripada ancaman musuh kerana bangsa yang hebat lahir daripada pemerintah yang berwibawa.

#### 4.6.3 Nilai Keberanian Melalui Sikap Mempertahankan Pendirian

Mempertahankan pendirian merupakan satu langkah atau perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu ketika cuba untuk melindungi daripada sesebuah ancaman yang mampu untuk memudaratkan diri sendiri atau mencederakan diri sendiri. Menurut *Kamus Dewan* (2016), maksud sikap mempertahankan pendirian ialah kata ‘pendirian’ yang memberi makna menimbang atau menilai sesuatu, perihal mendirikan sesuatu, pemaan ataupun dasar. Di samping itu, menurut Wan Marzuki Wan Mohd Noor, (2010) mendefinisikan sikap mempertahankan pendirian sebagai ketabahan dan kemampuan dalam menghadapi kesulitan untuk mempertahankan apa sahaja yang dillakukan dan yang diperkatakan adalah benar. Penyataan ini turut disokong oleh Metzger (2007), yang mana beliau menyatakan bahawa nilai keberanian merupakan nilai yang dipandang tinggi oleh orang asing terhadap orang Melayu terutama dalam kegiatan mereka. Nilai keberanian melalui sikap mempertahankan pendirian boleh dilihat berdasarkan petikan di dalam kisah *Tok Karim Guru Silat Masyhur* berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* seperti di bawah:

##### **Petikan 26**

Diceritakan bahawa Tok Karim juga seorang yang sangat handal kerana beliau dengan begitu berani menentang apa sahaja tindakan yang berlawanan dengan

prinsip hidupnya. Ada pendapat yang mengutarakan bahawa kehandalan yang dimiliki oleh Tok Karim adalah hasil daripada pengamalan ilmu yang diterapkan dalam kehidupannya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob,2021 :66)

Berdasarkan daripada kisah di atas, terdapat nilai keberanian melalui sikap mempertahankan pendirian di mana terdapat watak yang diketengahkan oleh penulis untuk mempertahankan dirinya daripada ancaman musuh. Tindakan yang dilakukan oleh individu ini adalah untuk menyelamatkan dirinya serta melindungi diri daripada sebarang perkara yang boleh mendatangkan kemudaratana ke atasnya. Hal ini boleh dilihat melalui situasi di mana, Tok Karim yang memegang watak individu yang mempunyai kebolehan untuk berlawan sesiapa sahaja yang cuba untuk menghalang dirinya daripada mengikut prinsip hidupnya. Nilai keberanian yang ada pada Tok Karim ini dikatakan daripada dirinya sendiri yang mengamalkan ilmu yang telah diajarkan ke atas dirinya. Sikap berani yang ditonjolkan oleh Tok Karim melalui kisah *Tok Karim Guru Silat Masyhur* wajar dicontohi kerana sikap mempertahankan diri mampu untuk menjauhkan diri daripada menjadi mangsa penindasan oleh individu yang tidak mempunyai nilai empati terhadap individu lain.

Rentetan daripada itu, nilai keberanian melalui sikap mempertahankan pendirian dalam naratif lisan di atas boleh menggunakan pendekatan moral. Sikap mempertahankan pendirian yang ditunjukkan oleh Tok Karim boleh diklasifikasikan sebagai nilai moral dalam melindungi diri ketika berada dalam keadaan ancaman pihak musuh. Kesimpulannya, nilai keberanian melalui sikap mempertahankan pendirian yang diketengahkan oleh penulis bertujuan untuk memberi kesedaran kepada setiap lapisan masyarakat akan kepentingan untuk mempunyai pendirian yang sendiri agar kelak tidak akan mudah di tindas oleh individu lain.

#### 4.7 Nilai Keadilan

Keadilan adalah satu situasi di mana seseorang individu itu bersikap sama rata terhadap sesuatu perkara yang terjadi tanpa mempunyai sikap pilih kasih terhadap individu yang lain. Keadilan juga meliputi aspek ekonomi, politik dan sosial di mana sikap adil ini perlu ada dalam diri setiap individu tidak mengira jantina, agama, bangsa dan sebagainya. Setiap individu juga perlu adil dan tidak mempunyai sikap diskriminasi terhadap sesuatu perkara yang bertentangan dengan prinsip hidup seseorang individu itu. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) beliau menyimpulkan bahawa keadilan itu merangkumi segala aspek tindak-tanduk yang ditunjukkan kepada masyarakat hatta melalui pertuturan, penulisan dan perbuatan yang diambil, dibuat dan juga diputuskan secara adil dan sama rata untuk kedua-dua belah pihak dan tidak melibatkan hubungan emosi, keadaan sekeliling yang hanya dipengaruhi oleh bukti sahih dan kebenaran. Penyataan ini turut disokong oleh Mohd Ali Hashimi (1988), yang menegaskan bahawa sikap adil dan saksama merupakan sesuatu yang murni dan halus kerana keadilan yang mutlak bersifat menyeluruh dan dilaksanakan tanpa ada yang terlepas daripadanya. Di samping itu, menurut Hashim Musa (2008), beliau menegaskan bahawa masyarakat Melayu turut mengamalkan sikap adil untuk memartabatkan ketamadunnya.

##### 4.7.1 Nilai Keadilan Melalui Sikap Adil dan Saksama

Sikap adil dan saksama merupakan satu sikap di mana seseorang individu itu tidak pilih kasih terhadap sesuatu keputusan yang dilakukan dan tidak bersikap mementingkan diri sendiri sahaja apabila sesuatu keputusan itu dilakukan. Sikap adil juga merupakan satu sikap yang dituntut dalam Islam. Islam mengajar penganutnya untuk bersikap adil kerana sikap pilih kasih merupakan amalan yang ditegah kerana hanya memberi manfaat kepada diri sendiri atau untuk manfaat orang lain. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata ‘adil’

membawa maksud meletakkan sesuatu kepada tempat yang betul dan benar dan kata ‘saksama’ membawa maksud cermat, hati-hati, hemat-hemat, teliti,tidak berat sebelah, tidak menaruh prasangka dan adil. Menurut Jelani Harun (2001) beliau menyatakan dalam Islam golongan diraja perlu bersikap adil tetapi bukan kerana tuntutan agama. Tambahan pula, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), sikap adil dan saksama yang dimiliki oleh seseorang individu akan dapat melahirkan suatu keputusan dan tindakan yang tepat. Oleh itu, nilai keadilan melalui sikap adil dan saksama dapat dilihat menerusi cerita rakyat *Kegemilangan Pengkalan Datu* seperti di bawah;

### **Petikan 27**

Lalu pemerintahan diambil alih oleh Sultan Omar. Sultan Omar pada ketika itu bertindak menyatukan kembali negeri Kelantan dalam satu pentadbiran. Baginda telah melawat ke seluruh jajahan negeri termasuk Pengkalan Datu.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 13)

Nilai keadilan melalui sikap adil dan saksama boleh dilihat menerusi watak Sultan Omar yang mana pada ketika itu beliau telah mengambil alih semula tampuk pentadbiran negeri Kelantan dan baginda telah menyatukan kembali negeri Kelantan di bawah satu pentadbiran. Baginda mengambil langkah untuk menyatukan kembali jajahan negeri Kelantan agar dapat mentadbir negeri tersebut dengan adil dan lebih efisien. Menurut Jelani Harun (2004) yang telah menganalisis karya adab ketatanegaraan menunjukkan bahawa seorang pemimpin itu perlulah melaksanakan tanggungjawabnya dengan adil. Beliau turut menambah bahawa ciri-ciri seorang pemimpin yang tertulis di dalam karya adab ketatanegaraan ialah merangkumi hubungan dengan rakyat, hubungan dengan Tuhan, kuat beribadat, setia, berani, sopan-santun, sabar, tidak mengamalkan rasuah, amanah dan merendah diri. Hal ini dapat dilihat pada perwatakan Sultan Omar yang sememangnya mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin yang adil apabila baginda telah membuat keputusan yang

adil dan tidak pilih kasih serta bersikap sama rata untuk menyatukan kembali jajahan negeri Kelantan agar pentadbiran yang dipimpin olehnya dapat dijalankan dengan baik. Dalam konteks ini jelas membuktikan bahawa seorang pemimpin yang baik akan dapat mentadbir sesebuah kerajaan itu dengan sistematik.

Nilai keadilan melalui sikap adil dan saksama yang dipaparkan menerusi cerita rakyat *Kegemilangan Pengkalan Datu* ini berpaksikan pada Pendekatan Moral berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang (1989). Pendekatan Moral dijadikan sebagai alat pengukur dalam menilai situasi yang berlaku di dalam cerita rakyat *Kegemilangan Pengkalan Datu*. Nilai keadilan melalui sikap adil dan saksama boleh dilihat pada kepimpinan Sultan Omar selepas baginda menaiki takhta langkah pertama yang dilakukan adalah untuk menyatukan semula jajahan negeri Kelantan agar baginda dapat mentadbir negeri baginda dengan adil dan saksama. Berdasarkan pendekatan moral ini juga dapat membuktikan sikap adil dan saksama yang ditunjukkan oleh Sultan Omar memberi impak yang positif terhadap rakyatnya kerana baginda telah mengambil langkah yang bijak dengan menjalinkan hubungan perdagangan seperti Patani, China, Jawa dan Terengganu. Oleh itu jelaslah bahawa, tindakan yang diambil oleh Sultan Omar untuk menyatukan semula jajahan negeri Kelantan di bawah satu pentadbiran merupakan satu langkah kanan dan baginda dapat menunjukkan satu teladan yang baik kepada rakyat kerana telah bersikap adil dan saksama dalam membuat keputusan.

#### 4.8 Nilai Keberanian

Nilai keberanian didefinisikan sebagai satu sifat atau perbuatan yang berani di mana ianya dilakukan dengan perasaan yang bersungguh-sungguh

walaupun pelbagai cabaran yang akan di hadapi. Keberanian sangat penting untuk wujud dalam diri individu kerana ianya merupakan satu ciri utama untuk menjadi seorang yang hebat. Individu yang hebat itu datangnya daripada seseorang yang tidak takut akan perkara yang mendatang dan cabaran yang akan dihadapi serta sudah bersiap sedia menanggung risiko yang bakal diterima. Menurut Tajul Ariffin Nordin (1992), nilai keberanian dapat ditakrifkan sebagai individu yang memiliki kesanggupan untuk bertindak menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran dengan tabah, cekal, yakin dan bermati-matian berjuang walaupun akan menanggung risiko. Tambahan pula, menurut Afiffudin Omar (1995) beliau menyatakan bahawa amuk bagi masyarakat Melayu adalah cerminan bagi mempertahankan maruah diri dengan mempertahankan nyawa seterusnya membawa kepada gambaran sifat berani. Di samping itu, menurut Aboebakar Atjeh (1998) beliau menyatakan dari sudut pandangan islam sikap berani amat dituntut dalam kalangan umat Islam untuk membentuk ketahanan fizikal.

#### 4.8.1 Nilai Keberanian Melalui Sikap Mempertahankan Diri

Maksud sikap mempertahankan diri adalah kata ‘mempertahankan’ yang merujuk kepada mengikhtiaran diri supaya tidak berubah, mengusahakan supaya kekal, tidak mahu melepaskan dan memegang teguh (*Kamus Dewan*, 2016). Manakala, kata ‘diri’ membawa maksud susuk tubuh manusia yang boleh bergerak dan berfikir secara jelas atas kebolehan individu tersebut (*Kamus Dewan*, 2016). Penyataan ini turut disokong oleh Aboebakar Atjeh (1988) nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri merupakan sikap tidak ragu-ragu untuk mengambil suatu tindakan untuk membuat keputusan dalam keadaan sulit agar memperoleh keputusan yang betul demi melindungi diri daripada menjadi mangsa oleh pihak lain. Sikap mempertahankan diri merupakan satu cara yang dilakukan

oleh seseorang individu untuk melindungi diri daripada suatu perkara yang boleh membahayakan diri atau mengancam nyawa individu tersebut.

Oleh hal yang demikian, nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri boleh dilihat melalui cerita lisan *Asal Usul Kampung Babong*:

### **Petikan 28**

Tok Babong juga merupakan seorang yang handal dalam menentang musuh-musuh atau sesiapa sahaja yang berani melakukan perkara yang tidak baik di Kampung Babong yang berada di bawah pentadbirannya pada ketika itu

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 4)

Kisah ini jelas memaparkan sikap mempertahankan diri yang ditunjukkan pada watak Tok Babong yang berusaha untuk menentang musuh jika terdapat sebarang ancaman yang ingin dilakukan daripada pihak musuh. Hal ini dikatakan demikian kerana, sebagai seorang ketua atau pemimpin dalam sesebuah pentadbiran atau organisasi, sikap berani untuk mempertahankan diri amat penting di mana orang yang berada di bawah pimpinan individu tersebut akan berasa selamat dan dilindungi daripada sebarang ancaman yang mampu untuk meragut nyawa mereka. Sebagai contoh, Tok Babong atau Datuk Babong merupakan seorang pemimpin yang amat digeruni kerana beliau terkenal sebagai seorang pahlawan yang handal dalam bertarung atau menentang sesiapa sahaja yang cuba untuk mengganggu gugat keamanan di Kampung Babong.

Beliau juga dikatakan seorang yang panas baran dan akan menampar sesiapa sahaja yang tersilap kata terhadapnya. Daripada contoh yang diberikan, dapat dilihat bahawa seorang pemimpin itu perlulah mempunyai sikap tegas terhadap sesuatu isu atau perkara agar tiada pihak yang akan memandang rendah terhadap kemampuan seseorang pemimpin itu. Dengan memiliki sikap seperti ini secara tidak langsung rakyat di bawah pimpinannya akan tunduk dan patuh akan segala yang diarahkan olehnya.

Seterusnya, nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri terpancar dalam cerita *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa*, menerusi petikan di bawah:

**Petikan 29**

Semasa pemerintahannya, baginda Raja Sakti telah menjadi raja di kedua-dua negeri, iaitu Kelantan dan Patani setelah baginda berjaya menewaskan Ratu Kuning dan bertindak menyerang Patani. Hal ini, kerana Raja Kuning dan Patani ingin menguasai pemerintahan Raja Sakti pada ketika itu namun tidak berhasil dan akhirnya tewas.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 76)

Menerusi petikan di atas, dapat dilihat seorang pemimpin mempunyai nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri. Hal ini boleh dilihat berdasarkan watak Raja Sakti pada ketika itu yang berjuang mempertahankan diri daripada Raja Kuning yang mana pada ketika itu berusaha untuk merebut Patani daripada Raja Sakti. Namun begitu, nilai keberanian yang dimiliki oleh Raja Sakti menyebabkan usaha yang dilakukan oleh Raja Kuning untuk merebut Patani daripada Raja Sakti tidak berhasil. Oleh hal yang demikian, sikap berani yang ada pada Raja Sakti telah berjaya mematahkan rancangan Raja Kuning untuk merebut tampuk pemerintahan Raja Sakti pada ketika itu di Patani. Sikap berani ini membuat pihak lawan berasa gerun dengan kebolehan dan strategi yang mungkin dilakukan oleh mereka sehingga pihak lawan tidak berani untuk mengambil Patani. Oleh itu, jelaslah bahawa nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri boleh merubah nasib seseorang individu itu kerana masa depan seseorang itu tidak akan berubah melainkan individu tersebut yang berusaha untuk mengubahnya.

Sikap mempertahankan diri ini tergambar dalam cerita lisan yang bertajuk *Pengunduran Raja Patani*, bertepatan dengan petikan di bawah:

**Petikan 30**

Strategi pemerintahannya yang sistematik di Patani membuatkan penakluk-penakluk yang lain merasa gerun untuk bertindak menyerang negeri Patani pada ketika itu. Mereka takut jika mereka menyerang Patani kemungkinan besar negeri mereka turut akan diserang kembali. Sikap beraninya itu menjadikan sistem pemerintahan di Patani bertambah kukuh di persada alam.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 79)

Berdasarkan daripada petikan di dalam naratif lisan yang bertajuk *Pengunduran Raja Patani*, terdapat seorang pemimpin yang mempunyai nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri. Pada suatu ketika dahulu terdapat seorang pemerintah yang memegang tumpuk pentadbiran di Patani dan mempunyai sikap yang berani sehingga menyebabkan ramai pihak musuh berasa takut dengan pemerintah ini. Raja yang berani itu bernama Raja Phya Tu Nakpa yang mana kemudiannya baginda menukar nama ke Sultan Ismail Shah Zolallah Fi' Alam. Kehebatan raja ini dalam mengatur strategi pemerintahannya di Patani menyebabkan ramai musuh-musuh berasa takut dengan keberanian raja ini. Keberanian ini juga menjadi asbab pihak luar tidak berani untuk menyerang Patani kerana khawatir jika mereka menyerang Patani negeri mereka akan diserang semula. Sikap berani seperti ini wajar dijadikan contoh oleh setiap individu agar individu lain tidak sesuka hati mengambil kesempatan di atas diri.

Nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri merupakan antara nilai moral yang terkandung di samping boleh disandarkan dengan pendekatan moral. Menurut Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017), mereka menyatakan bahawa nilai moral adalah satu-satunya karya yang dihasilkan berdasarkan daripada pengalaman hidup dan terkandung ilmu pengetahuan. Melalui pendekatan moral juga jelas menunjukkan bahawa sikap berani yang terdapat pada Tok Babong, Raja Sakti dan Raja Phya Tu Nakpa telah memberikan satu tanggapan yang positif kepada masyarakat kerana kewibawaan dan ketegasan mereka dalam memimpin dan menguruskan hal ehwal rakyat dan negara pada ketika itu. Keberanian yang ada pada mereka juga menyebabkan keperibadian mereka semakin terserlah. Kesimpulannya, nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri ini memperlihatkan setiap tindakan yang diambil dan dilakukan oleh seseorang pemimpin itu bukanlah untuk kepentingan diri sendiri sahaja akan tetapi untuk kebaikan bersama atau faedah kepada rakyatnya.

#### 4.8.2 Nilai Keberanian Melalui Sikap Tidak Membuta Tuli

Maksud tidak membuta tuli ialah tidak bersikap mendiamkan diri atau sentiasa mengambil peduli apabila sesuatu perkara yang berkaitan dengan sesuatu situasi yang berlaku di sekelilingnya. Menurut Jumali Selamat (2001), beliau menyatakan bahawa sikap tidak membuta tuli dapat ditakrifkan sebagai individu yang mengambil keputusan yang tepat dan berfikiran jauh dengan memikirkan kesan positif dan negatif yang bakal dihadapi terhadap keputusan yang telah diambil. Hal ini bermaksud, individu yang mempunyai sikap tidak membuta tuli ini akan sentiasa berfikiran ke hadapan dan akan memikirkan kesan dan akibat daripada keputusan yang telah diambil. Individu ini juga mempunyai sikap berani kerana mampu untuk mengambil risiko dan mereka juga sedar akan risiko yang bakal dihadapi oleh kerana mereka sudah berfikir masak-masak tentang apa yang bakal dihadapi ketika sedang membuat sesuatu keputusan itu. Oleh hal yang demikian, sikap tidak membuta tuli dapat disimpulkan sebagai individu yang mampu untuk berfikiran jauh dan memastikan keputusan yang diambil itu benar bagi mencapai sesuatu matlamat yang diinginkan. Nilai keberanian melalui sikap tidak membuta tuli telah diketengahkan oleh penulis melalui naratif lisan *Nik Mat Keturunan Raja Banjal* seperti di bawah:

##### **Petikan 31**

Sewaktu pemerintahan ini berlaku, tiada pihak yang berani melawan pemerintahannya ketika itu. Kekuatan askar dan strategi peperangan yang sukar ditafsir oleh pihak musuh telah membuatkan Raja Jembal ditakuti musuh.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 77)

Berdasarkan kisah di atas menunjukkan sikap pemimpin yang tidak membuta tuli dalam mengatur strategi di dalam peperangan menerusi naratif lisan *Nik Mat Keturunan Raja Jembal* ini diperlihatkan dalam diri pemimpin Raja

Jembal semasa pemerintahan baginda pada ketika itu. Nilai keberanian melalui sikap tidak membuta tuli merupakan sikap yang perlu ada dalam diri setiap individu. Sebagai contoh, semasa pemerintahan Raja Jembal kebanyakan pihak lawan atau musuh berasa takut dan tidak berani untuk melawan bala tentera baginda. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut pihak musuh kekuatan askar dan strategi yang digunakan oleh Raja Jembal sukar untuk dibaca dan ditafsir hingga menyebabkan pihak musuh berasa gerun terhadap Raja Jembal. Sikap tidak membuta tuli atau berfikiran jauh dalam mentadbir sesbuah pemerintahan merupakan satu aspek yang sangat penting untuk diambil kira kerana setiap percaturan yang dibuat akan memberi kesan dan melibatkan banyak pihak. Oleh hal yang demikian, sikap tidak membuta tuli yang digambarkan melalui watak Raja Jembal oleh penulis memainkan peranan yang penting dalam memberi kesedaran kepada pembaca akan kepentingan untuk berfikiran jauh terhadap kesan dan akibat daripada sesuatu keputusan yang dibuat sama ada baik atau buruk.

Pendekatan moral merupakan pendekatan yang tepat untuk digunakan untuk menilai nilai keberanian melalui sikap tidak membuta tuli yang telah diasaskan oleh Hashim Awang (1989) dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap tidak membuta tuli terdapat dalam nilai keberanian yang merupakan sifat yang baik kerana individu tersebut berfikiran jauh dan mengambil kira sebab dan akibat terlebih dahulu sama ada ia memudaratkan kepada diri atau sebaliknya sebelum melakukan sesuatu tindakan selanjutnya. Sikap tidak membuta tuli yang ditunjukkan oleh Raja Jembal dalam mengatur strategi ketika berperang merupakan satu tindakan yang wajar untuk dilakukan oleh setiap pemimpin sebelum melakukan sesuatu tindakan kerana sebagai pemimpin yang baik kita

perlulah berfikiran jauh dalam membuat sesuatu tindakan kerana keputusan yang dibuat itu akan melibatkan pelbagai pihak.

Seterusnya, nilai keberanian melalui sikap tidak membuta tuli juga boleh dilihat berdasarkan naratif lisan yang terkandung di dalam *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* berdasarkan teks *Pengunduran Raja Patani* di bawah:

### **Petikan 32**

Keberaniannya dalam berperang tidak ditandingi oleh raja-raja lain di sekeliling negerinya. Baginda sangat berpengaruh dalam meluaskan kuasanya ke pelusuk dunia. Baginda dianggap sebagai “Raja Kuning” kerana kejayaannya dalam menakluki negeri-negeri lain.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 79)

Berdasarkan kisah di atas menunjukkan sikap pemimpin yang tidak membuta tuli dalam mengatur strategi di dalam perang menerusi naratif lisan *Pengunduran Raja Patani* ini diperlihatkan dalam diri pemimpin Raja Patani semasa pemerintahan baginda pada ketika itu. Nilai keberanian melalui sikap tidak membuta tuli merupakan sikap yang perlu ada dalam diri setiap individu kerana sikap ini melatih diri untuk berfikiran jauh sebelum membuat sesuatu keputusan. Sebagai contoh, semasa pemerintahan Raja Patani iaitu Raja Phaya Tu Nakpa kebanyakan pihak lawan atau musuh berasa gerun dan tidak berani untuk melawan bala tentera baginda. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut pihak musuh kekuatan askar dan strategi yang digunakan oleh Raja Patani sehingga mampu untuk menakluki kerajaan lain. Sikap tidak membuta tuli atau berfikiran jauh dalam mentadbir sesebuah pemerintahan merupakan satu aspek yang sangat penting untuk diambil kira kerana setiap keputusan yang dibuat akan memberi kesan kepada banyak pihak. Oleh hal yang demikian, sikap tidak membuta tuli yang digambarkan melalui watak Raja Patani oleh penulis memainkan peranan yang penting kerana sikap berfikiran jauh dan tidak membuat keputusan secara membuta tuli mampu untuk

menyelamatkan atau menghidarkan diri daripada sebarang bencana atau keburukan yang tidak diingini.

Seterusnya, sikap tidak membuta tuli ini terpancar dalam cerita lisan yang bertajuk *Kehebatan Laksamana Laut*, melalui petikan di bawah:

### Petikan 33

Beliau terus mengeluarkan keris yang berada dipinggangnya dan membaca satu ayat yang tidak pasti apa bacaannya. Setelah kapal lanun berada berdekatan dan melintasi kapal raja Kelantan, lanun-lanun tersebut tidak perasan dan tidak nampak kapal layer yang dinaiki Laksamana Che Deraman, raja Kelantan dan anak kapal yang lain.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 60)

Berdasarkan daripada petikan di atas jelas menunjukkan sikap seorang pemimpin yang berfikir dahulu sebelum bertindak dengan tidak membuat keputusan terburu-buru dan tidak membuta tuli sebaliknya berfikiran secara rasional dengan mengeluarkan keris miliknya yang dikatakan mempunyai kuasa ghaib. Sikap tidak membuta tuli ini ditonjolkan oleh Laksamana Che Deraman apabila beliau telah berfikiran rasional dengan tidak membuta tuli menyerang kapal lanun yang mana pada ketika itu berada berhampiran dengan kapal kepunyaanya akan tetapi sebaliknya berfikiran jauh dengan membaca ayat untuk mengaburi mata lanun-lanun tersebut. Pengajaran yang boleh diambil ikhtibar daripada apa yang dilakukan oleh Laksamana Che Deraman ini ialah mereka semua terselamat daripada berperang di antara satu sama lain. Oleh hal yang demikian, melalui watak yang diselitkan oleh penulis di dalam teks *Laksamana Che Deraman* ini memberi teladan bahawa sikap tidak membuta tuli ini mampu untuk menghindarkan diri daripada perkara-perkara yang mendatangkan kemudarat dan mengelakkan pergaduhan dengan individu lain.

Pendekatan moral merupakan pendekatan yang tepat untuk digunakan untuk menilai nilai keberanian melalui sikap tidak membuta tuli yang telah diasaskan oleh Hashim Awang (1989) dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap tidak membuta tuli terdapat dalam

nilai keberanian yang merupakan sifat yang baik kerana individu tersebut berfikiran rasional atau berfikiran jauh untuk memastikan keputusan yang dibuat sama ada baik atau buruk dan kesan yang bakal diterima daripada keputusan yang dilakukan. Sikap tidak membuta tuli yang ditunjukkan oleh Raja Patani dan Laksamana Che Deraman dalam mengatur strategi ketika berperang merupakan satu tindakan yang wajar untuk dilakukan oleh setiap pemimpin sebelum melakukan sesuatu tindakan kerana sebagai pemimpin yang baik kita perlulah berfikiran jauh dalam membuat sesuatu tindakan kerana keputusan yang dibuat itu akan melibatkan pelbagai pihak.

#### 4.8.3 Nilai Keberanian Melalui Sikap Bertanggungjawab.

Nilai keberanian merupakan sifat yang lahir daripada perasaan yang berani, pantang menyerah, suka mengambil risiko dalam melakukan sesuatu tindakan untuk mencapai matlamat yang diingini. Bertanggungjawab pula adalah sikap yang ada dalam diri individu yang mempunyai rasa amanah ke atas apa yang telah dilakukan dan bersiap sedia untuk menerima kesan dan akibat daripada apa yang telah dilakukan. Tambahan pula, menurut Jumali Selamat (2001) nilai keberanian melalui sikap bertanggungjawab adalah manusia yang memiliki kesanggupan bertindak untuk mengharungi setiap dugaan dan cabaran dengan yakin, tabah dan cekal hati serta berjuang dengan sepenuh hati walaupun akan menanggung risiko. Di samping itu, menurut *Kamus Dewan* (2016), kata ‘bertanggungjawab’ bermaksud mempunyai tanggungjawab terhadap sesuatu perkara, memikul tanggungjawab, kebijakan dan menanggung sesuatu. Penyataan ini turut disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), yang mana beliau menyatakan nilai keberanian melalui sikap tanggungjawab ialah nilai positif yang biasa dilakukan dalam hidup masyarakat dan nilai ini kebiasaannya dilakukan secara bersama-sama dalam mengadili sesuatu perkara. Sikap bertanggungjawab amat penting untuk diterapkan dalam diri setiap individu kerana sikap ini mengajar diri untuk

tidak bersikap sambil lewa dan bersikap lepas tangan atau seperti melepaskan batuk ditangga terhadap sesuatu perkara yang telah terjadi. Oleh hal yang demikian, nilai keberanian melalui sikap bertanggungjawab boleh dilihat berdasarkan cerita rakyat yang terdapat dalam *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* menerusi naratif lisan *Tengku Mahmud Muhiyuddin* di bawah:

#### **Petikan 34**

Hal ini telah membuatkan Raja Patani telah membuat rundingan untuk melakukan pengeboman ke atas Jepun. Hal ini berikutan tiada orang yang sanggup untuk membawa jet pejuang untuk pengeboman. Raja Patani telah meletakkan syarat agar kerajaan Patani dilepaskan. Setelah persetujuan dilakukan, Raja Patani telah bertindak mengebom dua bandar utama Jepun iaitu Hiroshima dan Nagasaki.

(Mohd Firdaus Che Yaacob,2021: 63)

Kisah di atas jelas menggambarkan sikap bertanggungjawab yang dimiliki oleh pemimpin kerajaan Patani pada ketika itu yang mempunyai sikap berani bertanggungjawab atas risiko yang diambil demi untuk menjaga kedaulatan negaranya daripada ancaman pihak musuh. Sebagai contoh, Raja Patani telah mengambil langkah untuk membuat rundingan dengan British untuk melakukan pengeboman ke atas Jepun kerana tiada siapa yang mahir dalam mengendalikan jet pejuang untuk tujuan pengeboman dan sebagai gantinya British perlu memulangkan takhtanya kepada Raja Patani semula. Akhirnya, Raja Patani berjaya mengebom dua bandar Jepun iaitu Hiroshima dan Nagasaki. Berdasarkan daripada tindakan berani bertanggungjawab yang ditunjukkan oleh Raja Patani dalam membuat keputusan maka jelas memperlihatkan keperibadian Raja Patani sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab dalam menjalankan pemerintahannya pada ketika itu.

Nilai keberanian melalui sikap bertanggungjawab turut digambarkan dalam cerita lisan yang bertajuk *Tentera Bergajah* seperti petikan di bawah:

#### **Petikan 35**

Serangan Virus ke atas gajah-gajah yang menjadi pengangkutan ketenteraan juga telah menyukarkan pertahanan Patani pada ketika itu. Perkara ini telah membuatkan Raja Patani telah memikirkan hal tersebut secara akar umbi untuk menguatkan lagi pertahanan kerajaan. Hal ini kerana, keselamatan rakyatnya perlu dijaga.

(Mohd Firdaus Che Yaacob,2021: 73)

Berdasarkan daripada petikan di atas, terdapat pemimpin yang mempunyai nilai keberanian melalui sikap bertanggungjawab. Sebagai contoh, pada suatu ketika dahulu terdapat seorang pemimpin yang bertanggungjawab apabila beliau telah bersikap bertanggungjawab dengan memikirkan cara atau langkah yang sesuai untuk dilakukan bagi mengatur strategi yang mana pada ketika itu Patani sedang berlaku peperangan. Sikap bertanggungjawab Raja Patani ini terserlah apabila beliau memikirkan keselamatan rakyatnya yang mana pada ketika itu sedang terancam kerana berlaku peperangan. Sikap yang ditonjolkan oleh Raja Patani ini perlu dicontohi kerana setiap individu perlu berani untuk bertanggungjawab ke atas keputusan yang dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap keputusan yang diambil itu perlulah mengambil kira kesan dan akibat daripada keputusan yang diambil. Oleh itu, jelaslah bahawa nilai keberanian melalui sikap bertanggungjawab terdapat pada Raja Patani.

Berdasarkan contoh petikan yang ditunjukkan dalam cerita *Tengku Mahmud Muhiyuddin* dan *Tentera Bergajah*, nilai keberanian melalui sikap bertanggungjawab boleh dihubungkaitkan dengan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral ini berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dialami oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperolehi oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak positif atau negatif kepada mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, berdasarkan cerita rakyat yang ditunjukkan di atas jelas menggambarkan sikap seorang pemimpin yang berani bertanggungjawab untuk mengambil sesuatu tindakan yang mana

berkemungkinan akan memberikan impak yang besar kepada dirinya serta rakyatnya hanya kerana ingin mempertahankan kedaulatan sesebuah negara dan ingin membebaskan negara daripada jajahan kuasa asing. Oleh hal yang demikian, nilai keberanian melalui sikap bertanggungjawab sejajar dengan pendekatan moral yang diasaskan oleh Hashim Awang (1989) kerana sikap bertanggungjawab merupakan satu perbuatan dan tindakan yang mulia.

#### 4.9 Nilai Kebersihan

Menjaga kebersihan merupakan satu perbuatan di mana seseorang individu itu akan sentiasa memastikan dirinya, persekitarannya terhindar daripada sebarang jenis kotoran sama ada pada pakaian, kawasan tempat tinggal, barang peribadi dan sebagainya. Menjaga kebersihan ini merupakan perkara yang dituntut di dalam agama Islam kerana terdapat sebuah hadis yang memperihalkan berkenaan dengan kebersihan. Dari Abu Malik al-Ash'ari berkata: Sabda Rasullullah SAW: Kebersihan itu sebahagian daripada iman (Riwayat Imam Muslim). Hal ini dikatakan demikian kerana, Islam mengajak penganutnya untuk menjaga kebersihan daripada segi rohani dan jasmani.

Selain daripada itu, menjaga kebersihan ini juga tidak khusus kepada penganut agama Islam sahaja akan tetapi agama lain juga menganjurkan pengikutnya untuk sentiasa menjaga kebersihan. Hal ini kerana, menjaga kebersihan ini dapat menghindarkan diri daripada perkara-perkara yang tidak diingini seperti terkena penyakit merbahaya, didatangi oleh haiwan perosak seperti tikus, lipas, ulat dan sebagainya. Perkara-perkara seperti ini dapat dicegah jika setiap individu sentiasa mengambil berat terhadap kebersihan rohani dan jasmani. Oleh itu, pada bahagian ini pengkaji akan menganalisis nilai kebersihan yang terdapat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che

Yaacob dengan menggunakan pendekatan moral yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989).

#### 4.9.1 Nilai Kebersihan Fizikal dan Mental Melalui Sikap Menjaga Kebersihan Diri

Menurut Koo Kee Peng dan Tang Chee Yee (1990), nilai moral mencakupi perihal kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesyukuran dan semangat bermasyarakat. Kebersihan merupakan salah satu daripada nilai moral yang mana ia merupakan satu perbuatan yang baik kerana ia menjaga diri daripada segi fizikal dan mental daripada anasir-anasir yang kotor yang boleh memudaratkan diri, orang sekeliling dan pesekitaran. Oleh itu, nilai kebersihan fizikal dan mental melalui sikap menjaga kebersihan diri boleh dilihat melalui naratif lisan yang bertajuk *Asal Usul Datu* seperti di bawah;

##### **Petikan 36**

Ketika sedang merawat lukanya Datu telah memerhatikan kawasan sekeliling. Dia merasakan bahawa kawasan itu mampu untuk dijadikan kawasan berteduh untuknya. Dalam keadaan tercedera, Datu telah berusaha sedaya upaya untuk membersihkan kawasan bagi dijadikan kawasan penempatannya buat sementara waktu. Setelah hampir senja barulah selesai pembersihan kawasan kediamannya dilakukan.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 1)

Menerusi cerita rakyat *Asal Usul Datu* di atas, pengarang cuba untuk menarik pembaca untuk menilai nilai moral pembersih berdasarkan daripada watak Datu. Berdasarkan kisah di atas, sikap menjaga kebersihan ini digambarkan sebagai individu yang mempunyai sikap menitikberatkan soal kebersihan walaupun pada ketika itu beliau sedang berada dalam keadaan yang cedera. Sebagai contoh, Datu tetap membersihkan kawasan persekitaran yang penuh dengan semak-samun dan kotor untuk dijadikan ruang istirehatnya bagi sementara waktu walaupun pada ketika itu beliau sedang dalam keadaan cedera kerana terkena serangan daripada pihak

musuh yang telah lama berdendam dengan pihak Thailand ketika cubaan Datu untuk mengambil ufti daripada Terengganu.

Peperangan yang berlaku itu menyebabkan Datu mengalami kecederaan dan menyebabkan beliau mengambil keputusan untuk mencari sebuah kawasan untuk beliau bertumpang teduh disebabkan kecederaan yang di alami. Namun begitu, setelah kecederaan beliau pulih Datu telah mengambil keputusan untuk mendirikan kawasan penempatan sehingga kawasan tersebut kini dikenali sebagai Lembangan Pengkalan Datu sempena nama Datu. Dengan menjaga kebersihan, makan jelas membuktikan keperibadian Datu sebagai seorang pemimpin yang menjaga kebersihan daripada segi fizikal dan mental sehingga mampu untuk membangunkan sebuah penempatan yang pada awalnya beliau hanya ingin menjadikan kawasan yang telah dibersihkan olehnya itu sebagai tempat berteduh sahaja.

Seterusnya, nilai kebersihan fizikal dan mental melalui sikap menjaga kebersihan diri juga boleh dilihat menerusi teks *Nuraini Che Him dalam Masyarakat* seperti petikan di bawah :

### **Petikan 37**

Che Him juga seorang yang sihat dan sangat menjaga amalan pemakanannya. Biarpun usianya telah menjangku 100 tahun namun masih aktif dalam aktiviti masyarakat.. Ianya telah membuatkan seluruh masyarakat merasa kagum dan hormat akan kewibawaan beliau dalam kehidupan bermasyarakat khususnya masyarakat Pengkalan Datu.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 72)

Berdasarkan daripada petikan naratif lisan *Nuraini Che Him dalam Masyarakat*, terdapat individu yang mempunyai nilai kebersihan fizikal dan mental melalui sikap menjaga kebersihan diri. Sebagai contoh, Che Him sangat menjaga amalan pemakanannya. Beliau sangat menitikberatkan terhadap jenis makanan yang diambil olehnya dalam seharian. Sikap menjaga kebersihan dirinya itu menjadikan beliau boleh hidup 100 tahun lamanya dan masih aktif dengan aktiviti kemasyarakatan. Oleh hal yang demikian jelaslah, individu yang menjaga kebersihan fizikal dan mental

melalui sikap menjaga kebersihan diri terhindar daripada sebarang penyakit yang tidak diingini.

Berdasarkan contoh petikan di atas yang bertajuk *Asal Usul Datu*, nilai kebersihan fizikal dan mental melalui sikap menjaga kebersihan diri boleh dihubungkaitkan dengan pendekatan moral. Hal ini demikian kerana nilai kebersihan fizikal dan mental melalui sikap menjaga kebersihan diri adalah nilai yang merujuk sepenuhnya kepada sikap moral yang terdapat dalam diri setiap individu sama ada individu tersebut mempunyai kesedaran terhadap kepentingan menjaga kebersihan ataupun tidak. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral dalam konteks ini adalah untuk memberi ikhtibar dan pengajaran iaitu kesedaran untuk berfikir dan bertindak mengambil contoh tauladan atau pengajaran di atas sesuatu kejadian atau pengalaman.

Hal ini bertepatan dengan cerita *Asal Usul Datu* yang mana pengarang cuba untuk mengetengahkan sikap Datu yang mementingkan kebersihan walaupun pada ketika itu Datu sedang dalam keadaan cedera akan tetapi Datu sedar bahawa membersihkan kawasan yang ingin beliau jadikan penempatan sementara waktu itu amat penting. Datu tahu jika beliau tidak membersihkan kawasan tersebut kemungkinan untuk beliau untuk didatangi oleh haiwan liar itu amat tinggi. Oleh hal yang demikian, Datu tidak mengambil peduli terhadap kecederaan yang di alami olehnya tetapi sebaliknya beliau tetap meneruskan niatnya untuk membersihkan kawasan yang ingin dijadikan penempatan sementara waktu itu kerana beliau sedar akan kepentingan menjaga kebersihan. Secara ringkasnya, dapat disimpulkan bahawa nilai kebersihan melalui sikap menjaga kebersihan fizikal dan mental perlu ada dalam diri setiap individu kerana menjaga kebersihan dapat menghindarkan diri serta orang sekeliling daripada bahaya yang tidak diketahui.

Seterusnya, nilai kebersihan fizikal dan mental melalui sikap menjaga kebersihan diri. Sikap menjaga kebersihan diri ini turut digambarkan oleh penulis menerusi naratif lisan *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* seperti di bawah:

**Petikan 38**

Raja Sakti dan permaisuri kemudiannya berangkat ke sungai Babong selama tujuh hari tujuh malam untuk bersiram dan mandi limau setelah segala urusan penyerahan kuasa pemerintahan diberikan kepada putera-puteranya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 77)

Berdasarkan daripada petikan di atas jelas menunjukkan sikap menjaga kebersihan diri yang ditunjukkan oleh pemimpin apabila telah mengadakan upacara bersiram selama tujuh hari tujuh malam selepas menurunkan takhta kepada anak-anak mereka. Sebagai contoh, Raja Sakti dan permaisuri telah membersihkan diri atau bersiram dan mandi limau selama tujuh hari tujuh malam. Sikap menjaga kebersihan diri amat penting dalam kehidupan seharian kerana dengan menjaga kebersihan kita dapat menghindarkan diri daripada penyakit-penyakit yang boleh memudaratkan diri sendiri. Sebagai contoh penyakit yang akan di alami jika tidak menjaga kebersihan ialah demam, selsema, batuk, sakit perut, keracunan makanan, demam denggi dan sebagainya.

Nilai kebersihan fizikal dan mental melalui sikap menjaga kebersihan diri dengan menyingkap kata ‘menjaga’ yang merujuk kepada satu perlakuan memelihara sesuatu perkara itu dengan baik untuk mendapatkan manfaat daripada penjagaan tersebut. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata ‘diri; dapat didefinisikan sebagai tubuh, seseorang, empunya badan dan kata ganti nama. Oleh itu, kata ‘diri’ boleh merujuk kepada tubuh badan seorang manusia yang mempunyai nyawa, bernafas dan boleh bergerak dengan baik. Oleh itu, nilai kebersihan fizikal dan mental melalui sikap

menjaga kebersihan diri boleh dilihat menerusi naratif lisan yang bertajuk *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa*.

Nilai kebersihan fizikal dan mental melalui sikap menjaga kebersihan diri adalah sejajar dengan pendekatan moral. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral ialah satu pengalaman yang melibatkan suatu peristiwa yang dialami oleh manusia sama ada memberi kesan positif atau negatif dan dari sudut ilmu pula dalam bentuk maklumat-maklumat berkaitan dengan hidup dan kehidupan manusia. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa pendekatan moral yang digunakan menjadi panduan untuk setiap individu mempunyai sikap menjaga kebersihan diri agar sentiasa berada di dalam keadaan yang sihat sentiasa.

#### 4.9.2 Nilai Kebersihan Fizikal dan Mental Melalui Sikap Pemikiran Sihat dan Membina

Sikap pemikiran sihat dan membina merupakan satu sikap yang mana individu tersebut mempunyai pemikiran yang positif dan sentiasa melihat sesuatu perkara itu dari sudut yang baik. Menurut *Kamus Dewan* (2016), kata “pemikiran” itu boleh didefinisikan sebagai perihal berfikir dan cara menyelesaikan masalah dengan menggunakan daya imaginasi sehingga dapat membentuk pelbagai pendekatan luar biasa akan tetapi berguna manakala kata “sihat” pula membawa makna dijauhkan daripada sebarang penyakit, tidak sakit, segar dan terhindar daripada sebarang penyakit dan kata “membina” pula didefinisikan sebagai mendirikan sesuatu perkara sehingga terjadinya sesuatu. Oleh hal yang demikian, sikap pemikiran sihat dan membina merupakan individu yang mampu untuk mendirikan atau melihat sesuatu perkara itu dengan pemikiran yang baik.

Sikap pemikiran sihat dan membina dapat dilihat menerusi kisah *Tentera Bergajah* berdasarkan daripada kisah yang terdapat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob seperti di bawah:

**Petikan 39**

Permasalahan ini mengenai gajah tentera giat dilaksanakan kerana tanpa gajah-gajah tersebut peperangan mungkin tidak berpihak kepada kerajaan Patani. Pemuda ufti telah mencadangkan supaya disimpan gajah-gajah tersebut di sebuah tempat yang jauh dari Patani dan dikawal rapi oleh sekumpulan tentera kecil. Tempat yang dicadangkan adalah di perairan lembah sungai yang berada di seberang kerajaan itu. Cadangan itu telah diterima oleh Raja Patani. Segera Raja Patani mengarahkan sekumpulan tentera kecil mengawal tempat gajah-gajah ini untuk berkumpul.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 73)

Berdasarkan daripada petikan di atas menunjukkan terdapat nilai kebersihan fizikal dan mental melalui sikap pemikiran sihat dan membina yang mana seorang pemimpin telah bertindak untuk mengambil keputusan yang baik untuk kepentingan mereka semua bersama. Sebagai contoh,, Raja Patani telah meminta nasihat daripada pemuda ufti tentang apa yang perlu dilakukan kerana gajah-gajah yang dimiliki oleh mereka pada ketika itu semuanya sedang jatuh sakit. Pemuda ufti yang bijak itu telah memberi cadangan kepada Raja Patani pada ketika itu untuk menghantar gajah-gajah mereka ini ke suatu tempat yang jauh daripada Patani memandangkan kawasan Patani pada ketika itu sedang di serang oleh wabak misteri yang menyebabkan gajah-gajah kepunyaan Patani jatuh sakit. Sikap pemikiran sihat dan membina ini ditonjolkan oleh Raja Patani apabila beliau telah mengambil kira segala kemungkinan yang akan berlaku dan apa yang terbaik untuk dilakukan pada ketika itu dengan menerima cadangan pemuda ufti itu. Oleh hal yang demikian, sikap pemikiran sihat dan membina yang ditonjolkan oleh penulis melalui kisah *Tentera Bergajah* wajar diambil ikhtibar dari dalam kalangan pembaca kerana pemikiran sihat ini membawa kepada keputusan yang baik dan boleh menjadikan individu tersebut sentiasa berfikiran positif walaupun pada ketika itu sedang berada dalam keadaan yang terdesak. Pemikiran seperti ini yang mampu untuk melahirkan sebuah individu yang tahan lasak dan tidak mudah untuk mengalah kerasan sentiasa mempunyai pemikiran sihat dan membina.

Rentetan daripada itu, nilai kebersihan fizikal dan mental melalui sikap menjaga kebersihan diri adalah sejajar dengan pendekatan moral. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral ialah satu pengalaman yang melibatkan suatu peristiwa yang dialami oleh manusia sama ada memberi kesan positif atau negatif dan dari sudut ilmu pula dalam bentuk maklumat-maklumat berkaitan dengan hidup dan kehidupan manusia. Sikap pemikiran yang sihat dan membina merupakan satu nilai moral yang perlu ada di dalam setiap diri individu kerana ia melatih diri untuk tidak mudah mengalah dan setiasa melihat suatu perkara itu dari sudut yang positif dan sentiasa cuba untuk berusaha menyelamatkan keadaan walaupun pada ketika itu sedang berada di dalam kesempitan. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa pendekatan moral yang digunakan menjadi panduan untuk setiap individu mempunyai sikap menjaga kebersihan diri agar sentiasa berada di dalam keadaan yang sihat sentiasa.

#### 4.10 Nilai Semangat Bermasyarakat

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (1992), nilai murni adalah tanggapan tentang perkara-perkara yang dihayati, bernilai murni, baik dan pada masa yang sama menjadi kriteria atau ukuran dalam kalangan masyarakat. Hal ini bermaksud, nilai murni merupakan satu ukuran untuk menentukan sebuah masyarakat itu bermoral atau sebaliknya. Tambahan pula, menurut Aboebakar Atjeh (1988), beliau menyatakan bahawa sifat-sifat nilai moral itu merupakan perbuatan yang mulia dan tidak hanya terbatas kepada sesama manusia bahkan sesama makhluk dan islam menuntut penganutnya untuk diamalkan dalam diri masyarakat. Menurut Jumali Selamat (2001) beliau mendefinisikan nilai semangat bermasyarakat itu sebagai kesediaan seseorang individu untuk melakukan sesuatu perkara bagi mencapai kepentingan bersama untuk mewujudkan suasana hidup bermasyarakat yang harmoni, bermuafakat, tolong-menolong agar dapat menjaga kebijakan dan kemaslahatan bersama dalam sebuah kehidupan.

Kehidupan bermasyarakat begitu dekat dengan aktiviti sehari-hari kita di mana di dalam setiap aktiviti sehari-hari pasti akan memerlukan kita untuk berinteraksi atau berkomunikasi antara satu individu dengan individu yang lain. Oleh hal yang demikian, semangat bermasyarakat ini amat penting untuk diterapkan dalam diri setiap individu sejak dari kecil lagi agar hubungan silaturahim sesama insan akan dapat terus dijalankan tidak mengenal warna kulit, agama dan bangsa untuk membentuk satu masyarakat yang bersatu-padu, harmoni, saling hormat-menghormati dan sebagainya.

#### 4.10.1 Nilai Semangat Bermasyarakat Melalui Sikap Tolong-Menolong

Maksud tolong-menolong ialah satu tindakan yang dilakukan oleh seseorang individu secara suka rela dan tiada paksaan untuk membantu individu yang lain yang berada di dalam keadaan yang memerlukan. Menurut Norita Ariffin (2006), beliau menyatakan bahawa tolong-menolong ialah satu perbuatan bagi memberi bantuan kepada individu lain untuk kepentingan dan kebajikan bersama. Sebagai contoh, nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong dapat menggambarkan sebuah masyarakat yang hidup saling tolong-menolong untuk meringankan beban sesama individu di sekeliling yang sedang berhadapan dengan kesusahan dalam kehidupan. Penyataan ini turut disokong oleh Metzger (2007), menyatakan bahawa kekuatan kebudayaan masyarakat Melayu terpancar dengan adanya sikap tolong-menolong dalam sebuah kehidupan. Di samping itu, menurut Hashim Musa (2008), sikap tolong-menolong atau bantu-membantu merupakan sikap sinonim dengan sifat masyarakat Melayu untuk memberi pertolongan atau bantuan kepada orang lain ketika berlakunya kesusahan. Berdasarkan cerita rakyat iaitu *Tok Perindu* dalam *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*

terdapat nilai moral iaitu nilai bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong seperti di bawah;

#### **Petikan 40**

Tentera Siam cuba membawa gajah-gajah mereka ke tempat persinggahan tetapi gajah-gajah itu tidak mengendahkan. Pelbagai usaha yang dilakukan oleh mereka untuk memujuk gajah-gajah untuk kembali tetapi gagal. Setelah beberapa hari, gajah-gajah ini mula jatuh sakit dan ada yang telah mati di situ. Bala tentera Siam amat sedih kerana gajah-gajah yang mereka tunggang itu mati di tempat orang. Sebagai tanda penghormatan kepada bangkai gajah yang telah mati itu, mereka menggali beberapa lubang yang besar untuk menanam bangkai gajah tersebut sebelum mereka berangkat pulang.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 57)

Berdasarkan petikan cerita di atas ini, ia menonjolkan sikap masyarakat yang saling tolong-menolong untuk memberi bantuan terhadap makhluk yang sedang berada di dalam keadaan kesusahan menerusi naratif lisan *Tok Perindu* ini diperlihatkan dalam diri setiap masyarakat ketika cubaan tentera Siam untuk pergi berperang pada ketika itu. Nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong merupakan sikap yang penting untuk hidup dalam satu kelompok masyarakat. Sebagai contoh, tentera Siam yang singgah ke Kampung Pulau Gajah bersama-sama dengan gajah mereka telah cuba untuk memujuk gajah untuk beredar dari kawasan yang tentera Siam menjumpai mereka akan tetapi gajah-gajah tersebut tidak mengendahkan akan panggilan yang dibuat oleh tentera

Siam ini sehinggalah beberapa hari kemudian gajah-gajah ini jatuh sakit dan akhirnya kesemua gajah ini mati. Semangat bermasyarakat boleh dilihat pada tentera Siam apabila penulis mengetengahkan unsur tolong-menolong ketika tentera Siam ingin menanam ke semua bangkai gajah tersebut dengan menunjukkan satu situasi di mana tentera Siam telah menggali beberapa lubang yang besar untuk memuatkan ke semua bangkai gajah tersebut. Dalam konteks budaya masyarakat, tolong-menolong amat dititikberatkan

kerana dengan adanya sikap suka tolong-menolong sesebuah organisasi atau pasukan itu dapat berdiri dengan lebih teguh.

Seterusnya, nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong boleh dilihat menerusi cerita lisan yang bertajuk *Nurani Che Him Dalam Masyarakat* seperti di bawah:

#### **Petikan 41**

Apabila berlaku kematian dalam kalangan masyarakat Melayu, Che Him tidak segan silu menghulurkan bantuan seperti memberi kain kapan secara percuma. Beliau juga tidak banyak merungut apabila seseorang meminta pertolongannya, bantuan segera diberikan. Kadangkala tanpa diminta oleh penduduk Che Him sendiri mempunyai kesedaran untuk membantu masyarakat sekeliling dalam aktiviti kemasyarakatan. Ia telah memudahkan aspek pergaulan masyarakat dengannya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 72)

Berdasarkan daripada petikan di atas, dapat dilihat menerusi naratif lisan yang bertajuk *Nurani Che Him Dalam Masyarakat*, terdapat masyarakat yang mempunyai nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong. Sebagai contoh, watak Che Him merupakan seorang saudagar yang telah datang ke tanah Melayu yang mana pada ketika itu tujuan utama beliau adalah untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Namun begitu, pada suatu ketika beliau telah mengambil keputusan untuk menetap di tanah Melayu iaitu di Pengkalan Datu, Kelantan. Nama beliau sehingga kini menjadi buatan masyarakat kerana keperibadian yang ditunjukkan oleh beliau. Che Him sememangnya seorang individu yang terkenal dengan perwatakan hidup bermasyarakat. Walaupun beliau berbangsa Cina, namun semangat bermasyarakat yang ditunjukkan oleh beliau membuatkan masyarakat pada ketika itu amat menyayangi beliau. Pada suatu ketika, beliau tanpa berfikir dua kali akan menghulurkan bantuan jika berlaku kematian dalam kalangan masyarakat Melayu. Semangat bermasyarakat yang beliau tunjukkan juga apabila beliau amat ringan tulang apabila seseorang meminta pertolongan daripadanya. Sikap yang beliau tunjukkan ini menyebabkan masyarakat ketika itu begitu sayang akan beliau. Oleh itu,

jelaslah sikap tolong-menolong menerusi nilai semangat bermasyarakat akan membuatkan masyarakat semakin sayang dan dikasihi oleh Allah SWT.

Nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong yang ditunjukkan menerusi cerita *Tok Perindu* dan *Nuraini Che Him Dalam Masyarakat* ini berpandukan Pendekatan Moral berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral ialah satu pengalaman yang melibatkan suatu peristiwa yang dialami oleh manusia sama ada memberi kesan positif atau negatif dan dari sudut ilmu pula dalam bentuk maklumat-maklumat berkaitan dengan hidup dan kehidupan manusia. Dalam konteks ini, dapat dilihat pendekatan moral sebagai titik tolak untuk setiap individu memiliki sikap tolong-menolong dan memberi bantuan untuk memastikan hubungan sesama insan itu terus tersemai.

Seterusnya, nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong turut terkandung dalam cerita lisan yang bertajuk *Simbolik Rebana*, bertepatan dengan contoh petikan di bawah:

#### **Petikan 42**

Hubungan ketara antara masyarakat kampung ini wujud melalui rebana yang dipersembahkan melalui majlis-majlis perkahwinan ahli-ahli yang bermain rebana ini tergolongan daripada golongan masyarakat sekitar yang sudah dianggap sebagai adik-beradik. Masyarakat setempat akan menginap di rumah yang mengadakan majlis tanpa pulang ke rumah masing-masing.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 18)

Berdasarkan daripada petikan di atas jelas menunjukkan terdapat nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong yang mana perkara ini ditonjolkan apabila berlakunya majlis atau kenduri kahwin masyarakat pada ketika itu akan saling tolong-menolong untuk menjayakan majlis tersebut. Sebagai contoh, suatu ketika dahulu masyarakat di sebuah Kampung Pulau Gajah hidup begitu akrab seperti aur dengan te g yang mana saling tolong-menolong terutamanya ketika berlaku sesuatu

majlis. Masyarakat pada ketika itu akan, saling berkerjasama antara satu sama lain untuk membantu menjayakan sesebuah majlis itu sehingga sikap tolong-menolong mereka ini sanggup menginap di salah sebuah rumah yang sedang melakukan majlis tersebut. Sikap tolong-menolong yang diperlihatkan oleh penulis di dalam teks ini wajar dijadikan teladan oleh masyarakat pada zaman sekarang yang umum mengetahui masyarakat pada hari ini hidup dalam berbilang kaum. Oleh itu, nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong perlu ada dalam setiap diri individu bagi melahirkan sebuah masyarakat yang ringan tulang dalam membantu individu yang sedang berada di dalam kesusahan.

Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengalaman yang dilalui oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka sama ada memberi impak positif atau negatif ke atas diri mereka. Menerusi nilai semangat bermasyarakat menerusi sikap tolong-menolong yang ditonjolkan cukup membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu mampu untuk memberi teladan yang baik kepada para pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong yang ditonjolkan oleh masyarakat di Kampung Pulau Gajah ini perlu diteladani kerana walaupun mereka membenarkan masyarakat tersebut untuk menetap di rumah mereka ketika sesebuah majlis dilangsungkan. Namun begitu, mereka tidak mengambil kira kos pembayaran jika menetap di rumah mereka. Hal ini menunjukkan betapa masyarakat terdahulu sememangnya mempunyai nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong. Kesimpulannya, jelaslah bahawa nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong boleh mengeratkan hubungan silaturahim di antara sesama manusia.

#### 4.11 Nilai Kerajinan

Nilai kerajinan merupakan satu sikap yang terdapat dalam diri individu yang mana ia gemar melakukan sesuatu perkara itu dengan bersungguh-sungguh sehingga individu tersebut berasa puas hati dengan apa yang telah dilakukan. Menurut Tajul Ariffin Nordin dan Nor'aini Dan (1992), nilai kerajinan boleh ditakrifkan dengan manusia yang memiliki sifat suka berusaha secara berterusan, tekun dan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sesuatu matlamat, sasaran dan cita-cita demi mencapai sebuah kejayaan dalam sebuah kehidupan. Penyataan ini turut disokong oleh Mustafa Daud (1995), yang mana beliau menyatakan bahawa sifat rajin merupakan perlakuan yang mulia dan sering diamalkan oleh masyarakat Melayu untuk memastikan kebudayaan Melayu melalui nilai moral akan dipandang tinggi oleh masyarakat dalam negara mahupun luar negara serta memastikan nilai tersebut dapat diamalkan sampai bila-bila. Penyataan ini turut disokong oleh Amir A. Rahman (1991) yang mana beliau membahaskan bahawa agama Islam menggalakkan umatnya untuk berusaha mencari rezeki, di samping menyempurnakan akhlak yang mulia serta mendekatkan diri dengan Allah SWT. Oleh hal yang demikian, pada bahagian ini pengkaji akan mengupas berkaitan dengan nilai kerajinan yang terdapat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

#### 4.11.1 Nilai Kerajinan Melalui Sikap Kegigihan Atau Ketekunan

Sikap kegigihan atau ketekunan ialah satu sikap yang terdapat di dalam seorang individu yang sentiasa mahukan yang terbaik dalam melakukan sesuatu perkara itu sehingga perkara yang dikerjakan olehnya itu membawa hasil. Menurut Azura Abdullah (2000), dalam kajiannya beliau menyatakan bahawa nilai kegigihan dan ketekunan merupakan sebuah sikap atau perilaku yang rajin, gigih, bersungguh-sungguh, giat, tekun dan aktif dalam melakukan sesuatu perkara demi memperoleh hasil yang baik. Di samping itu, menurut Jumali Selamat (2001), kegigihan dan ketekunan juga adalah asas dalam menghasilkan prestasi dan mutu kerjaya yang

tinggi. Seterusnya, menurut *Kamus Dewan* (2016), sikap kegigihan atau ketekunan ialah manusia yang memiliki kekuatan hati, tegar hati dan patuh pada pendirian sendiri untuk melakukan sesuatu perkara dalam sebuah kehidupan. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa keteguhan dan ketekunan yang terdapat di dalam seseorang individu itu merupakan satu nilai moral yang perlu dipraktikan kerana nilai moral ini mampu membawa kepada kebaikan dan masa hadapan yang cerah. Nilai kerajinan melalui sikap kegigihan atau ketekunan boleh dilihat melalui kisah *Asal Usul Datu* seperti petikan di bawah:

#### **Petikan 43**

Malam itu, Datu telah berusaha untuk menangkap ikan bagi menggalas perut yang telah lama tidak menjamah makanan akibat peperangan. Datu telah membuat keputusan untuk tinggal di kawasan itu. Lalu, dibangunkan kawasan itu melalui aktiviti pertanian, memungut hasil hutan dan menangkap ikan. Aktiviti itu dilakukan bagi menyara kehidupannya pada masa akan datang juga. Lama-kelamaan semakin ramai orang yang menetap di situ.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 1)

Berdasarkan daripada kisah di atas yang dipetik menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Asal Usul Datu* menunjukkan nilai kerajinan melalui sikap kegigihan atau ketekunan Hal ini dapat dilihat melalui sikap Datu yang merupakan seorang pemuda ufti yang mana ditugaskan oleh Raja Alauddin yang pada ketika itu merupakan pemerintah Thailand untuk mengutip ufti daripada kerajaan Terengganu. Datu ditugaskan untuk ke Terengganu bagi mengutip ufti bunga emas sebagai tanda berlindung di bawah kerajaan Thailand setiap selang tiga bulan sekali. Datu yang pada ketika itu sedang dalam perjalanan untuk ke Terengganu terpaksa membatalkan niatnya untuk ke Terengganu dan singgah mencari penempatan untuk berlindung daripada peperangan yang sedang berlaku pada ketika itu apabila Thailand tiba-tiba menerima serangan daripada pihak musuh yang telah sekian lamanya berdendam dengan kerajaan Thailand. Nilai kerajinan melalui sikap kegigihan atau ketekunan yang ditunjukkan oleh Datu ini dapat dilihat apabila beliau berusaha untuk menangkap ikan setelah sekian lamanya beliau berlapar disebabkan peperangan. Datu telah mencari inisiatif untuk meneruskan kelangsungan hidup memandangkan beliau tidak

boleh untuk ke Terengganu untuk mengutip ufti dan tidak boleh berpatah balik semula ke Thailand kerana berlaku perperangan. Kerajinan beliau ini juga boleh dilihat apabila beliau mengusahakan tanaman. Berkat daripada ketekunan dan kegigihan yang ada pada Datu ini, penempatan yang menjadi kawasan perlindungannya menjadi sebuah kawasan penempatan dan ramai yang menetap di kawasan tersebut. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa nilai kerajinan melalui sikap kegigihan dan ketekunan boleh membawa hasil jika perkara tersebut dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan tidak mudah mengalah.

Berdasarkan contoh petikan di atas yang bertajuk *Asal Usul Datu*, nilai kerajinan melalui sikap kegigihan dan ketekunan boleh dihubungkaitkan dengan pendekatan moral. Hal ini demikian kerana nilai kerajinan melalui sikap kegigihan dan ketekunan adalah nilai yang merujuk sepenuhnya kepada sikap moral yang terdapat dalam diri setiap individu sama ada individu tersebut mempunyai kesedaran terhadap kepentingan menjadi seorang individu yang rajin atau sebaliknya. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral dalam konteks ini adalah untuk memberi ikhtibar dan pengajaran iaitu kesedaran untuk berfikir dan bertindak mengambil contoh tauladan atau pengajaran di atas sesuatu kejadian atau pengalaman.

Hal ini bertepatan dengan cerita *Asal Usul Datu* yang mana pengarang cuba untuk mengetengahkan sikap Datu yang rajin dan gigih serta tekun dalam menyara kehidupannya paa ketika meskipun beliau pada ketika itu sedang berada dalam keadaan yang terdesak. Namun begitu, beliau tidak bersikap putus asa, akan tetapi sebaliknya berusaha untuk menyara kehidupannya. Oleh hal yang demikian, Datu tidak mengambil peduli terhadap kesempitan yang di alami olehnya tetapi sebaliknya beliau tetap meneruskan niatnya untuk menangkap ikan dan meneruskan kehidupannya. Secara ringkasnya, dapat disimpulkan bahawa nilai

kerajinan melalui sikap kegigihan dan ketekunan perlu ada dalam diri setiap individu kerana sikap rajin akan membawa hasil.

#### 4.12 Nilai Kejujuran

Kejujuran merupakan satu sifat *mahmudah* (baik) yang dituntut di dalam Islam yang mana di dalam Islam menyuruh penganutnya untuk sentiasa bercakap benar dan berperlakuan dengan benar dan tidak menipu. Menurut Aboebakar Atjeh (1988), beliau menyatakan bahawa nilai kejujuran manusia ialah individu yang mempunyai keikhlasan, amanah, bercakap benar dan setia dalam melakukan sesuatu perkara tanpa mempunyai niat yang tidak baik serta tidak mengharapkan balasan atas apa yang dilakukan. Selain itu, menurut *Kamus Dewan* (2016) nilai kejujuran boleh didefinisikan sebagai manusia yang memiliki lurus hati, ikhlas, dan tulus dalam melakukan sesuatu tanpa menyembunyikan apa-apa daripada pihak lain. Di samping itu, Nordin dan Nor'aini Dan (1992) kejujuran diertikan sebagai sikap dan perlakuan yang menunjukkan baik, amanah dan ikhlas tanpa mengharapkan balasan. Oleh hal yang demikian nilai kejujuran boleh disimpulkan sebagai individu yang berkata benar dan bersikap jujur di dalam setiap perkara yang dilakukan dan tidak menipu.

#### 4.12.1 Nilai Kejujuran Melalui Sikap Amanah

Sikap amanah ialah satu sikap di mana seseorang individu itu menjaga, melakukan seperti apa yang telah dijanjikan dan tidak memungkiri janji seperti apa yang telah diarahkan atau diamanahkan kepada dirinya. Menurut Mohd Ali Hashimi (1992), sikap amanah dapat didefinisikan sebagai manusia yang dapat memenuhi permintaan daripada orang lain tanpa adanya penindasan. Menurut *Kamus Dewan* (2016), nilai kejujuran melalui melalui sikap amanah dan dapat ditakrifkan sebagai hati suci tidak menipu atau pura-pura dalam kelompok masyarakat dan jujur dalam melakukan sesuatu. Di samping itu, Hashim Musa (2008) berpendapat bahawa sifat amanah merupakan salah satu dari keperibadian milik sepunya orang Melayu. Sikap amanah merupakan satu sikap yang amat dituntut di dalam Islam kerana amanah merupakan satu kepercayaan yang telah diberikan oleh seseorang individu itu kepada individu yang lain dengan tujuan individu tersebut dapat menjaga perkara tersebut dengan sebaik-baiknya. Oleh hal yang demikian, sikap amanah merupakan satu sikap yang ada pada diri seseorang individu yang telah ditugaskan untuk menjaga sesuatu perkara itu dengan baik.

Sikap amanah turut diselitkan di dalam cerita lisan bertajuk *Haji Long Abdul Rahman* berdasarkan petikan di bawah:

##### **Petikan 44**

Persembuyiannya itu tidak boleh diketahui oleh pihak musuh kerana identitinya tidak dihebohkan oleh masyarakat setempat kerana tahu sejarah beliau di Patani. Masyarakat di kampung ini juga menyimpan rahsianya sehingga kematian beliau. Beliau menghembuskan nafas terakhirnya di Pulau Gajah.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 58)

Berdasarkan daripada kisah di atas jelas menunjukkan sekumpulan masyarakat yang bersikap amanah yang mana mereka semua menyembunyikan keberadaan Haji Long Abdul Rahman yang pada ketika itu sedang menjadi buruan pihak musuh. Sebagai contoh, Haji Long Abdul Rahman pada ketika itu sedang melarikan diri daripada Patani memandangkan Patani pada ketika itu sedang berlaku perperangan

dan beliau sedang dikejar dan dicari oleh pihak musuh. Masyarakat di Kampung Pulau Gajah telah bersikap amanah dengan menyembunyikan Haji Long Abdul Rahman daripada pengetahuan pihak musuh demi untuk menjaga beliau daripada pihak musuh. Masyarakat di Kampung Pulau Gajah juga tidak menyebarkan berita tentang keberadaan beliau kepada pihak luar. Oleh itu, dengan mempraktikkan nilai kejujuran melalui sikap amanah dalam diri akan membuatkan individu tersebut akan dipercayai dan dihargai oleh individu yang lain. Sikap ini juga penting dalam kehidupan seharian kerana, sikap amanah ini penting untuk mengelakkan diri daripada menjadi individu yang dibenci kerana suka ingkar amanah.

Rentetan daripada kisah di atas, jelas menunjukkan nilai kejujuran melalui sikap amanah bertunjangkan pendekatan moral. Hal ini kerana, pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang menunjukkan pengalaman yang dialami oleh setiap individu, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka memberi kesan positif atau negatif ke atas individu tersebut (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, sikap amanah yang ditonjolkan oleh penulis melalui watak masyarakat di Kampung Pulau Gajah yang tidak menyebarkan berita keberadaan Haji Long Abdul Rahman kerana mereka tahu Haji Long Abdul Rahman seorang yang baik dan mereka tidak mahu beliau ditangkap oleh pihak musuh dan kemudiannya ditahan oleh pihak musuh. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa nilai kejujuran melalui sikap amanah mendatangkan banyak faedah serta kesan yang positif terhadap masyarakat sekeliling di samping sikap ini akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT kerana telah bersikap amanah dan menjaga apa yang telah diarahkan atau yang telah diperintahkan dengan sebaik-baiknya.

#### 4.12.2 Nilai Kejujuran Melalui Sikap Ikhlas

Sikap ikhlas merupakan satu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu tanpa mengharapkan balasan di atas perkara yang dilakukan. Menurut Mohd Ali Hashimi (1992), makna sikap ikhlas ialah seseorang yang memiliki hati yang bersih dan tidak melakukan perkara yang mungkar serta menjaga hak dirinya dan orang disekelilingnya. Menurut *Kamus Dewan* (2016), sikap ikhlas ialah manusia yang memiliki kesucian hati, tidak berbohong atau berpura-pura dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Tambahan pula, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menyatakan bahawa seseorang individu yang memiliki sifat ikhlas ini dapat melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dalam pelbagai sudut termasuklah jasmani, emosi dan rohani. Sikap ikhlas perlu ada dalam diri setiap individu kerana sikap ini mengajar kita untuk berlapang dada dan menerima segala baik dan buruk sesuatu perkara itu terjadi di samping mengajar diri untuk sentiasa melihat sesuatu perkara itu pada satu sudut yang positif. Oleh hal yang demikian, nilai kejujuran melalui sikap ikhlas boleh dilihat menerusi kisah *Kegemilangan Pengkalan Datu* seperti petikan di bawah :

##### **Petikan 45**

Raja Pah telah menyerahkan takhta kerajaan kepada suaminya Long Bahar. Ia telah menjadikan hak Raja Abdul Rahman dipinggirkan. Walaupun begitu ia telah diterima dengan baik oleh para pembesar kerana umur Raja Abdul Rahman masih setahun jagung dan dirasakan tidak layak untuk memerintah pada ketika itu. Setelah menaiki takhta, Long Bahar telah berpindah ke Kota Jembal. Setelah setidak seberapa lama memerintah negeri, Long Bahar telah mangkat dan anakanda telah dilantik sebagai baginda Sultan Sulaiman

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 13)

Berdasarkan daripada kisah di atas jelas menunjukkan individu yang mempunyai nilai kejujuran melalui sikap ikhlas. Sebagai contoh, Raja Pah telah memberikan tumpuk pentadbiran kepada Long Bahar walaupun pada ketika itu Raja Abdul Rahman lebih berhak untuk menyandang jawatan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, umur Raja Abdul Rahman pada ketika itu masih setahun jagung dan tidak mampu untuk mentadbir negara pada ketika itu. Oleh itu, walaupun keputusan yang

dilakukan oleh Raja Pah bertentangan dengan sistem pemerintahan pada ketika itu namun penerimaan daripada pembesar serta orang bawahannya di sambut dengan baik. Sikap ikhlas yang ditunjukkan oleh Raja Pah dengan memberikan takhta pentadbiran kepada Long Bahar wajar dijadikan contoh kerana tidak semua individu mempunyai pemikiran seperti Raja Pah yang mana Raja Pah lebih memikirkan tumpuk pemerintahan itu boleh dijalankan dengan baik berbanding mewariskan tumpuk pentadbiran kepada warisnya sendiri.

Rentetan daripada kisah di atas, jelas menunjukkan nilai kejujuran melalui sikap ikhlas bertunjangkan pendekatan moral. Hal ini kerana, pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang menunjukkan pengalaman yang dialami oleh setiap individu, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka memberi kesan positif atau negatif ke atas individu tersebut (Hashim Awang, 2002).

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.12.3 Nilai Kejujuran Melalui Sikap Bercakap Benar

Bercakap benar ialah satu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu ketika berkata-kata berkaitan dengan soalan yang diajukan oleh individu lain atau sedang menyatakan sesuatu perkara kepada individu yang lain. Menurut Mohd Ali Hashimi (1992), makna bercakap benar ialah manusia yang berkata-kata jujur lahir dari hati mereka yang tidak berbohong. Seterusnya, menurut Hashim Musa (2008), bercakap benar boleh didefinisikan sebagai memberitahu, menuturkan sesuatu perkara dengan sebenarnya boleh dipercayai oleh orang. Penyataan ini turut disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) yang mana beliau berpendapat bahawa bercakap benar merupakan manusia yang dapat menuturkan kata-kata atau memberitahu kepada seseorang tentang sesuatu perkara dengan betul dan tidak mempunyai unsur penipuan. Oleh hal yang demikian, nilai kejujuran melalui sikap bercakap benar boleh dilihat melalui kisah *Kezaliman Seorang Raja* menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* seperti petikan di bawah:

##### **Petikan 46**

Sistem pemerintahan baginda yang begitu kejam ini telah membuatkan rakyat terpaksa mengadu kepada Tuan Puteri Saadong yang dikatakan bersemayam di Bukit Marak pada ketika itu. Peristiwa kezaliman terhadap rakyat jelata yang dilakukan oleh Sultan Abdul Rahim ini telah mengganggu ketenteraman baginda Puteri Saadong yang ketika itu masih menanggung duka atas kecurangan dan kematian suaminya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 74)

Berdasarkan daripada petikan di atas terdapat masyarakat yang mempunyai nilai kejujuran melalui sikap bercakap benar. Sebagai contoh, masyarakat pada ketika itu telah bertemu dengan Puteri Saadong untuk melaporkan atau mengadu kepada baginda akan kekejaman dan keadaan yang kucar-kacir yang dilakukan di bawah pemerintahan Sultan Abdul Rahim. Masyarakat pada ketika itu cuba untuk mendapatkan perlindungan daripada Puteri Saadong yang pada ketika itu sedang berada di Bukit Marak kerana sedang berduka cita di atas kecurangan dan kematian suaminya pada ketika. Nilai kejujuran melalui sikap bercakap benar yang ditunjukkan

oleh masyarakat pada ketika itu berpunca daripada kekejaman Sultan Abdul Rahim dan mereka cuba untuk mendapatkan perlindungan agar tidak menjadi mangsa kezaliman pemerintah pada ketika itu.

Rentetan daripada kisah di atas, jelas menunjukkan nilai kejujuran melalui sikap bercakap benar. bertunjangkan pendekatan moral. Hal ini kerana, pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang menunjukkan pengalaman yang dialami oleh setiap individu, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka memberi kesan positif atau negatif ke atas individu tersebut (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, hubungkait di antara nilai moral dengan nilai kejujuran melalui sikap bercakap benar ialah apabila masyarakat pada ketika berkata benar kepada Puteri Saadong dengan tujuan untuk melindungi diri daripada kekejaman yang dilakukan oleh pemerintah pada ketika itu. Oleh itu, jelaslah bahawa dengan berkata benar akan menjadikan individu tersebut dihargai dan dipercayai oleh individu yang lain.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.13 Nilai Kesederhanaan

Kesederhanaan merupakan satu sifat di mana seseorang individu tersebut mengamalkan kehidupan secara tidak berlebih-lebihan kerana individu tersebut percaya setiap perkara yang dibuat di dalam hidup perlulah secara tidak berlebihan dan tidak terkelaluan. Menurut Jumali Selamat (2001), makna nilai kesederhanaan ialah manusia yang boleh mewujudkan sikap tidak keterlaluan dalam usaha untuk menghasilkan tindakan sama ada dari segi pertuturan atau perbuatan. Di samping itu, menurut Muhammad al-Buraey (1992), nilai kesederhanaan yang diamalkan oleh manusia merupakan pelengkap kepada corak kepimpinan yang menekankan nilai dan etika Islam, konsep kerjasama, keluhuran asal-usul dan konsep kesepakatan yang menjadi teras dalam pentadbiran. Tambahan pula, menurut Hashim Musa (2008), masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan sifat sederhana dan tidak ekstrem dalam pertuturan, tingkah laku, hemat dan cermat serta tidak kasar. Oleh itu, jelaslah kesederhanaan merupakan sikap yang perlu ada dalam diri kerana bersikap sederhana itu lebih baik daripada berlebih-lebihan.

##### 4.13.1 Nilai Kesederhanaan Melalui Sikap Pertuturan dengan Tingkah Laku

Sikap pertuturan dengan tingkah laku merupakan satu perlakuan yang dilakukan oleh seseorang individu yang sudah menjadi kebiasaan. Menurut *Kamus Dewan* (2016), makna pertuturan bermaksud gaya atau cara dalam menyampaikan sesuatu, lafaz, sebutan, ucapan dan apa yang dibicarakan. Menurut Muhammad al-Ghazali (1994), berpendapat kesederhanaan boleh memandu dan membimbing manusia menikmati kelangsungan hidup di dunia secara pertengahan. Penyataan ini turut disokong oleh Swettenham (2003) yang mana beliau turut berpendapat bahawa masyarakat Melayu tidak bersifat keterlaluan. Nilai kesederhanaan melalui sikap pertuturan dengan tingkah laku bermaksud, individu yang berkata-kata dengan menggunakan

bahasa yang merendah diri dan tidak membangga diri. Oleh hal yang demikian, nilai kesederhanaan melalui sikap pertuturan dengan tingkah laku boleh dilihat menerusi teks *Nik Mat Keturunan Raja Banjar* dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* seperti di bawah:

#### **Petikan 47**

Walau bagaimanapun, Raja Jembal ini kurang menyenangi apabila masyarakat setempat terlalu menghormatinya sehinggaakan membahasakan diri dengan panggilan patik dan hamba. Hal ini kerana, baginda merasakan baginda telah menghina golongan rakyat. Lalu baginda telah mengikuti cara kehidupan rakyat jelata.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 77)

Berdasarkan daripada naratif lisan *Nik Mat Keturunan Raja Banjar*, dapat dilihat terdapat seorang pemimpin yang mempunyai nilai kesederhanaan melalui sikap pertuturan dengan tingkah laku. Hal ini dapat dilihat apabila Raja Jembal tidak menyukai panggilan patik dan hamba yang dilakukan oleh masyarakat setempatnya. Baginda merasakan panggilan tersebut telah menghina golongan rakyat. Nilai kesederhanaan melalui sikap pertuturan dengan tingkah laku yang ada pada Raja Jembal wajar dijadikan contoh kerana sikap ini merupakan sikap yang mulia. Setiap individu perlulah sentiasa bersikap merendah diri dan tidak merasakan bahawa diri ini merupakan individu yang hebat kerana sikap bongkak dan angkuh merupakan sikap yang dibenci oleh Allah SWT dan segala nikmat tersebut boleh di ambil oleh Allah SWT dalam sekilip mata.

Pendekatan moral merupakan pendekatan yang tepat untuk digunakan untuk menilai nilai kesederhanaan melalui sikap pertuturan dengan tingkah laku yang telah diasaskan oleh Hashim Awang (1989) dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap pertuturan dengan tingkah laku yang terdapat dalam nilai kesederhanaan yang merupakan sifat yang baik kerana individu tersebut tidak berbangga

diri dan sentiasa bersikap merendah diri. Nilai kesederhanaan melalui sikap pertuturan dengan tingkah laku yang ditunjukkan oleh Raja Jembal merupakan satu sikap yang wajar untuk dijadikan contoh oleh setiap pemimpin kerana hubungan yang terjalin diantara pemerintah dengan rakyat akan menjadi lebih baik.

#### 4.14 Nilai Kesyukuran

Kesyukuran merupakan satu ungkapan atau perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu untuk menzahirkan rasa menghargai atas apa yang telah diterima sama ada nikmat daripada Allah SWT atau pertolongan daripada sesama manusia. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), beliau menyatakan bahawa nilai kesyukuran ialah keikhlasan manusia menghargai dan menyanjung tinggi sumbangsan, pemberian dan khidmat bakti yang telah diberikan oleh seseorang dalam usaha memberi pertolongan kepada diri mereka. Tambahan pula, menurut Musetah Mashod (2010) beliau menyatakan bahawa manusia hendaklah bersyukur dan berterima kasih dengan napa yang dimiliki terutamanya kepada Tuhan. Di samping itu, menurut Muhammad al-Ghazali (1987) menyatakan bahawa pemupukan nilai kesyukuran sudah sebatas dengan kehidupan masyarakat Melayu yang beragama Islam untuk berlapang dada atas setiap pemberian oleh Allah SWT.

##### 4.14.1 Nilai Kesyukuran Melalui Sikap Penghargaan

Sikap penghargaan merupakan rasa yang diungkapkan oleh seseorang individu untuk memberikan penghormatan ke atas apa yang telah dilakukan oleh individu tersebut.. Penghargaan ini ditunjukkan kepada individu yang telah membantu atau memudahkan urusan hidup kita menjadi lebih baik. Oleh hal yang demikian, wajarlah jika individu tersebut diberikan penghargaan. Menurut *Kamus Dewan* (2016), penghargaan boleh didefinisikan sebagai perbuatan menghargai , penghormatan, penyanjungan dan hadiah penghormatan. Menurut Abdullah

Hassan & Ainon Ahmad (1999) mereka menyatakan bahawa komunikasi yang mencerminkan penghargaan perlu mengandungi pujian dan sanjungan. Penghargaan yang diberikan kepada individu yang telah bersusah-payah untuk membantu adalah perlu dan ia mesti mengandungi pujian dan sanjungan. Tambahan pula, menurut Sara Beden (2020) menegaskan bahawa pihak yang mendapat penghargaan sudah tentu berbesar hati sekaligus memaksimumkan manfaat kepada mereka. Di samping itu, nilai kesyukuran melalui sikap penghargaan turut dibincangkan berdasarkan teks *Asal Usul Kampung Babong* seperti petikan di bawah :

#### **Petikan 48**

Bersempena dengan sikap baik yang dimiliki, jasa, budi serta sanjungannya terhadap masyarakat setempat, maka kampung ini dikenali dengan nama Kampung Babong setelah ketiadaannya. Ia sebagai tanda menghormati Tok Babong selepas ketiadaannya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 4)

Berdasarkan daripada naratif lisan *Asal Usul Kampung Babong*, dapat dilihat terdapat masyarakat yang mempunyai nilai kesyukuran melalui sikap penghargaan. Hal ini dapat dilihat apabila masyarakat di Kampung Babong menyanjungi Tok Babong selepas ketiadaannya dengan menamakan kampung mereka sebagai Kampung Babong untuk menghargai jasa dan budi yang telah banyak diberikan oleh Tok Babong kepada masyarakat di kampung tersebut. Sebagai seorang individu yang mempunyai kesedaran diri kita perlulah menghargai setiap perkara yang telah dilakukan oleh seseorang individu itu memandangkan setiap perkara yang dilakukan olehnya itu memerlukan pengorbanan. Oleh hal yang demikian, pengorbanan dan jasa yang telah dilakukan oleh Tok Babong dihargai oleh penduduk di Kampung Babong kerana mereka merupakan sebuah masyarakat yang tinggi nilai moralnya.

Pendekatan moral merupakan pendekatan yang tepat untuk digunakan untuk menilai nilai kesyukuran melalui sikap penghargaan yang telah diasaskan oleh

Hashim Awang (1989) dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap penghargaan yang terdapat dalam nilai kesyukuran yang merupakan sifat yang baik kerana individu tersebut menghargai jasa, dan pengorbanan yang telah dilakukan oleh individu lain demi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran kehidupan. Nilai kesyukuran melalui sikap penghargaan yang ditunjukkan oleh masyarakat di Kampung Babong merupakan satu sikap yang wajar untuk dijadikan contoh oleh setiap individu kerana sikap ini mengajar diri untuk menghargai usaha yang dilakukan oleh individu lain demi memastikan individu lain berada dalam keadaan yang bahagia.

#### 4.15 Nilai Rasional

Rasional merupakan satu tindakan yang dilakukan dengan mengambil kira sebab dan akibat daripada tindakan yang dilakukan. Sikap rasional ini amat penting dalam kehidupan seharian memandangkan setiap individu perlu membuat sesuatu keputusan. Tambahan pula, menurut Jumali Selamat (2001), individu yang ingin membuat penilaian rasional merangkumi keupayaan atau kemampuan untuk menerima baik atau sebaliknya sesuatu perkara sebelum membuat keputusan dan tindakan perlu diambil kira sewajarnya. Oleh hal yang demikian, setiap individu perlulah berfikiran rasional terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan yang mana keputusan tersebut mampu mempengaruhi sesuatu kejadian atau kesan hasil daripada tindakan yang diambil. Menurut Jumali Selamat (2001), makna rasional ialah individu yang mempunyai kebolehan untuk berfikir secara benar, logik dan mempunyai hujah serta akal yang waras dalam membuat sesuatu keputusan tanpa dipengaruhi oleh unsur atau perasaan negatif. Di samping itu, Hashim Musa (2008) ketamadunan yang unggul dalam kalangan masyarakat pada hari ini telah membuktikan bahawa mereka mengamalkan sikap rasional yang tinggi dan telus dalam membuat suatu keputusan atas tindakan yang tepat.

#### 4.15.1 Nilai Rasional Melalui Sikap Alasan dan Bukti Yang Kukuh

Seterusnya, sikap alasan dan bukti yang kukuh merupakan satu sikap individu yang mempunyai pendirian yang teguh dan tidak mudah goyah dalam membuat sesuatu keputusan dengan mengambil kira aspek rasional, berkeupayaan atau berkemampuan untuk menerima baik dan buruk sesuatu perkara sebelum membuat sebarang keputusan yang betul berlandaskan kepada pemikiran waras dan matang mengikut situasi, tempat dan masa (Jumali Selamat,2001). Seterusnya, menurut *Kamus Dewan* (2016) kata ‘alasan’ membawa maksud asas, dasar, kepentingan bersama, dan sesuatu yang dijadikan asas atau dasar sesuatu. Menurut Mohd Ali Hashimi (1992), menyatakan bahawa masyarakat Melayu sangat menitikberatkan sifat adil dan saksama dalam memutuskan sesuatu perkara yang berlaku dalam sebuah kehidupan. Secara ringkasnya, sikap rasional melalui sikap alasan dan bukti yang kukuh ialah individu yang mempunyai pemikiran yang waras dengan membuat kaji selidik terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang tindakan kerana setiap tindakan yang dilakukan boleh mendatangkan kesan yang baik dan buruk kepada diri individu itu sendiri atau orang di sekelilingnya. Oleh hal yang demikian, berdasarkan daripada teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* pengkaji mendapati terdapat nilai rasional melalui sikap alasan dan bukti yang kukuh berdasarkan teks *Kegemilangan Pangkalan Datu* seperti di bawah:

##### **Petikan 49**

Baginda melihat Pangkalan Datu ini mempunyai potensi jika lau diangkat sebagai tempat penjanaan ekonomi bagi negeri Kelantan. Lalu, baginda telah menitahkan agar dibuka satu kawasan untuk tanaman padi dan menggiatkan aktiviti perdagangan di Sungai Pengkalan Datu tersebut. Baginda telah memulai satu perhubungan luar dengan negeri-negeri yang lain seperti Patani, China, Jawa dan Terengganu. Pengkalan Datu telah muncul sebagai pusat perdagangan di Kelantan pada waktu itu.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 13)

Berdasarkan daripada petikan di atas, terdapat pemimpin yang memiliki nilai rasional melalui sikap alasan dan bukti yang kukuh. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Puteri Saadong yang berfikiran rasional dengan memerhatikan terlebih dahulu kawasan yang berpotensi untuk dijadikan sebagai kawasan untuk menjana ekonomi bagi memastikan aktiviti perdagangan dapat dilakukan seterusnya dapat memajukan negeri pemerintahan baginda pada ketika itu. Puteri Saadong mempunyai alasan dan bukti yang kukuh dalam memilih Pengkalan Datu sebagai kawasan penjanaan ekonomi kerana menurut baginda Pengkalan Datu sesuai untuk dijadikan kawasan untuk tanaman padi dan melakukan aktiviti perdagangan di Sungai Pengkalan Datu tersebut. Nilai rasional melalui sikap alasan dan bukti yang kukuh yang diketengahkan oleh penulis melalui watak Puteri Saadong wajar dijadikan teladan kepada setiap individu kerana keputusan yang diambil ini membawa kepada langkah kanan memandangkan Puteri Saadong memerhatikan terlebih dahulu serta berfikiran rasional sebelum membuat sebarang tindakan.

Selain daripada itu nilai rasional melalui sikap alasan dan bukti yang kukuh juga dibincangkan berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dalam cerita lisan yang bertajuk *Pengunduran Raja Patani* berdasarkan petikan di bawah:

#### **Petikan 50**

Patani pada ketika itu berada dalam keadaan darurat yang memaksa rajanya untuk bertindak mengundurkan diri secara senyap bagi mengelakkan pihak musuh menjelaki mereka.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021 : 81)

Berdasarkan daripada petikan di atas jelas menujukkan seorang pemimpin mempunyai nilai rasional melalui sikap alasan dan bukti yang kukuh. Sebagai contoh, Raja Patani telah bersikap rasional dengan mengundurkan diri daripada pihak musuh. Tindakan ini dilakukan oleh baginda kerana mengambil kira keselamatan pengikutnya pada ketika itu yang sedang diancam pihak musuh. Sikap kepimpinan yang ditunjukkan oleh Raja

Patani ketika berada di saat genting merupakan satu sikap yang terpuji kerana baginda berfikiran rasional untuk mengundurkan diri bagi mengelakkan kejadian yang boleh mendatangkan kemudaratatan terjadi.

Rentetan daripada kisah di atas, jelas menunjukkan nilai rasional melalui sikap alasan dan bukti yang kukuh bertunjangkan pendekatan moral. Hal ini kerana, pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang menunjukkan pengalaman yang dialami oleh setiap individu, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia, setiap ilmu yang diperoleh oleh setiap manusia dalam kehidupan mereka memberi kesan positif atau negatif ke atas individu tersebut (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, hubungkait di antara nilai moral dengan nilai rasional melalui sikap alasan dan bukti yang kukuh ialah apabila seseorang individu berpandangan jauh yang mana sebelum membuat sebarang keputusan individu tersebut akan membuat pemerhatian dan mengumpulkan bukti yang kukuh bagi memastikan tindakan yang dilakukan ini mendatangkan hasil seperti yang dilakukan oleh Puteri Saadong sebelum menjadikan Pengkalan Datu sebagai satu tempat kegiatan ekonomi di negeri Kelantan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.16 Penutup

Kesimpulannya, melalui analisis yang dilakukan oleh pengkaji menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob terdapat unsur nilai moral yang diketengahkan oleh penulis melalui watak-watak yang digambarkan oleh penulis di dalam naratif lisan tersebut. Antara nilai moral yang terdapat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu : Kelantan* iaitu nilai baik hati, nilai berdikari, nilai berhemah tinggi, nilai hormat-menghormati, nilai kasih sayang, nilai keadilan, nilai keberanian, nilai kebersihan dan nilai semangat bermasyarakat. Nilai-nilai moral yang ditonjolkan dalam penulisan cerita rakyat ini menggambarkan betapa tingginya adab dan sopan-santun masyarakat Melayu pada satu ketika dahulu sehingga mampu untuk menjadi sebuah masyarakat yang hidup dalam keadaan yang bersatu-padu, aman dan damai. Penerapan nilai-nilai moral seperti yang diceritakan menerusi naratif lisan *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob perlu dikekalkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat yang mempunyai nilai akhlak yang terpuji dan keperibadian yang baik akan dapat membentuk satu kehidupan masyarakat yang bersatu-padu dan kaya dengan budi pekerti. Nilai-nilai moral seperti ini akan membuat masyarakat daripada luar negara akan mengagumi cara hidup masyarakat Melayu sehingga ia mampu untuk menjadi tarikan orang luar terhadap keperibadian masyarakat Melayu yang kaya dengan akhlak yang mulia.

## BAB 5

### Rumusan, Cadangan dan Penutup

#### 5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini pengkaji akan menerangkan secara ringkas mengenai analisis dan dapatan kajian yang telah dibuat. Berdasarkan daripada kajian yang telah dilaksanakan secara sistematik mengenai nilai moral dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* pengkaji mendapati terdapat nilai-nilai moral yang diterapkan di dalam kehidupan seharian masyarakat terdahulu yang menjadikan masyarakat pada ketika itu dilihat sebagai sebuah masyarakat yang kaya dengan nilai kesopanan dan kesantunan.

Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat terdahulu yang sememangnya terkenal dengan keperibadian yang mulia ini telah menunjukkan nilai-nilai moral yang baik untuk diteladani oleh generasi pada masa kini bagi mengekalkan keaslian keperibadian masyarakat Melayu yang sebenar. Menerusi kajian yang dilakukan nilai-nilai moral yang telah dapat dikenalpasti melalui kajian teks tersebut ialah nilai baik hati, nilai berdikari, nilai berhemah tinggi, nilai hormat-menghormati, nilai kasih sayang, nilai keadilan, nilai keberanian, nilai kebersihan dan nilai semangat bermasyarakat. Nilai-nilai moral yang digambarkan oleh penulis menerusi karya yang dihasilkan memberi gambaran kepada pembaca bahawasanya masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu itu sememangnya kaya dengan nilai keperibadian yang mulia yang boleh dijadikan contoh dan teladan untuk diikuti sepanjang zaman.

Melalui watak yang ditunjukkan ini juga mengajak pembaca untuk mencontohi nilai-nilai moral yang digambarkan oleh penulis agar semua individu boleh

mempunyai keperibadian yang mulia seterusnya dapat membentuk sebuah masyarakat yang tinggi nilai moralnya. Sebuah bangsa yang hebat itu bermula daripada sebuah masyarakat yang bermoral. Masyarakat yang bermoral itu boleh menjadikan sesebuah negara itu maju. Sebagai contoh, masyarakat yang amanah dan bertanggungjawab. Sikap amanah dan bertanggungjawab yang ada pada sesebuah masyarakat boleh menjadikan sebarang urusan itu dijalankan dengan mudah kerana individu yang berurusan dengannya berasa boleh dipercayai. Oleh hal yang demikian, nilai-nilai moral yang ditunjukkan melalui penulisan di dalam naratif lisan boleh mendatangkan pelbagai faedah dan kepentingan kepada semua pihak terutamanya dalam mengharumkan nama negara.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 5.2 Rumusan

Secara keseluruhannya, cerita rakyat yang diketengahkan menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* sarat dengan nilai-nilai moral serta pengajaran yang boleh dijadikan teladan dan pedoman untuk seluruh lapisan masyarakat tidak mengira lapisan umur, agama dan bangsa. Setiap individu boleh menjadikan cerita-cerita rakyat ini sebagai satu panduan untuk dijadikan teladan dan pedoman agar menjadi seorang individu yang tidak akan mengulangi kesilapan yang sama serta boleh mencontohi sikap yang baik yang dipaparkan oleh penulis di dalam karyanya itu. Oleh hal yang demikian, nilai-nilai moral yang diselitkan melalui penceritaan di dalam naratif lisan bertujuan untuk menyampaikan mesej kepada para pembaca tentang nilai-nilai moral yang boleh dijadikan ikhtibar atau contoh kepada masyarakat. Natijahnya, melalui penerapan nilai-nilai moral di dalam sesebuah karya cerita rakyat dapat memberi pendedahan kepada para pembaca terhadap penulisan naratif lisan di samping dapat membentuk sebuah masyarakat yang tinggi nilai moralnya menerusi pembacaan ini.

Selain daripada itu, penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang (2002) berdasarkan pendekatan moral melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* yang menerusi analisis yang telah dilakukan pengkaji mendapati terdapat pelbagai nilai moral yang diselitkan oleh penulis untuk memberi mesej kepada pembaca. Antara nilai moral yang boleh dilihat di dalam teks tersebut ialah nilai moral baik hati, nilai moral berdikari, nilai moral berhemah tinggi, nilai moral hormat-menghormati, nilai moral kasih sayang, nilai moral keadilan, nilai moral keberanian, nilai moral kebersihan dan nilai moral semangat bermasyarakat. Kesannya, melalui naratif lisan dapat mendidik masyarakat melalui pembacaan

kerana di dalam karya tersebut sarat dengan nilai moral yang menunjukkan keperibadian yang mulia melalui watak yang digambarkan oleh penulis.

Di samping itu, menerusi naratif lisan ini dapat dipelajari masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan nilai-nilai kebudayaan. Di dalam penulisan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* nilai kebudayaan boleh dilihat melalui cerita rakyat yang terkandung di dalam karya tersebut yang bertajuk *Simbolik Rebana*. Berdasarkan daripada kisah ini, penulis telah memaparkan kehidupan masyarakat Melayu di sebuah kampung yang di panggil Kampung Pulau Gajah di mana penulis menggambarkan masyarakat ketika itu sebuah masyarakat yang hidup dalam keadaan suasana yang aman dan harmoni di bawah tumpuk pemerintahan seorang raja yang disayangi oleh rakyatnya.

Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat pada ketika itu hanya akan memainkan rebana untuk golongan pemerintah atau raja sahaja dan golongan biasa tidak boleh memainkan rebana sesuka hati kerana dianggap biadap. Nilai kebudayaan yang ditunjukkan yang mana masyarakat pada ketika itu membudayakan amalan paluan rebana hanya ketika raja ada menunjukkan masyarakat dahulu sememangnya kaya dengan adat dan budaya yang mana setiap adat dan budaya yang dilakukan itu pasti mempunyai tujuan dilakukan. Oleh hal yang demikian, naratif lisan ini ingin dijaga dengan sebaik mungkin kerana di dalamnya terdapat nilai-nilai moral, adat resam dan kebudayaan yang menggambarkan jati diri sebuah bangsa. Perkara inilah yang menggambarkan jati diri dan identiti sebuah bangsa kerana sebuah bangsa yang hebat tahu akan asal usul dan adat resam yang menjadikan sebuah bangsa itu unik. Jelas disini,

masyarakat Melayu merupakan sebuah bangsa yang beruntung kerana mempunyai warisan negara yang sangat bernilai untuk dipelihara bagi disampaikan kepada generasi yang akan datang.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 5.3 Cadangan

Cadangan merupakan satu langkah-langkah yang boleh diambil hasil daripada pengumpulan data maklumat dan proses menganalisis data yang dilakukan melalui kajian *Nilai-Nilai Moral Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* untuk memastikan cerita rakyat dapat terus dipelihara dan dimartabatkan oleh generasi yang akan datang kerana umum mengetahui cerita rakyat ini memang kaya dan sarat dengan nilai-nilai moral yang mampu untuk dijadikan pedoman hidup bagi seluruh lapisan masyarakat sepanjang zaman. Rentetan daripada itu, menerusi dapatan kajian yang diperolehi pengkaji beberapa buah fikiran telah muncul untuk dijadikan cadangan atau langkah-langkah yang boleh diambil bagi memelihara dan memartabatkan lagi cerita rakyat untuk memastikan walaupun dunia sedang mengalami kepesatan teknologi namun cerita rakyat yang merupakan salah satu daripada identiti masyarakat Melayu ini boleh dikenalkan. Menerusi analisis yang telah dilakukan melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) berikut merupakan antara langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengekalkan, memelihara dan memartabatkan cerita rakyat Melayu.

Antara langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengekalkan dan memartabatkan cerita rakyat adalah bermula pada diri sendiri. Setiap individu perlulah mempunyai kesedaran akan kepentingan cerita rakyat. Kesedaran yang ada dalam diri inilah yang menjadi titik tolak untuk mempelajari ilmu yang berkaitan dengan cerita rakyat sama ada secara formal atau tidak formal. Sikap untuk menuntut ilmu itu merupakan satu sikap terpuji dan ditekankan di dalam agama Islam sehingga akan wujud peribahasa tuntutlah ilmu hingga sampai ke negeri China yang mana peribahasa ini ingin menekankan betapa pentingnya untuk setiap individu mempelajari ilmu. Oleh hal yang demikian, menuntut ilmu

yang berkaitan dengan cerita rakyat boleh dijadikan sebagai batu loncatan untuk cerita rakyat ini terus terpelihara. Antara perkara yang boleh dilakukan untuk mendapatkan ilmu berkaitan dengan cerita rakyat ini ialah melalui sumber digital seperti menonton cerita rakyat melalui televisyen, youtube, tiktok, facebook, twitter dan sebagainya. Ilmu berkaitan dengan cerita rakyat ini juga boleh didapati dengan menghadiri we ar yang berkaitan dengan cerita rakyat. Dengan menghadiri we ar yang berkaitan dengan cerita rakyat sedikit sebanyak boleh menambahkan ilmu berkaitan dengan naratif lisan ini. Sebagai seorang individu yang mempunyai kesedaran akan kepentingan untuk memelihara cerita rakyat juga boleh merajinkan diri untuk sentiasa bertanya dengan golongan yang lebih tua berkaitan dengan sejarah atau naratif lisan yang ada di sesbuah kawasan itu. Dengan cara ini, seseorang individu tersebut akan dapat membuka mata dengan lebih luas lagi tentang cerita rakyat yang ada di sesuatu kawasan.

Selain daripada itu, nilai kesedaran yang ingin diterapkan di dalam diri setiap individu juga dipengaruhi oleh institusi kekeluargaan di mana ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memastikan anak-anak mereka membesar dengan dikelilingi oleh cerita-cerita rakyat sebagai satu langkah yang boleh dilakukan untuk memastikan cerita rakyat itu terus terpelihara dan dapat dimartabatkan lagi oleh generasi akan datang. Antara langkah yang boleh diterapkan oleh ibu bapa bagi memastikan anak-anak dibesarkan dengan mengetahui cerita-cerita rakyat Melayu adalah dengan mengadakan sesi bercerita sebelum tidur. Sesi bercerita sebelum tidur ini boleh menggunakan pelbagai cerita rakyat yang terdapat di Malaysia ini. Penceritaan yang dilakukan sebelum tidur ini akan memberi kesan kepada pembesaran anak tersebut kerana waktu sebelum tidur adalah waktu yang sesuai untuk ibu bapa berada dekat dengan anak-anak. Mereka akan lebih mudah untuk fokus dengan apa yang hendak disampaikan dan dibicarakan kerana mereka sedang berada dalam keadaan

yang tenang dan bersedia untuk mendengar tanpa ada sebarang gangguan. Dari sini, cerita rakyat yang disampaikan sebelum tidur akan lebih mudah untuk diingati oleh anak tersebut kerana mereka sedang berada dalam keadaan yang tenang dan bersedia untuk mendengar. Oleh hal yang demikian, antara cadangan pengkaji untuk memastikan cerita rakyat terus terpelihara dan dapat dimartabatkan pada masa akan datang adalah dengan menerapkan rasa suka terhadap cerita rakyat melalui penceritaan sebelum tidur oleh ibu bapa kerana kanak-kanak lebih mudah untuk fokus kepada apa yang hendak disampaikan ketika mereka sedang berada di dalam keadaan yang tenang.

Dalam pada itu, institusi pendidikan juga memainkan peranan untuk memastikan cerita rakyat terus dapat dikekalkan dan dimartabatkan pada masa akan datang. Pihak sekolah memainkan peranan untuk memastikan setiap pelajar terdedah dengan pembelajaran yang berkaitan dengan cerita rakyat. Inisiatif yang boleh dilakukan bagi memastikan para pelajar cakna dengan bidang naratif lisan ini ialah dengan menggalakan para pelajar untuk meminjam buku di perpustakaan. Langkah ini diambil untuk menarik minat pelajar untuk meminjam buku dan membaca buku sebanyak mungkin. Dengan cara ini, sedikit sebanyak boleh menjadikan pelajar terdedah dengan pelbagai genre buku yang ada dan salah satunya cerita rakyat. Pendedahan berkaitan dengan cerita rakyat sejak dari bangku sekolah lagi boleh menarik minat pelajar untuk mendalami bidang ini dengan lebih serius dengan menyambungkan pelajaran dalam bidang sastera atau sejarah. Di dalam bidang ini, terdapat subjek yang berkaitan dengan cerita rakyat. Oleh itu, jelaslah bahawa institusi pendidikan boleh memainkan peranan dengan memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan dengan cerita rakyat. Kesannya, para pelajar akan lebih minat untuk mendalami apa itu cerita rakyat sekaligus dapat memartabatkan cerita rakyat dalam kalangan pelajar.

Akhir sekali, pihak media massa boleh memainkan peranan untuk menyiaran cerita-cerita rakyat di pelbagai platform. Media massa merupakan satu rangkaian yang dekat dan terbesar dalam kalangan masyarakat. Oleh hal yang demikian, pihak media massa boleh menyiaran cerita-cerita rakyat di kaca televisyen kerana kebanyakan individu menghabiskan masa dengan berada di hadapan televisyen. Cerita-cerita rakyat yang boleh dipaparkan adalah seperti *Bawang Merah Bawang Putih*, *Puteri Saadong*, *Batu Belah Batu Bertangkup*, *Si Tanggang*, *Puteri Gunung Ledang* dan sebagainya. Cerita-cerita rakyat ini boleh disiarkan di kaca televisyen sebagai satu langkah untuk menarik minat rakyat Malaysia untuk menelusuri cerita rakyat dengan lebih mendalam. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa cerita-cerita rakyat yang dimainkan di kaca televisyen mampu untuk menarik minat masyarakat untuk mendalami cerita rakyat dan mencari tahu hal-hal yang berkaitan dengan naratif lisan sekaligus dapat memupuk perasaan atau sikap cintakan negara kerana melalui cerita rakyat seseorang individu itu juga dapat mempelajari tentang nilai-nilai moral dan adat resam masyarakat Melayu terlebih dahulu yang sememangnya terkenal dengan nilai budaya yang tinggi yang merupakan lambang atau identiti negara.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 5.4 Penutup

Secara keseluruhan, melalui kajian yang telah dijalankan yang bertajuk *Nilai-Nilai Moral Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* telah menyingkap pelbagai nilai-nilai moral yang boleh diteladani dalam kehidupan seharian. Cara penyampaian nilai-nilai moral yang ditunjukkan dan ditonjolkan oleh penulis melalui sebuah watak melalui naratif lisan memudahkan para pembaca untuk memahami mesej yang ingin disampaikan. Nilai-nilai moral yang ditonjolkan ini juga memberi kesedaran kepada para pembaca yang mana secara tidak langsung pembaca boleh mengambil ikhtibar daripada pembacaan cerita rakyat tersebut. Pelbagai nilai moral yang diselitkan oleh penulis melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Antara nilai-nilai moral yang telah dikupas berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini ialah nilai baik hati, nilai berdikari, nilai berhemah tinggi, nilai hormat-menghormati, nilai kasih sayang, nilai keadilan, nilai keberanian, nilai kebersihan dan nilai semangat bermasyarakat.

Nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat ini boleh dijadikan teladan atau contoh yang mana melalui kisah yang digambarkan terdapat cerita rakyat yang baik dan buruk yang boleh dijadikan pedoman agar perbuatan yang baik untuk diikuti dan perbuatan yang jahat pula untuk dijadikan teladan untuk tidak mengulangi lagi. Bangsa yang berjaya adalah bangsa yang celik sejarah kerana sesebuah bangsa yang berjaya tidak akan mengulangi kesilapan yang sama. Begitulah juga dengan cerita rakyat, masyarakat perlulah mengambil cakna akan intipati atau mesej yang ingin disampaikan agar kesilapan yang diceritakan melalui cerita rakyat tersebut tidak akan diulangi lagi.

Sudah terang lagi bersuluh, nilai moral yang digambarkan di dalam cerita rakyat mempunyai banyak manfaat yang boleh dijadikan pedoman hidup sepanjang zaman kerana ia mampu untuk melahirkan sebuah masyarakat yang tinggi nilai akhlaknya dan boleh membentuk sebuah negara atau kerajaan yang hebat disebabkan nilai moral yang tinggi yang ditunjukkan oleh masyarakat atau rakyat di sesebuah negara itu sendiri. Oleh itu, semua pihak perlulah berganding bahu bagi aur dengan te g untuk bersama-sama memartabatkan cerita rakyat yang sarat dengan nilai-nilai moral yang boleh dijadikan teladan oleh setiap lapisan masyarakat tidak mengira agama dan bangsa agar dapat melahirkan individu yang berkualiti dan masyarakat yang hidup aman dan sentosa.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## Rujukan

- Abdul Rahman Md Aroff. (1993). *Pengetahuan Moral*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Ahmad. (1999). *Komunikasi untuk Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Aboebakar Atjeh (1988). *Akhlaq dalam Islam*. Edisi Ketiga. Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Al-Ghazali, Muhammad (1987). *Akhlaq Seorang Muslim*. Ed. H. Mohd. Rifai. Batu Caves: Thinker's Library.
- Amir A. Rahman (1991). *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman. (2011). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn.Bhd.
- Asniza Zakaria. (2019). Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih. *Jurnal Ipda*, 26, 203–211.
- Atikah Mohd Noor, Sharil Nizam Sha'ri & Rohaidah Kamaruddin. (2018). Nilai Murni Dalam Cerita Sang Kancil. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5 (1), 92-102.
- Azura Abdullah (2000). *Sastera Kanak-Kanak: Meninjau Aspek Meninjau Aspek Budaya Melayu dalam Cerita Binatang dan Kesan Kepada Kanak-Kanak*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Baharudin & Nordiana Hamzah. (2021). Adab Kepada Alam Semesta Dalam Novel Nggusu Waru Yang Tersisa Karya N.Marewo Berdasarkan Nilai Adab Menurut Al-Ghazali. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9 (2), 1-10.
- Che Wan Muhammad Othman Che Wan Md Azam. (2022). Aspek Moral Dalam Novel Di Sebalik Dinara Berdasarkan Teori. *We ar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Dunia* 2022, 132-144.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17 (2), 328-342.
- Dilah Tuah. (2022). Sastera Rakyat Daripada Perspektif Kearifan Tempatan Dan Potensinya Kepada Pelancongan Budaya Di Sarawak. *Akademika*, 92 (2), 153-168.
- Eifa Yuhanis Roslan. (2022). *Unsur Nilai Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu Oleh Hashim Awang (1989)*. Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan.
- Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Zahir Ahmad. (2021). Analisis Nilai Murni Dalam Manuskrip 'Hikayat Saerah Dengan Suami'. *International Journal Of The Malay World And Civilisation*, 9 (2), 15–23.
- Francis Lee Utley. (1965). Folk Literature: An Operation Definition. In. The Study of Folklore (Dundes,A.,Ed.). New Jersey: Prentice-Hall.
- Farra Humairah Mohd. (2018). *Pemikiran Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Dari Tahun 2012 Hingga 2015*. Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.

- Fatimah Md Yassin. (1991). *Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan – Satu Analisis Isi Yang Bercorak Etika. Dialog Kesusasteraan*. Disunting Oleh Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin Dan Zahir Ahmad, Pp. 79-110. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Frank Swettenham. (2003). *Perihal Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hazrul Mazran Rusli, Abdul Aziz Zali @ Zalay. (2020). Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan. *Ideology Journal*, 5(1), 43–56.
- Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd. (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2 (4), 1–11.
- Hashim Awang (1989). *Budaya dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (1999). Teori Sastera Sendiri Pengkaedahan Melayu. *Seminar Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*. Subang USJ, 19-20 September.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu Dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Hashim Awang. (2013). “Teori Perkaedahan Melayu Dan Prinsip Penerapannya”, Kertas Kerja Dalam Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu, Anjuran Bahagian Teori Dan Kritikan Sastera Dewan Bahasa Dan Pustaka. Riviera Bay Resort, Melaka, 28 - 29 Jun 2002 Dlm Pemikiran Dharmawijaya Menterjemahkan Sosialisasi Masyarakat Desa Dan Kota. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak.
- Hashim Awang (1993). Pengkaedahan Melayu Dalam Kajian Dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air (Bahagian Akhir). *Dewan Sastera*. 2: 48-57
- Hashim Awang (1994) Dlm. Jumali Hj. Selamat & Che Abdullah Che Ya (2010). Analisis Teks Cucu Tuk Wali Menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan. *Jurnal Personal Pelajar*. Bil 13 Jun 2010. 19-36.
- Hashim Awang (1999). Teori Sastera Sendiri Pengkaedahan Melayu. Seminar Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri. Subang Usj, 19-20 September.
- Hashim Musa (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Hazrul Mazran Rusli & abdul Aziz Zali@Zalay (2020) Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) dalam Karya Seni Cetakan. *Ideologi Journal*, 5 (1), 43-56.
- Imam al-Nawawi (1983). “Riyad al-Salihin.” Beirut: Dar al-Fikr al-Mucasir.
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Longman.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid. (2021). Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah. *Manu*, 32 (1), 175–201.

- Jelani Harun. (2004). Pemikiran Melayu tentang keadilan raja: Satu analisis berdasarkan karya adab ketatanegaraan. *Dlm. Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesinambungan*, disunting oleh Woramit Baru @ Haji Ahmad Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johari Yahaya. (2015). *Pantun Peribahasa Melayu Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia.
- Jumali Selamat (2001). *Nilai-Nilai dalam Pantun Melayu* Tesis Ijazah Sarjana Muda Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maizatul Akma Shamsuddin. (2022). *Unsur Budaya Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelatan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mastura Othman. (2022). *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnon Ahmad : Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Madiawati Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi & Maizira Abdul Majid. (2020). Hubungan Rakyat dan Pemerintah dalam Tradisi Lisan dari Perspektif Kepimpinan. *Akademiqa*, 90 (3), 117–128.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, (2016). Simbol Dalam Mantera Menurut Kepercayaan Orang Melayu. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu Rumpun*, 4, 25-40.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman, Shaiful Bahri Md Radzi & Hanapi Dollah, (2016). Cerita Lisan Jakun: Suatu Manifestasi Pengalaman dan Impian. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1 (2), 55-69.
- Mohd Ali Hashimi. (1992). *Keperibadian Muslim*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop. (2015). Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 3, 91-100.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor. (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Sains Insani*, 6 (1), 91–98.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). *Seuntai Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Tesis Ijazah Master Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 4 (2), 48- 57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2018). Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu dalam

- Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*. 5 (2), 91-97.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 5 (2), 21-35.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 5 (2), 21-35.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Analisis Aspek Kemasyarakatan Melalui Pemikiran A. Samad Said Dalam Novel Daerah Zeni dan Hujan Pagi. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 9 (2), 15-35.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 2 (16), 1–12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 8 (2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Perbadanan Melayu*, 16 (2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang. *Mahawangsa*, 8 (1), 1–14.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin Abdillah. (2022). Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan. *Teniat*, 10 (1), 15–32.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*. 2 (2), 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan Cerita 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Tesis Sarjana Muda Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal Of Business & Social Devolepment*. 4 (2), 48-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu . *Jurnal Peradaban Melayu*, 16 (2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Penerbit UMK.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Penerbit UMK.

- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Lagenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *Kajian Malaysia Journal Of Malaysia Studies*, 40 (1), 60-72.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Suriatini Ismail. (2022). Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikian Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan. *Teniat*, 10 (1), 15-32.
- Mohd. Taib Osman, Hassan Ahmad (Ed), (2007). Cerita Jenaka Melayu, Kuala Lumpur, Yayasan Karyawan.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun Di Rompin, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan. *Geografia Onlinetm Malaysian Journal Of Society And Space*, 17 (2), 355-365.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid & Md Salleh Yaapar. (2015). Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa Kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8 (2), 202-222.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak. *Jurnal Melayu*, 20 (1), 79-92.
- Muhammad Al-Buraey. (1992). Pembangunan Pentadbir Menurut Perspektif Islam (Abdullah Md. Noor, Norlida Abdul Halim & Norlela Hassan, Ed.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri. (2021). *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhammad Jamaluddin. (2015). *Nasionalisme Islam Nusantara: Nasionalisme Santri*. Jakarta: Kompas Media Pustaka.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 12 (1), 11–25.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak. *Jurnal Melayu*, 20 (1), 79–92.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa. *Pendeta*, 13 (1), 103-114.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerminan Nilai-Nilai Islam Dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah. *Journal Of Business & Social Development*, 9 (1), 51–62.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosibudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu. *Mahawangsa*, 8 (2), 1–12.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh. (2021). Polemik Dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak. *Jurnal Melayu*, 20 (2), 194–212.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (Ijleal)*, 10 (2), 48–56.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Faktor Dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah. *Jurnal Melayu*, 19 (2), 189-204.

Muhammad Syauqi Mat Zawawi. (2022). *Transkripsi Lagu Rakyat Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

Muhammad Zaid Daud & Fatimah Subet. (2021). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik. *Issues in Language Studies*, 10 (1), 110–130.

Muhammad Zaid Daud, Mary Fatimah Subet & Awang Azman Awang Pawi. (2021). “Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai” Sebagai Manifestasi Kritikan Dalam Kancah Politik Tempatan: Analisis Pragmatik. *Icls2021 Proceedings*.

Mustafa Daud (1991). *Tamadun Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mustafa Daud (1995). *Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nadarajan Thambu & Zuraini Jamil @ Osman. (2020). Pengalaman Mendengar dan Membaca Buku Cerita Moral Sebagai Pemangkin Kecerdasan Visual-Ruang Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9 (1), 1-13.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda. *Manu*, 30, 103–129.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*, 32 (1), 116–144.

Noraini Abd. Shukor. (2016). *Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat*. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Noraini Abdul Shukor & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2016). Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 15 (1), 26-49.

Noor Hasnoor Mohamad Nor, Eizah Mat Hussain & Ahmad Ramizu Abdullah. (2019). Kesopanan dalam Komunikasi Menerusi Filem Animasi Kanak-Kanak Tempatan. *Jurnal Komunikasi*, 35 (3), 1-20.

- Nordiana Ab Jabar Dan Mohd Faradi Mohamed Ghazali. (2021). Komunikasi Bahasa Sindiran Dalam Seloka Pak Pandir Dan Pak Kaduk. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal Of Communication*, 37 (1), 364–378.
- Nor Rafidah Saidon, Sity Daud & Mohd Samsudin. (2017). *Faktor Kepimpinan Dan Gender Dalam Penglibatan Politik Wanita Di Malaysia* (1980-2013). *Akademika*. 87 (3), 63-75.
- Normaizatul Anis Ahmad Halis Azhan Mohd Hanafiah. (2019). Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30, 167–187.
- Noel Tichy. & Mary Anne Devanna. (1986). *The Transformational Leader*. New York: John Willey.
- Yukl, G. 1989. Managerial Leadership: A Review Of Theory And Research. *Journal Of Management*. 15 (2), 251-290.
- Norleyza Jailani. (2020). Reka Bentuk Aplikasi Multimedia Berasaskan Kinect Untuk Pembelajaran Peribahasa Melayu. *Ajilhe*. 12 (2), 152-176.
- Nur Ezatull Fadtehah Hedel Dan Mary Fatimah Subet. (2020). Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal*, 3 (2), 147–160.
- Nur Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Sains Insani*. 6 (1), 91-98.
- Nur Samsiah Mazlan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Adat Dalam Teromba Masyarakat Melayu Di Negeri Sembilan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (Ijleal)*, 11 (1), 48–58.
- Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob Dan Nasirin Abdillah. (2021). Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal Of Business & Social Development*, 9 (2), 93–106.
- Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris. (2020). Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Melayu*, 19 (2), 287–305.
- Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris. (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2 (2), 1-15.
- Osman Ayob, Roslan Chin, Tuan Rusbawati Raja Hassan. (2020). Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8 (2), 49–59.
- Putri Nur Anis Balqis Yazik. (2022). *Transkripsi Puisi Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Qurratul ‘Ain Abdul Rahim Dan Mawar Safei. (2020). Perenungan Diri Dari Sisi Pendekatan Seni Dalam 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan Karya Zaen Kasturi. *Malay Literature*, 33 (1), 123-148.

- Rahimah Hamdan. (2021). Membina Personaliti Kanak-kanak dan Remaja Berdasarkan Hikayat Musang Berjanggut. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (1), 173–187.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak dan Siti Ezaleila Mustafa. (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 12 (2), 291-319.
- Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven, (2016). Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kesidang*, 20 - 49.
- Rozita Che Rodi. (2019). Hati Budi Melayu dalam Pengajian Melayu: Analisis Kata Fokus Nilai Berdasarkan Teori Medan Makna. *E-prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kebudayaan*. 24-25 April.
- Ruhaiza Abu Bakar, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris & Mohamad Kazar Razali. (2017). Mitos Dan Lagenda Tasik Chini Sebagai Produk Pelancongan, *Jurnal Wacana Sarjana*, 1 (1), 1-25.
- Sara Beden. (2019). Analisis Prosa Klasik “Kepimpinan Melalui Teladan” berdasarkan prinsip kepimpinan. *Malay Literature*. 32 (1): 37-70.
- Sara Beden. (2020). Kesejarahan Kesantunan bahasa dalam Perutusan Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983). *Jurnal Linguistik*. 24 (1), 51-80.
- Sara Beden & Nur Aisyah Shahira Naimon. (2021). Gapura Iman: Citra Keagamaan Pengkaedahan Melayu. *Prosiding Kolokium Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu 2021*, 50-61.
- Sara Beden & Nur Haifa Rosle. (2021). Penenun Cinta: Analisis Sisi Pengkaedahan Melayu. *Prosiding Kolokium Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu 2021*, 80-93.
- Sara Beden. (2021). Pengkaedahan Melayu: Manifestasinya Dalam Kumpulan Cerpen Perempuan Kerudung Hitam. *Pangsura Jurnal Pengkajian Dan Penelitian Sastera Asia Tenggara*, 46 (24), 43-63.
- Sandy Ramdhani, Nur Aiyah Yuliastri, Siti Diana Sari & Siti Hasriah. (2019). Penanaman Nilai-Nilai Karakter Melalui Kegiatan Storytelling Dengan Menggunakan Cerita Rakyat Sasak Pada Anak Usia Dini. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 3 (1), 153-160.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2015). Si Tanggang Moden dan Perubahan Makna dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka. *Malaysian Journal of Communication*, 31 (2), 247-261.
- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 12 (2), 67–79.
- Siti Fatimah Mamat Roslina Abu Bakar Arbai'e Sujud. (2019). Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Kesidang*, 4, 77–89.
- Siti Zuhaidah Zakeria. (2016) *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalah Dewan Pelajar*. Tesis Ijazah Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.

Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*, 7, 47-63.

Sudirman Kiffli, Fairuladilan Hamadun, Md Ariff Arif, Daeng Haliza Daeng Jamal Dan Hidayat Hamid. (2020). Konflik Dalam Legenda Puteri Saadong. *Teniat*, 86-97.

Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa. (2021). Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat . *International Journal Of The Malay World And Civilisation*, 9 (2), 59-67.

Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Nordiana Ab Jabar, Sudirman Kiffli, Farrah Atikah Saari, Suraya Sukri & Ainul Wahida Radzuan. (2021). Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Atas Lantai Takdir Karya Fida Rohani. *International Symposium On Cultural Heritage (Isych)*, 52-57.

Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan (1992). Pendidikan Dan Wawasan 2020. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 11 (2), 126-140.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan,Mohd Firdaus Che Yaacob Dan Nur Samsiah Mazlan. (2021). Keberkesanan Unsur Watak Dan Perwatakan Dalam Cerita Rakyat Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja Melalui Media Animasi. *Jurnal Melayu*, 20 (2), 230-246.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepemimpinan Terhadap Kanak-Kanak Dan Remaja. *Mahawangsa*, 9 (1), 68-80.

Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010). *Nilai Murni dalam Novel Imam*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.

Wong Shia Ho. (2013). Keharmonian Kaum Dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Penyelidikan Ipg Kbl*, 11 (1), 1-20.

Ummi Hani Abu Hassan & Nur Raudah Siren. (2020). Konsep Cinta Romantisme Islam Berdasarkan Teori Model Rasa Insaniah. *International Journal Of West Asian Studies*, 12, 288-303.

Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Muhd Norizam Jamian & Zubir Idris. (2017). Komunikasi Bukan Lisan: Alamat Kedutan (Denyutan) Berdasarkan Mujarrobah. *Jurnal Melayu*, 391-406.

Zainal Abidin Safarwan. (1997). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur:Utusan Publications & Distributors.

Zainal Abidin Borhan. (2012). Wa'ad, Wasiat dan nasihat dalam sulalat al-salatin: Ikti baru untuk kepimpinan Melayu. *Al-'Abqari* 2: 1-15.

### BIODATA PENULIS



Nama Nadwatun Najihah binti Najmuddin dan berasal dari Klang, Selangor Darul Ehsan serta dilahirkan pada 12 Mei 1999. Pengkaji merupakan anak kedua daripada tiga orang adik-beradik. Nama ibu saya ialah Aniza binti Mohd Sani dan nama bapa ialah Najmuddin bin Sarman. Pengkaji mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bukit Ceraka kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat menengah di Sekolah Agama Menengah Nurul Iman dan mendapat tawaran ke Highschool Klang untuk menyambung pengajian ke tingkatan 6. Kini, sedang melakukan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera Warisan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Matlamat dalam hidup pengkaji ialah untuk membanggakan kedua ibu dan bapa serta melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi suatu hari nanti.



UNIVERSITI  

---

  
MALAYSIA  

---

  
KELANTAN